


Jilid III  
Bil. 58



Hari Rabu  
6hb Disember, 1989

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*House of Representatives*

PARLIMEN KETUJUH  
*Seventh Parliament*

PENGGAL KETIGA  
*Third Session*

## KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
(Ruangan 10069)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(Ruangan 10118)

### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1990

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 35 hingga B. 43 (Ruangan 10119)

### USUL:

Anggaran Pembangunan 1990

Jawatankuasa—

Maksud P. 35 hingga P. 37, P. 39 hingga P. 42 (Ruangan 10119)

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K. I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan  
Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,  
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,  
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-  
HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ,  
S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO'  
DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M.,  
S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN  
YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,  
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.  
(Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N.  
(Hulu Langat).

- Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI AHMAD DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N. B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).

Yang Berhormat DR V. DAVID (Puchung).

- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN @ SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL @ MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG @ GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).

- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah)
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).

Yang Berhormat DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N.  
(Saratok).

- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S.,  
A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,  
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K.  
(Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J.,  
A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG @ TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P.  
(Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K.,  
J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K.  
(Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Suor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Rabu, 6hb Disember, 1989

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Ber-  
hormat Tuan Haji Hussein bin Haji Taib.*(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Haji Hussein  
bin Haji Taib tidak hadir).***Tuan Yang di-Pertua:** Yang Ber-  
hormat Dr Tan Seng Giaw.*(Soalan No. 2 Y.B. Dr Tan Seng Giaw  
tidak hadir).*HAKISAN LAPISAN OZON DAN  
PELEPASAN  
CHLOROFLUOROCARBON

3. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian untuk menangkis tuduhan-tuduhan kononnya negara-negara membangun termasuk Malaysia telah menyebabkan masalah alam sekitar seperti kehakisan lapisan ozon dan pelepasan chlorofluorocarbon ke udara dan lain-lain masalah akibat perindustrian serta pembukaan hutan untuk projek pembangunan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng**

**Ding):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada apa-apa kritikan yang menuduh bahawa negara-negara membangun termasuk Malaysia telah menyebabkan pengurangan lapisan ozon melalui pelepasan chlorofluorocarbon (C.F.C.) ke dalam atmosfera dan juga oleh kegiatan perindustrian. Walaupun demikian, terdapatnya kritikan yang tidak berpatutan mengenai pemusnahan kawasan Hutan Tropika Hujan negara ini.

Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk melindungi kawasan hutan dengan mewujudkan taman-taman negara, sanctuary hidupan liar dan kawasan hutan kekal. Kayu balak yang ditebang ialah dari kawasan hutan produktif di bawah suatu Pelan Pengurusan Hutan. Di bawah Pelan itu, pendekatan yang diikuti ialah penebangan selektif supaya pokok-pokok lain dapat terus tumbuh. Sesungguhnya kita menyanyangi hutan tropika hujan kita seperti golongan pencinta alam, jika tidak, lebih lagi daripada mereka.

Di peringkat antarabangsa perwakilan-perwakilan Kerajaan yang menyertai persidangan dan sebagainya telah memberi keterangan dan makluman yang jelas dan terperinci mengenai dasar tersebut. Risalah-risalah dan filem-filem rencana mengenai dasar alam sekitar dan perhutanan negara kita telah pun disebarkan melalui Suruhanjaya Tinggi dan Kedutaan Besar Malaysia.

Deklarasi Langkawi mengenai Alam Sekitar yang ditajai Malaysia di Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan

Komanwel baru-baru ini, telah dimaklumkan di persidangan-persidangan yang disertai, dan Deklarasi ini antaranya menekankan pengurusan hutan yang berterusan.

Kerajaan tidak mempunyai apa-apa untuk diselindungi, malah Kerajaan telah menjemput rombongan Pertubuhan Antarabangsa Kayu Balak Tropika (atau ITTO) untuk meninjau kawasan hutan di negeri Sarawak. Pada tahun ini juga, 2 rombongan dari Republik Bersekutu Jerman yang terdiri dari ahli-ahli Parlimen Jerman (di antaranya terdapat wakil-wakil dari Parti Green Peace) telah melakukan lawatan ke Sarawak dan mereka menyuarakan kepuasan hati terhadap keadaan hutan tropika hujan negara kita. Sebenarnya kita menggalakkan semua pengkritik untuk melawat negara kita dan dengan itu melihat dengan sendirinya akan usaha pemuliharaan kita serta keadaan sebenar kawasan hutan tropika hujan di Malaysia.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang pertama saya ialah apakah jadual telah diwujudkan oleh Kementerian yang berkenaan untuk mengurangkan penggunaan-penggunaan C.F.C. di dalam negara kita. Adakah barang lembahan gantian akan digunakan untuk mengeluarkan "spare canned product", dengan izin.

Yang keduanya, bilakah pihak (D.O.E.) ini atau Jabatan Alam Sekitar membuat satu kajian, penyelidikan terhadap hutan-hutan di negeri Sarawak dan Sabah, khasnya untuk tujuan memastikan atau menentukan sama ada kegiatan membalak kayu membawa lebih atau kurang kesan yang buruk kepada alam sekitar dari kegiatan pertanian secara shifting cultivation. Adakah rancangan ini ataupun projek itu dibuat, sekiranya dibuat, bolehkah laporan ini dibentangkan ke Parlimen ataupun disiarkan dalam suratkhbar. Dua soalan sahaja.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan tambahan pertama, mengikut kajian yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar, penggunaan C.F.C. dan halons di Malaysia masih rendah dan kurang daripada had yang ditetapkan iaitu 0.3 kilogram kapita setahun.

Jabatan Kastam dan Eksais akan mendapatkan statistik-statistik rasmi C.F.C. dan halons yang diimport melalui Perintah Larangan Import Kastam 1984. Langkah ini adalah perlu supaya kepentingan industri-industri yang benar-benar bergantung kepada bahan-bahan ini terjamin dan aktiviti mereka tidak terjejas. Selain daripada itu industri-industri adalah digalakkan untuk menggunakan bahan-bahan dan proses gantian. Dalam masa yang sama industri-industri dan bangunan-bangunan yang baru adalah tidak digalakkan untuk menggunakan bahan-bahan C.F.C. dan halons, pembaikan-pembaikan alat yang mengandungi bahan-bahan ini adalah juga digalakkan mengambil dan menggunakan balik bahan-bahan ini dan tidak dilepaskan sahaja ke udara.

Mengenai soalan tambahan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, siasatan kajian telah dijalankan oleh ITT dan kita masih menunggu hasil laporan daripada kajian ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, Jabatan Alam Sekitar tidak ada apa-apa rancangan untuk membuat satu kajian mengenai kesan daripada "shifting cultivation" pada masa sekarang.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat mengapakah Malaysia sahaja yang menjadi minat di negara-negara dunia berhubung dengan pembalakan. Adakah ini disebabkan oleh kegiatan-kegiatan dalaman juga yang menyebabkan orang memberi perhatian kepada Malaysia. Kalau dibandingkan dengan negara-negara lain supaya yang mempunyai hutan banyak seperti Indonesia dan juga

Thailand, negara manakah yang paling banyak sekali melakukan kegiatan pembalakan dibandingkan di antara Malaysia dan juga negara-negara Asia Tenggara?

Kemudian yang keduanya, adakah Kerajaan bercadang untuk memberhentikan terus kegiatan pembalakan ini dengan memberi syarat kepada negara-negara dunia yang lain supaya mereka membayar kepada Malaysia bagi setiap kegiatan yang sepatutnya mendatangkan hasil kepada Kerajaan?

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai kritik-kritik terhadap Malaysia mengenai penebangan kayu balak, mungkin ini adalah satu usaha tertentu yang boleh menjejaskan eksport kayu tropika kita untuk setengah-setengah negara maju. Kerajaan juga mengaturkan beberapa program untuk menjelaskan keadaan yang sebenarnya mengenai dasar perhutanan kita dan juga pengurusan hutan kepada pihak berkenaan di luar negeri. Jikalau satu perbandingan dibuat di antara Malaysia dengan pengeluaran-pengeluaran kayu balak yang lain di rantau kita ini, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Indonesia memanglah pengeluaran kayu balak yang lebih besar daripada Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dalam mesyuarat yang diadakan di Noordwijk di negara Belanda baru-baru ini, satu resolusi telah dibuat untuk menggalakkan penanaman hutan di seluruh dunia. Resolusi ini ialah menggalakkan penanaman sebanyak 12 juta hektar setahun menjelang tahun 2000, yakni semua negara akan terlibat. Ini bermakna semua negara perlu untuk mempertingkatkan program-program tanaman semula hutan secara berleluasa dan ianya memerlukan bantuan kewangan yang banyak. Begitu juga di mesyuarat di Jepun iaitu "World Environment Legislator Forum" di mana kita telah dimaklumkan bahawa Kerajaan Jepun telah memperuntukkan

satu tabung untuk menggalakkan penanaman semula hutan-hutan tropika hujan.

#### PENGANGGUR YANG BERDAFTAR—JUMLAH

**4. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) berapakah kesemua jumlah pendaftaran penganggur-penganggur di semua Pejabat Buruh di Malaysia dan apakah langkah-langkah sesuai yang telah diambil bagi mereka yang menganggur; dan
- (b) setakat manakah penganggur-penganggur yang telah dibuang kerja diambil balik setelah ekonomi bertambah pulih dan langkah-langkah Kementerian mengurangkan pengangguran.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah penganggur yang berdaftar dan masih aktif mencari pekerjaan dengan rangkaian Pejabat-pejabat Pekerjaan di seluruh Malaysia sehingga bulan Ogos 1989 ialah seramai 85,470 orang.

Tidak kesemua mereka yang telah diberhentikan kerja mendaftarkan diri dengan Pejabat Pekerjaan di Jabatan Tenaga Rakyat. Penganggur-penganggur yang telah diberhentikan kerja dan kemudian mendapat kerja semula juga tidak dimesti melaporkan kepada Pejabat Pekerjaan. Oleh kerana itu, angka-angka penganggur yang telah dibuang kerja dan diambil balik bekerja tidaklah dapat diberikan dengan tepatnya.

Di bawah bidangkuasa Kementerian Buruh, langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan pengangguran adalah seperti berikut:

- (i) menggalakkan dan menasihati penganggur-penganggur

supaya jangan memilih pekerjaan terlalu banyak. Sebaliknya mereka dinasihatkan supaya menerima apa jua peluang pekerjaan yang ada, terutamanya pekerjaan-pekerjaan kolar biru dan pekerjaan di ladang-ladang getah, kelapa sawit dan sebagainya;

- (ii) menjalankan program-program latihan yang sesuai supaya mereka ini dapat dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh pihak perusahaan di sektor swasta;
- (iii) usaha-usaha juga dijalankan bagi meningkatkan perhubungan dan kerjasama dengan pihak swasta untuk memahami dan mengetahui bidang-bidang kemahiran dan jenis-jenis pekerjaan yang mereka perlukan supaya program-program latihan yang dapat dijalankan dan disesuaikan bagi memenuhi keperluan pihak swasta; dan
- (iv) untuk berusaha mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai kekosongan jawatan dari majikan-majikan supaya lebih ramai lagi pencari kerja yang berdaftar dengan Jabatan ini dapat ditempatkan di dalam pekerjaan.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama, berapa banyakkah mahasiswa-mahasiswa yang telah mendaftar di Pejabat Buruh sehingga setakat ini yang masih belum dapat kejayaannya?

Kedua, sebutkan bilangan mahasiswa-mahasiswa yang dapat masuk dalam bidang kursus kemahiran, bidang pertanian dan bidang penjaja melalui Pejabat Buruh.

Yang ketiga, mengapakah mahasiswa-mahasiswa sukar dapat kerja daripada badan-badan Kerajaan dan bidang swasta?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita tidak simpan maklumat yang penuh mengenai mahasiswa-mahasiswa yang menganggur kerana mereka tidak dipaksa atau diperlukan mendaftar. Tetapi di Pejabat-pejabat Pekerjaan di bawah Kementerian di seluruh negara, kita mempunyai pada masa ini lebih kurang 2,700 pendaftar-pendaftar pekerjaan yang mempunyai ijazah dan lebih kurang 4,000 pendaftar yang mempunyai diploma. Itu sahaja angka yang saya mempunyai pada masa ini.

Berapa ramai di kalangan mereka yang dianjurkan bagi kursus-kursus melalui Pejabat Pekerjaan, saya tidak dapat memberitahu tetapi saya rasa kebanyakan daripada peluang-peluang yang ditawarkan oleh sektor swasta untuk latihan mahasiswa-mahasiswa adalah melalui pengiklanan dan pemilihan sendiri.

Sebab sektor Kerajaan dan sektor badan-badan Kerajaan tidak begitu ramai mengambil mahasiswa-mahasiswa, sebabnya kerana pada masa ini terdapat suatu usaha untuk mengurangkan atau tidak begitu banyak mempertingkatkan pengajian orang, termasuk mahasiswa-mahasiswa.

**Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Haji Abdul Latiff:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan daripada jumlah 85,470 orang penganggur seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, berapakah bilangan pecahan dari segi kaum dan negeri-negeri di seluruh negara?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, dukacita saya tidak dapat memberi pecahan angka itu mengikut kaum tetapi mengikut negeri memang ada angka-angka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyakkah Yang Berhormat?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, senarai itu panjang. Saya boleh beri kepada Yang Berhormat.

**ANGKATAN TENTERA—  
BILANGAN AKADEMI DAN  
KOLEJ TENTERA**

**5. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan akademi dan Kolej tentera di seluruh negara setakat ini dan jumlah murid dan pegawai cadet yang menuntut atau mengikuti kursus di Kolej dan akademi tersebut. Apakah bentuk latihan yang dianjurkan oleh Kolej ini dan sama ada Kerajaan bercadang menambah bilangan Kolej atau akademi tentera di masa yang akan datang. Senarai akademi tentera di luar negeri yang mana kita hantarkan tentera kita untuk kursus lanjutan dan apakah keistimewaan akademi luar negeri.

**Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Angkatan Tentera Malaysia melatih pegawai-pegawai dan anggota-anggotanya di beberapa buah maktab dan institusi yang ada di seluruh negara. Pusat-pusat latihan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Maktab Tentera DiRaja Sungai Besi
- (ii) Maktab Turus Angkatan Tentera
- (iii) Maktab Pertahanan Angkatan Tentera
- (iv) KD Pelandok
- (v) Institusi Teknologi Udara
- (vi) Sekolah Pegawai Kadet TUDM
- (vii) Sekolah Penerbangan Asas
- (viii) Sekolah Penerbangan Helikopter
- (ix) Sekolah Penerbangan Pejuang
- (x) Sekolah Kawalan Trafik Udara

Latihan yang dianjurkan oleh Maktab Tentera DiRaja ialah di antaranya untuk melatih pegawai-pegawai kadet.

(1) *Tauliah Jangka Tetap*

Latihan ini dijalankan selama 2 tahun di mana pegawai kadet Tauliah Jangka Tetap didedahkan kepada pengetahuan asas ketenteraan dan akademik serta ciri-ciri kepimpinan. Latihan ini mengambil penuntut seramai 45 hingga 50 setiap tahun.

(2) *Untuk Latihan Pegawai Kadet*

Latihan Jangka Pendek. Latihan ini dijalankan selama 1 tahun di mana mereka didedahkan kepada pengetahuan asas ketenteraan serta ciri-ciri kepimpinan. Latihan ini juga mengambil penuntut-penuntut antara 45 hingga 50 orang setahun.

(3) *Untuk Latihan Pegawai Graduan*

Latihan ini dijalankan selama 6 bulan di mana graduan-graduan yang telah ditauliahkan dalam Tugas Am diberi latihan di orientasi dalam asas ketenteraan dan ciri-ciri kepimpinan.

(4) *Maktab Turus Angkatan Tentera*

adalah sebuah Institusi Angkatan Tentera yang melatih pegawai-pegawai tentera bagi menjawat jawatan Pegawai Staf 2, serta menyediakan penuntut-penuntut untuk menjawat jawatan sebagai Pegawai Pemerintah di satu-satu pasukan. Jumlah penuntut bagi satu-satu tahun ialah seramai 102 orang, ini termasuk 20 peserta dari negara-negara luar. Sessi kursus ini adalah selama 1 tahun.

(5) *Maktab Pertahanan Angkatan Tentera*

adalah merupakan pusat untuk menguruskan pendidikan professional lanjutan bagi pegawai yang terpilih dalam usaha mempersiapkan mereka untuk menyandang jawatan

kanan dan melaksanakan fungsi pengurusan tinggi. Jumlah pegawai yang mengikuti kursus ini ialah seramai 30 orang setahun termasuk 3 orang dari Polis DiRaja Malaysia dan 2 Pegawai Awam.

- (6) *KD Pelandok* pula merupakan Pusat Latihan TLDM yang bertanggungjawab untuk melatih Pegawai Dalam Latihan (PDL). PDL terbahagi kepada tiga kategori seperti berikut:

- (i) Pegawai Kadet
- (ii) Pegawai Kadet Kanan
- (iii) Kursus Iktisas Lt. Muda

Buat masa ini terdapat seramai 98 orang Pegawai Dalam Latihan yang sedang menjalani latihan di pusat ini.

- (7) *Institusi Teknologi Udara*

Melatih pegawai-pegawai dan ahli-ahli udara dalam kursus-kursus asas dan kepakaran mengikut cawangan seperti Teknikal, Urusetia dan Logistik. Jumlah pelatih dalam jangka-masa setahun adalah 1,600.

- (8) *Sekolah Pegawai Kadet TUDM*

Sekolah yang melatih bakal-bakal pegawai TUDM yang pengambilannya adalah seramai 120 kadet setahun.

- (9) *Sekolah Penerbangan Asas*

Sekolah melatih bakal-bakal Juruterbang TUDM dalam peringkat asas seramai 80 orang setahun.

- (10) *Sekolah Penerbangan Helikopter*

Melatih bakal-bakal Juruterbang Helikopter yang tidak lulus Kursus Asas Penerbangan di TUDM Alor Setar. Jumlah pengambilannya ialah seramai 20 pelatih setahun.

- (11) *Sekolah Penerbangan Pejuang*

Melatih bakal-bakal Juruterbang pesawat Jet Pejuang seramai 20 pelatih setahun. Pelatih-pelatih ini adalah terdiri yang telah lulus Kursus Asas Penerbangan di TUDM Alor Setar.

- (12) *Sekolah Kawalan Trafik Udara dan Bomba*

Merupakan sekolah untuk melatih pegawai-pegawai dan ahli udara dalam bidang asas kawalan trafik udara dan kebombaan. Jumlah pelatih adalah seramai 350 orang setahun.

Di samping latihan di dalam negeri Angkatan Tentera Malaysia (ATM) juga menghantarkan pegawai-pegawainya menjalani latihan di luar negeri. Untuk latihan bagi Tentera Darat, Kementerian Pertahanan menghantar para pegawainya ke beberapa pusat atau akademi tentera seperti berikut:

- (a) United States Military Academy West Point selama 4 tahun.
- (b) Royal Military Academy Sandhurst, United Kingdom.
- (c) Royal Military College Duntroon, Australia.
- (d) Officer Cadet School, Pasir Laba, Singapura.

Sementara TLDM juga menghantar pegawai-pegawainya untuk menjalani Kursus Staf di luar negeri iaitu di United Kingdom, Australia, Amerika Syarikat dan Indonesia begitu juga dengan TUDM di mana kebanyakan kursus-kursus di luar negeri diadakan di beberapa akademi di Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, New Zealand, Bangladesh, Indonesia dan Thailand.

**Beberapa Ahli: (Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum lagi.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, belum lagi. (*Ketawa*)

Tujuan menghantar pegawai kadet menjalani latihan di luar negeri selain daripada melayakkan mereka untuk ditauliahkan sebagai Pegawai Muda adalah juga untuk memberi peluang dalam doktrin dan teknik baru pengendalian peperangan serta berpeluang mendapat pendedahan kepada sistem dan organisasi Angkatan Tentera negara berkenaan. Begitu juga dari segi penerokaan teknologi "avionics" pesawat dan peralatan termoden kursus-kursus di luar negara ini adalah penting kepada Pegawai Kadet TUDM.

**Tuan Haji Abu Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya soalan tambahan. Selain daripada akademi dan kolej tentera ini yang diterangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri sebentar tadi iaitu yang diadakan hanya di Malaysia Barat sahaja. Tidakkah ada kolej-kolej atau akademi ini yang akan diwujudkan pula di Sabah ataupun di Sarawak bagi seimbangkan kedua-dua Malaysia Timur dan Semenanjung?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil ingatan tentang pandangan Yang Berhormat itu tetapi dari segi lanjutan latihan dan sebagainya ada dibuatkan di Sarawak, Labuan dan sebagainya baik Tentera Udara, Laut dan juga Darat. Dari segi sekolah, memanglah tidak ada sepertimana saya sebutkan tadi yang terdapat di Semenanjung Malaysia.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, saya tertarik dengan jawapan yang panjang yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Dalam jawapan, beliau ada menyatakan bahawa salah satu daripada akademi kita melatih pegawai-pegawai daripada beberapa negara luar.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini apakah negara-negara itu dan sama ada kita pernah atau masih melatih pegawai-pegawai bagi kumpulan-kumpulan pembebasan atau liberation group:

- (i) Moro Liberation Front di Selatan Filipina; dan
- (ii) Gerila-gerila Afghanistan yang menuntut kemerdekaan negara mereka.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama negara-negara itu adalah seperti berikut: Indonesia, Thailand, Singapura, Brunei Darulssalam, Filipina, Pakistan, Bangladesh, Australia, United Kingdom, New Zealand, Fiji, Sudan, Amerika Syarikat, Korea Selatan, Oman, Arab Saudi, Sri Lanka, Papua New Guinea dan Nepal.

Negara-negara ini bukanlah sahaja negara yang terdapat pada tahun ini tetapi kita juga memberi peluang bergilir-gilir kepada negara-negara sahabat kita khususnya negara yang memikirkan perlu pada fikiran kita sedikit-sebanyak perhubungan yang rapat.

Bagi pertanyaan yang kedua, jawapannya tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Law Lai Heng.

*(Soalan No. 6 Y.B. Tuan Law Lai Heng tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hashim bin Safin.

*(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Hashim bin Safin tidak hadir)*

## PENDIDIKAN MORAL

**8. Tuan Ong Tee Keat** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang menggantikan Pendidikan Moral dengan

pelajaran P.O.R. (Pupils' Own Religion) untuk pelajar-pelajar bukan Islam. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk menggantikan Pendidikan Moral dengan lain. Pengajaran agama yang lain daripada Islam adalah tertakluk kepada Perkara 38 dalam Akta Pelajaran, 1961 yang berbunyi dalam bahasa Inggeris, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

"The managers or governors or other persons responsible for the management of a school in receipt of grant-in-aid, as the case maybe, may provide for the instruction of the pupils of the school or any of them in a religion other than the Islamic religion provided that no such provision shall be defrayed from the monies provided by Parliament and no pupil shall attend instruction in a religion other than that which he professes except with the written consent of his parent."

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu oleh kerana kalau saya tidak silap Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa perubahan ataupun penggantian mata-pelajaran moral dengan Pupils' Own Religion ini tidak dapat dilakukan kerana ada satu seksyen atau fasal dalam Akta Pelajaran. Kalau itu benar, adakah pihak Kementerian yang kini dikatakan sedang menggubal satu Akta Pelajaran baru akan mengambil kira penggantian Pelajaran Moral ini dengan satu mata pelajaran lain iaitu Pupils' Own Religion. Jika tidak ada ambil kira sekarang dalam penggubalan undang-undang baru ini, mengapa?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, di negara kita ini selain daripada agama Islam, kita ada ramai murid-

murid yang bukan Melayu menganut berbagai-bagai agama seperti Catholic, Protestant, Methodist, Buddhism, Hinduism, Bahai, Sikh atau Taoism dan sebagainya dan sekiranya kita hendak menjalankan semua pendidikan agama mengikut agama murid-murid tertentu dan di satu sekolah, kita memerlukan 7 atau 8 kelas tambahan dan kita hendak melantik lebih ramai guru-guru yang berlainan agama. Dari segi pelaksanaan, Kementerian Pendidikan akan menghadapi banyak masalah dan pada tahap sekarang dan pada tahap hadapan, Kementerian Pendidikan belum bercadang untuk menjalankan pendidikan agama-agama seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Noh bin Rajab.

*(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Mohd. Noh bin Rajab tidak hadir)*

## BALAI BOMBA-BILANGAN

**10. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapakah Jabatan atau Balai Perkhidmatan Bomba yang ada di negara ini dan di tiap-tiap negeri. Dan sama ada Kementerian beliau sedar bahawa terdapat kekurangan enjin-enjin pemadam api dan Perkhidmatan Bomba di negara ini. Memandangkan adanya Jabatan Perkhidmatan Bomba yang terpaksa pergi ke kejadian kebakaran sejauh 50 batu, adakah Kementerian beliau mempunyai rancangan untuk membentuk lebih banyak Jabatan Perkhidmatan Bomba di seluruh negara terutamanya Sabah. Jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Tuan Yang di-Pertua, bilangan Balai Bomba yang ada di seluruh negara adalah berjumlah 152 buah. Pecahan Balai mengikut negeri adalah seperti berikut . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak usahlah yang itu, panjang sangat. Langkau yang itu, jawab yang lain, apa yang ditanya lain.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Terima kasih. Bagi menjawab soalan kedua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedar tentang taburan Balai dan bilangan kereta bomba yang berkurangan di seluruh negara. Walaupun demikian, kecuali kekurangan yang ada, Jabatan Bomba senantiasa mempertingkatkan aktivitinya supaya dapat memberikan perkhidmatan bomba yang berkesan.

Sehubungan dengan itu, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima sebanyak \$38.2 juta telah diperuntukkan untuk membina 13 buah Balai Bomba dan membeli 67 buah kereta bomba baru bagi mempertingkatkan Perkhidmatan Bomba di seluruh negara.

**Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perkhidmatan kereta bomba ini sudah lama, adakah rancangan Kementerian untuk mengadakan helikopter bomba yang tidak lagi merempuh traffic jam terutama di Kuala Lumpur dan di kawasan lainnya yang sukar untuk mendapat pertolongan daripada Bomba?

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat itu memanglah baik dan kita akan mengambil ingatan.

**Tuan Lau Dak Kee:** Soalan tambahan, bolehkah Timbalan Menteri memberi satu keterangan sama ada Balai-balai Bomba di seluruh negara ini tidak dapat mengawal kebakaran mereka di dalam Bomba itu, memandangkan alat-alat bomba yang berada di Balai Bomba itu di mana kebakaran berlaku di Balai Bomba itu tidak dapat dikawal. Adakah kes-kes berlaku seperti ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Balai Bomba itu sendiri terbakar, ya. (*Ketawa*)

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya tidak ada perkara ini berlaku di negara kita.

**Tuan Hsing Yin Shean:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan berlakunya kebakaran di beberapa sekolah baru-baru ini, adakah Kementerian bercadang menghantar pegawai pemadam api ke sekolah-sekolah dan maktab-maktab latihan guru dalam negeri supaya sekolah-sekolah dan maktab-maktab yang berkenaan dapat menubuhkan Pasukan Pemadam Api sendiri. Jika tiada cadangan, mengapa?

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Bomba senantiasa untuk mengingati murid-murid sekolah, guru-guru dan pihak swasta mengadakan ceramah-ceramah sama ada di sekolah-sekolah, di institusi-institusi pengajian tinggi untuk memberi kesedaran kepada mereka akan tanggungjawab mereka jika sekiranya berlaku kebakaran di sesuatu bangunan atau di sekolah-sekolah kerana pada pandangan Jabatan Bomba yang penting ialah dalam masa 5 sehingga 10 minit bermulanya kebakaran, jika sekiranya pihak-pihak di mana berlakunya kebakaran mengetahui akan tanggungjawab mereka untuk membantu Jabatan Bomba di dalam mencegah kebakaran, maka sudah tentulah apabila kereta bomba datang ke tempat kebakaran, kebakaran akan dapat dipadamkan dengan begitu berkesan.

## PROJEK HALACARA BARU

**11. Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Haji Abdul Latiff** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) bilangan projek Halacara Baru dalam pembangunan kampung dan luar bandar yang telah berjaya serta bilangan yang gagal, serta nama projek-projek berkenaan;
- (b) apakah tindakan selanjutnya kepada projek-projek yang gagal.

**Setiausaha Parlimen Kementerian  
Pembangunan Negara dan Luar  
Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah):  
Tuan Yang di-Pertua,**

- (a) Pada masa ini terdapat sebanyak 38 buah projek yang telah dibangunkan mengikut Konsep Halacara Baru (HCB) di seluruh negara. Beberapa buah daripada projek tersebut telah mencapai kemajuan yang cemerlang, manakala yang lainnya adalah di peringkat sederhana sahaja. Salah satu projek yang berjaya ialah di Mulong Lating, Kelantan. Projek ini berjaya menghasilkan pengeluaran purata padi sebanyak 6 metrik tan sehektar semusim berbanding dengan 3 metrik tan sahaja sebelum projek ini dilaksanakan. Manakala pendapatan bersih purata ialah \$1,325 sehektar semusim mengikut perangkaan 1988, berbanding dengan lebih kurang \$500 sahaja sebelumnya. Pada masa ini pengeluaran padi di projek ini adalah merupakan yang tertinggi sekali di Malaysia.
- (b) Konsep Halacara Baru pembangunan kampung dan luar bandar telah diperkenalkan oleh Kerajaan mulai tahun 1984. Pendekatan ini mempunyai 3 aspek penting:
- (i) kemajuan pertanian dengan mengadakan cara pengurusan perladangan yang moden bagi kebun-kebun kecil dan ladang;
  - (ii) mewujudkan industri kampung dan perusahaan kecil atau lain-lain kegiatan ekonomi bukan pertanian; dan
  - (iii) pengelompokan dan penyusunan semula kampung-kampung secara teratur untuk mewujudkan pusat-pusat pertumbuhan baru.

Konsep Halacara Baru pembangunan kampung dan luar bandar ini adalah bertujuan untuk meninggikan pendapatan petani dan penduduk luar bandar di samping memudahkan Kerajaan menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan sosial serta kemudahan prasarana yang sempurna dengan kos yang lebih rendah.

Kejayaan atau kegagalan pelaksanaan sesuatu program/projek tidaklah boleh diukur atau dinilai dalam tempoh yang singkat. Oleh itu, setakat ini adalah sukar untuk menyatakan bahawa projek-projek yang dilaksanakan di bawah Program Halacara Baru ini gagal. Kementerian ini akan sentiasa berusaha memajukan projek-projek yang pencapaiannya dianggap sederhana.

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan projek Halacara Baru ini memperolehi kejayaan yang boleh dikatakan memuaskan tetapi apa yang menyedihkan semenjak 5 tahun yang sudah jumlah projek ini hanya 38 buah sahaja. Apakah punca ataupun masalah yang sebenarnya yang tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan rata-rata yang saya rasa usaha ini boleh dimajukan. Apakah disebabkan kewangan ataupun adakah disebabkan sikap pegawai yang terlibat yang berkaitan dalam Halacara Baru ini.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Tuan Yang di-Pertua, perancangan untuk mengenalpasti kampung-kampung untuk dijadikan Halacara Baru melibatkan berbagai agensi dan juga Kerajaan Negeri. Jadi, terpulanglah bagaimana cepatnya projek ini dapat dikenalpasti dan kerjasama yang erat daripada negeri-negeri untuk membolehkan supaya projek ini dapat dilaksanakan dengan segera.

Keduanya, kadangkala sikap mereka yang terlibat ataupun kepada kampung-kampung yang telah dikenalpasti untuk

diberikan education supaya mereka menerima satu cara pembangunan yang berupa "restructuring" yang mana penerimaannya adalah lebih sukar daripada pembangunan-pembangunan yang telah dibuat sebelum ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai.

*(Soalan No. 12 Y.B. Datuk Haji Sakaran bin Dandai tidak hadir)*

### RANCANGAN PEMULIHAN KAMPUNG—BANTUAN

**13. Tuan Madatang bin Morejal** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sebab-sebab bantuan Rancangan Pemulihan Kampung (RPK) dihentikan beberapa tahun yang lalu. Bilakah Rancangan tersebut dapat diteruskan oleh pihak Kerajaan.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Pemulihan Kampung (RPK) yang dilaksanakan mulai tahun 1979 adalah meliputi program-program pemulihan rumah, pemulihan infrastruktur dan pemulihan ekonomi. Program pemulihan infrastruktur masih diteruskan melalui Program Naik Taraf Jalan Kampung dan begitu juga dengan Program Pemulihan Ekonomi melalui Program Industri Kampung. Hanya Program Pemulihan Rumah sahaja telah dihentikan buat sementara waktu kerana keadaan ekonomi yang tidak mengizinkan pada masa itu. Pemberhentian program ini juga dibuat bagi mengkaji semula kekesanannya.

Walau bagaimanapun, mulai tahun ini Program Pemulihan Rumah telahpun dipulihkan semula dengan lebih tersusun dan teratur lagi di bawah pelaksanaan Program Pembangunan Rakyat Termiskin.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mengenai dengan program yang telah dimulakan semula mengenai dengan pemulihan rumah. Apa yang kita fahami ada dua bentuk pemulihan rumah dengan bantuan \$2,000 atau \$1,500 sebuah. Saya ingin tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar sebuah rumah dengan bantuan \$2,000 atau \$1,500 tidak memberi apa-apa erti dan makna sebab kadang-kadang hendak membaiki rumah dengan harga \$2,000, kita tahu dengan nilai \$2,000 ataupun \$1,500 tidak memberi apa-apa makna. Kita takut nanti dengan belanja \$2,000 itu ada di kalangan mereka yang dapat kayu dan sebagainya, dia buat tandas, dia tidak baiki rumah, akhirnya tandas lebih cantik daripada rumah. Saya bimbang begitu, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin mendapat kepastian apakah Kementerian sudah buat kajian supaya kalau hendak buat program seperti ini biarlah peruntukan itu memadai dan munasabah dengan keadaan sekarang supaya rumah yang dibaiki itu benar-benar jadi rumah, tidak seperti mana kata, sorong-tarik dua tiga keping papan kononnya hendak membaiki tetapi tidak memberi apa-apa kesan terhadap projek tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah kalau kita kata \$1,500 tidak cukup, \$2,000 pun kadang-kadang tidak cukup, tetapi kita menganggarkan bahawa sekurang-kurangnya dengan bantuan daripada Kerajaan ini akan meringankan beban oleh mereka yang mempunyai rumah yang daif. Kita mengharapkan juga bahawa mereka yang terlibat juga akan menyumbangkan kemampuan mereka untuk turut serta supaya kita tidak nanti mengadakan satu kumpulan masyarakat yang 100% mengharapkan subsidi daripada Kerajaan.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah syarat-syarat yang dikenakan untuk mendapat bantuan pemulihan rumah itu. Saya pernah difahamkan bahawa di antara syaratnya ialah bahawa rumah itu mesti terdiri di atas tanah sendiri dan tidak boleh rumah itu terdiri di atas tanah orang lain atau tanah rumah setinggan. Jadi, apakah syarat-syarat lain yang digunakan? Adakah syarat yang saya sebutkan itu benar. Kalau benar, adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengubahnya supaya diberi kepada mana-mana rumah yang perlu dilakukan pemulihan kerana orang-orang yang termiskin tidak ada rumah. Kalau dikenakan syarat orang yang ada tanah atau diridakan di atas tanah sendiri maka tujuan itu tidak sampai kerana tentulah orang itu orang yang berada bukan miskin lagi.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Tuan Yang di-Pertua, syaratnya adalah seperti berikut:

- (i) keluarga-keluarga miskin yang telah dikenalpasti di bawah daftar keluarga termiskin;
- (ii) pendapatan isi rumah bagi keluarga adalah di bawah \$175.00 sebulan;
- (iii) rumah disahkan sangat daif, usang dan tidak selamat didiami atau perlu pembaikan;
- (iv) keutamaan kepada rumah-rumah yang dibina dari kayu-kayu yang diperolehi dari sekeliling kawasan kampung atau daripada bahan-bahan buangan;
- (v) tuan-tuan rumah bersedia membina atau memperbaiki rumah tersebut dan bersetuju menyiapkannya dalam jangka-masa yang dicadangkan;
- (vi) rumah-rumah milik sendiri yang dibina di atas tanah sendiri atau tanah orang lain atau

Kerajaan dengan syarat tuan tanah Kerajaan Negeri memberi kebenaran untuk pemulihan tersebut; dan yang terakhirnya,

- (vii) meliputi rumah-rumah di kawasan kampung tradisi dan rumah-rumah bagi kampung baru yang di luar Penguasa Kerajaan Tempatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

*(Soalan No. 14 Y.B. Dr Chen Man Hin tidak hadir)*

#### KEBAKARAN— MENGURANGKAN

**15. Tuan M. G. Pandithan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan yang telah dan akan diambil ke atas kebakaran-kebakaran yang kerap berlaku di negara kita.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kejadian kebakaran di negara ini adalah seperti berikut:

- (1) Mengadakan Minggu Kempen Mencegah Kebakaran di seluruh negara sejak tahun 1984. Melalui kempen ini orang ramai diberi kesedaran dan tunjukajar tentang kebakaran termasuk bagaimana mengatasi kebakaran kecil.
- (2) Mempertingkatkan penubuhan Cadet-cadet Bomba di sekolah-sekolah dan pasukan-pasukan bomba sukarela di kampung-kampung dan pekan-pekan kecil. Ini bertujuan untuk memupuk semangat mengenai kesedaran bahaya kebakaran dan membantu Kerajaan melaksanakan tugas dengan lebih berkesan.

- (3) Mengadakan ceramah-ceramah umum termasuk rumah kediaman, rumah pangsa, pejabat, kilang, sekolah dan lain-lain.
- (4) Mengadakan ceramah-ceramah penerangan di institusi-institusi pengajian tinggi dan di pejabat-pejabat.
- (5) Berusaha mendampingi orang ramai melalui media massa dan Unit Penerangan Bergerak.
- (6) Menjalankan pemeriksaan dan ujian ke atas bangunan-bangunan bagi menentukan semua sistem kebombaannya ada dipasang dan berfungsi dengan sempurna dan memberikan laporan kepada tuannya melalui Majlis Tempatan.
- (7) Menyediakan pelan-pelan contingency dalam usaha untuk bersiap sedia bagi menghadapi berbagai kemungkinan sekiranya berlaku kebakaran.
- (8) Memberikan kerjasama kepada badan-badan profesional seperti Persatuan Arkitek Malaysia (PAM), Institut Kejuruteraan Malaysia (IKM) dan lain-lain dalam aspek-aspek khidmat nasihat mengenai keselamatan nyawa dan reka-bentuk sistem kebombaannya.
- (9) Menyediakan garis panduan mengenai keselamatan kebombaannya bagi bangunan-bangunan lama, rumah kediaman, bangunan-bangunan tinggi, kilang, hospital, hostel, kompleks membeli belah, asrama dan lain-lain.
- (10) Menerapkan mata pelajaran Mencegah Kebakaran ke dalam kurikulum sekolah dan maktab-maktab tinggi.
- (11) Pili bomba dianak angkat oleh orang awam, dan

- (12) Akta Bomba 1988 akan dikuatkuasakan mulai 1hb Januari, 1990.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaakob:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberitahu mulai daripada 1hb Januari tahun ini hinggalah hari ini 6hb Disember, berapakah kes kebakaran berlaku di negara kita ini dan berapakah jumlah kerugian yang ditaksirkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa yang itu terkeluar daripada soalan asal.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut mengenai dengan cadet-cadet bomba sebagai salah satu usaha untuk menambahkan mungkin kakitangan bomba secara tidak langsung bagi mengawal kebakaran. Saya hendak tahu sejauh manakah kekesanan cadet-cadet bomba ini, sebab saya bimbang ianya tidak memberi kesan tetapi belanja yang membazir.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berlaku di Rantau Panjang. Ada majlis baru-baru ini mungkin takut orang tidak ramai, kebetulan Yang Berhormat Timbalan Menteri balik hendak melawat, hendak himpun pemuda-pemuda, maka ditubuh cadet bomba, diberilah kasut, topi dan sebagainya sehingga saya difahamkan ada pegawai daripada Syarikat Kulitkraf diterbang khusus ke Kelantan hendak ukur kaki bagi cadet-cadet bomba ini.

Jadi, saya bimbang takut cadet-cadet bomba ini secara tidak langsung hanya dijadikan suatu bentuk kumpulan untuk majlis-majlis tertentu, untuk orang tengok seronoklah, macam "for your eyes only," itu bukan James Bond. Ini saya hendak maksudkan kepada cadet

bomba ini, jadi saya hendak bertanya sejauh mana kekesanannya.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang diterima daripada sekolah-sekolah di seluruh negara, memang cadet-cadet bomba di sekolah-sekolah mendapat begitu penuh minat daripada murid-murid sekolah. Satu sebab ianya dapat menanam semangat akan tanggungjawab murid-murid sekolah jika sekiranya berlaku kebakaran.

Dan yang kedua, ia juga memberi satu pengajaran oleh kerana pasukan cadet-cadet bomba ini akan diajar selain mata pelajaran kebakaran juga diminta berkawat atau berbaris, jadi, sedikit sebanyak akan menanamkan sikap disiplin terhadap murid-murid sekolah yang gemar tentang tanggungjawab mereka terhadap masyarakat dan juga negara. Tentang keberkesanan cadet-cadet bomba ini ianya memerlukan satu kajian yang menyeluruh, memang jika sekiranya berlaku kebakaran, cadet-cadet bomba cuma boleh menjalankan tugas sebagai "first-aid" untuk menolong membantu supaya kebakaran itu tidak merebak. Jadi, saya ingat disebabkan response dari murid-murid sekolah begitu ramai sehinggakan kita sukar untuk membekalkan uniform-uniform kepada murid-murid yang ingin menyertai cadet-cadet bomba ini. Itulah maknanya kita telah minta kerjasama dari Wakil-wakil Rakyat di seluruh negara untuk memberi sumbangan dan juga dari orang ramai untuk memberi sumbangan ke atas pembelian atau pembiayaan uniform dan juga kasut yang digunakan oleh cadet-cadet bomba.

#### PROGRAM JIRAN MUDA

**16. Tuan Douglas Uggah Embas** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah tempat di mana program Jiran Muda (young neighbour programme) telah dilaksanakan di seluruh negara mengikut negeri; dan

- (b) sejauhmana program ini telah membantu mengeratkan perpaduan di kalangan belia.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) setakat ini sebanyak 252 buah Jiran Muda telah ditubuhkan di seluruh negara dan bilangan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Perlis	13
Kedah	16
Pulau Pinang	43
Perak	16
Selangor	19
Wilayah Persekutuan	
Kuala Lumpur	30
Negeri Sembilan	43
Melaka	12
Johor	21
Pahang	8
Terengganu	6
Kelantan	2
Sabah	4
Sarawak	19
	<hr/>
Jumlah	252
	<hr/>

- (b) Usaha Jabatan Perpaduan Negara menubuhkan jentera Jiran Muda di kawasan dan di sektor Rukun Tetangga adalah untuk membolehkan golongan remaja belia mengisikan masa lapang mereka dengan berguna dengan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti penggalakkan yang berfaedah bagi memupuk semangat kejiwaan dan perpaduan di kalangan mereka.

Penubuhan Jiran Muda di kawasan ataupun sektor Rukun-tetangga dimulakan hanya pada

tahun 1988 sebagai tindakan susulan kepada satu lagi program untuk remaja iaitu khemah kerja kejiranan. Semenjak penubuhannya ternyata hubungan yang erat telah terjalin di antara belia-belia, remaja berbilang kaum satu-satu kawasan Rukun Tetangga melalui aktiviti-aktiviti yang dianjurkan bersama seperti sukan, pendidikan, kebudayaan dan ketika mereka sama-sama membantu Jawatankuasa Rukun-tetangga melaksanakan aktiviti-aktiviti kejiranan yang lain.

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak tanya Yang Berhormat Menteri, selain dari tujuan-tujuan yang disebut oleh beliau tadi dalam jawapannya, saya ingin tahu adakah tujuan yang lain yang telah disembunyi misal kata Program Jiran Muda ini adakah salah satu maksud program jiran ini ialah untuk menolong pemuda pemudi remaja mencari partner akhirnya membuat mereka berkahwin dan katanya adakah ini merupakan satu agensi match-making, dengan izin.

**Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, di antara tujuan-tujuan penubuhan Jiran Muda ini ialah supaya membolehkan muda-mudi kita menghayati sifat-sifat kewarganegaraan yang baik, juga nilai-nilai seperti nilai-nilai toleransi, kerjasama, tolak-ansur, tolong-menolong, hormat-menghormati di antara satu sama lain, di samping memberi latihan dan kepimpinan kepada mereka dan juga perkembangan jasmani dan rohani. Juga, kita bertujuan untuk membolehkan mereka mendapat pengetahuan dan kefahaman tentang kehidupan bermasyarakat dalam pelbagai budaya. Itu sebenarnya tujuan. Kalau hasil daripada pertemuan seperti ini bertemu jodoh, itu eloklah juga, Tuan Yang di-Pertua, asalkan baik, asalkan dia buat itu dengan cara halal.

### DOKTOR PAKAR MENINGGALKAN PERKHIDMATAN KERAJAAN

**17. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa ramai doktor pakar meninggalkan perkhidmatan Kerajaan dari tahun 1986 hingga sekarang, nyatakan apakah sebab-sebab utama yang menyebabkan mereka meletakkan jawatan dan apakah langkah Kerajaan bagi mencegah kejadian itu berlaku.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Kesihatan, jumlah Doktor Pakar yang telah meninggalkan perkhidmatan Kerajaan dari tahun . . . .

**Beberapa Ahli DAP: Boo!**

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah Doktor Pakar yang telahpun meninggalkan perkhidmatan Kerajaan daripada tahun 1986 hingga Ogos, 1989 adalah seramai 95 orang.

Sebab utama mengapa Doktor-doktor Pakar ini meletakkan jawatan ialah kerana hendak bekerja di klinik-klinik sendiri ataupun hendak bekerja di hospital-hospital swasta yang menawarkan pendapatan lebih tinggi daripada Kerajaan.

Untuk mengatasi masalah perletakan jawatan pakar-pakar ini, Kementerian telah dan sedang mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

(1) Menggalakkan Pegawai-pegawai Pakar terus berkhidmat dengan Kerajaan dengan:

(a) menaikkan elaun dan bayaran kepada Pegawai-pegawai Pakar yang telah pun dilaksanakan sejak tahun 1983 lagi;

- (b) menaikkan taraf jawatan-jawatan Pakar ataupun mewujudkan lebih banyak lagi jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi bagi Pegawai-pegawai Pakar;
- (c) memberi peluang kepada Pegawai-pegawai Pakar menghadiri persidangan ataupun kursus-kursus pendek di luar negeri;
- (d) menambah bilangan Pegawai-pegawai yang menjalani latihan post-graduate dengan cara:
  - (i) memberi hadiah latihan ataupun cuti tanpa gaji kepada Pegawai-pegawai Perubatan untuk kursus-kursus lanjutan tempatan atau di seberang laut; dan
  - (ii) meningkatkan lagi k e m u d a h a n -kemudahan latihan di hospital-hospital yang sesuai.

Langkah-langkah tersebut di atas adalah meliputi seluruh Malaysia, termasuk Negeri Sabah dan Sarawak.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah pada masa sekarang negara kita masih menghadapi kekurangan doktor-doktor pakar, terutama dalam bidang dermatology, paediatrics, orthopaedics dan cardiology.

Pada masa sekarang berapakah doktor pakar yang berkhidmat di bawah kontrak, iaitu doktor pakar yang datang dari negara asing yang bekerja dalam negara kita di bawah kontrak?

Selalu saya dengar banyak cadangan, banyak langkah yang akan diambil oleh Kementerian Kesihatan, tetapi sampai

masa sekarang masih menghadapi masalah. Adakah pihak Kementerian bercadang menubuhkan satu Jawatankuasa yang melibatkan MMA untuk mengatasi masalah ini?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita tidak menafikan adanya kekurangan pakar-pakar yang telah disebut oleh Yang Berhormat dari Kampar. Sememangnya daripada dahulu lagi kita mempunyai masalah yang serupa, tetapi tindakan-tindakan untuk menambah jawatan-jawatan ini sedang dan telahpun diambil.

Pada masa sekarang terdapat juga pakar-pakar kontrak yang bekerja dengan kita tetapi saya tidak ada angka-angka yang tertentu, dan oleh kerana itu saya mohon notis.

Ketiga, mengenai Jawatankuasa. Pada masa ini satu Jawatankuasa telahpun ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk mengkaji masalah-masalah yang timbul daripada perkhidmatan pakar-pakar ini.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 2, 6, 7, 9, 12, 14 dan 18 hingga 27 adalah diberi di bawah ini*)

## HARGA KELAPA

**1. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah dan tindakan-tindakan yang akan diambil oleh FAMA atau Kementerian Pertanian bagi meningkatkan harga kelapa yang pada masa kini berada pada tahap yang menyedihkan atau sangat dirasakan oleh pekebun-pekebun kecil dan apakah jenis bantuan yang patut diberi kepada pekebun-pekebun kecil ini.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam):** Harga kelapa masih berada di peringkat yang melebihi daripada kos pengeluarannya. Buat masa kini, harga untuk kelapa biji (tidak bergred) adalah 14 sen sebiji manakala kos pengeluarannya adalah 8 sen. Untuk kelapa kering (kampung), harganya adalah 60 sen sekilo manakala kosnya adalah 40 sen. Paras harga ini adalah tinggi berbanding dengan tahun 1986 harga kelapa biji adalah 7 sen sebiji dan harga kelapa kering ialah 31 sen sekilo. Ini bermakna penanam-penanam kecil kelapa masih mendapat kadar keuntungan untuk hasil mereka.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pertanian melalui FAMA akan terus mengesan keadaan pasaran kelapa tempatan serta antarabangsa. Sekiranya keadaan merosot pada masa akan datang, pihak FAMA akan meningkatkan lagi belian kelapa daripada pekebun-pekebun kecil di negara ini agar petani dapat memasarkan hasil mereka dengan sewajarnya.

#### **TALI PINGGAN KELEDAR-KESALAHAN TIDAK MEMAKAI**

**2. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bilangan orang yang dikenakan denda atas kesalahan tidak memakai tali pinggang setiap tahun sejak penguatkuasaan undang-undang tersebut.
- (b) apakah keberkesanan undang-undang ini dalam usaha mengurangkan bilangan kematian atau cedera parah pemandu dan penumpang hadapan kereta semasa kemalangan pada setiap tahun sejak penguatkuasaannya.
- (c) adakah Kerajaan bercadang menguatkuasakan supaya penumpang di bahagian belakang kereta juga perlu memakai tali pinggang. Jika tidak, mengapa.

Adakah Kerajaan senantiasia memerhati kajian mengenai kecederaan kepada penumpang kereta semasa berlakunya kemalangan yang dijalankan di negara-negara asing. Jika ada, maka, mengapakah Kerajaan masih tetap kurang yakin terhadap penguatkuasaan undang-undang mengkehendaki semua penumpang kereta memakai tali pinggang.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):**

- (a) Bilangan kes bagi kesalahan tidak memakai tali pinggang keledar setiap tahun mulai 1979 sehingga 1988 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Kes</i>
1979	3,658
1980	6,129
1981	3,633
1982	2,182
1983	3,159
1984	4,134
1985	6,080
1986	7,451
1987	13,181
1988	22,348
<b>Jumlah</b>	<b>71,955</b>

- (b) Di segi keberkesanan undang-undang dalam mengurangkan kadar kematian atau cedera parah pemandu/penumpang hadapan kereta semasa kemalangan, ianya agak sukar untuk ditentukan. Bagaimanapun, kajian yang telah dijalankan menunjukkan kadar kecederaan yang dialami oleh pemandu atau penumpang hadapan kenderaan adalah berkurangan jika penggunaan tali pinggang keledar semasa berlaku kemalangan.

- (c) Buat masa ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk menguatkuasakan penggunaan tali pinggang keledar bagi penumpang di bahagian belakang kenderaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang memerhati kajian yang dijalankan di negara-negara asing dan di samping itu data mengenai kes-kes kecederaan kepada penumpang di bahagian belakang mula dikumpulkan melalui satu format baru bagi laporan kemalangan jalan raya yang baru diperkenalkan sejak awal tahun ini. Adalah diharap analisa data-data tersebut akan memberi asas bagi membantu pihak berkuasa menggubalkan peraturan-peraturan sewajarnya.

#### PENEROKA FELDA

**6. Tuan Law Lai Heng** meminta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) jumlah peneroka-peneroka yang tinggal di setiap rancangan FELDA sejak mula FELDA dibuka sehingga bulan September 1989; dan
- (b) jumlah peneroka-peneroka yang telah diberi hakmilik tanah sehingga bulan September 1989.

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Mohd Khalid bin Mohd. Yunus):**

- (a) Sehingga bulan September 1989, terdapat 116,366 peneroka di seluruh rancangan FELDA di negara ini.
- (b) Bagi tempoh yang sama, jumlah peneroka yang telah diberi hakmilik ialah 8,920 peneroka.

#### KADAR KEMISKINAN PEKEBUN KECIL

**7. Tuan Hashim bin Safin** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sehingga sekarang

berapakah jumlah pekebun-pekebun kecil yang telah dinaikkan taraf terlepas daripada taraf kemiskinan dan berapakah lagi yang masih berada di bawah paras kemiskinan. Bagaimana usaha-usaha selanjutnya untuk memastikan kesemua keluarga pekebun kecil akan terlepas daripada taraf kemiskinan.

**Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Kadar kemiskinan di kalangan pekebun kecil telah berjaya diturunkan dari 48.5% dalam tahun 1977 kepada 40.0% pada tahun 1987. Ini bermakna, dalam tempoh tersebut, seramai 47,885 orang (8.5%) pekebun kecil telah dinaikkan taraf melepasi garis kemiskinan. Bakinya masih terdapat 225,341 orang pekebun kecil yang masih berpendapatan di bawah garis kemiskinan. Usaha-usaha RISDA untuk melepaskan keluarga pekebun kecil daripada garis kemiskinan adalah melalui program-program yang dapat dibahagikan kepada dua jenis. Pertama, Program Utama iaitu menanam semula pokok getah tua yang tidak produktif dengan sama ada getah baka baik atau dengan 18 jenis tanaman lain yang difikirkan lebih menguntungkan.

Kedua, Program Sokongan. Program Sokongan dibahagikan kepada Program Sokongan Ekonomi seperti pemerosesan getah, dan program sokongan sosial seperti Koperasi Pekebun Kecil. Di samping program-program yang disebutkan, RISDA juga diberi peruntukan sebanyak \$1.5 juta di bawah RML untuk menjalankan aktiviti melalui Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT).

#### PROGRAM PAWAH LEMBU

**9. Tuan Mohd. Noh bin Rajab** minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah berkesannya program lembu pawah dan subsidi baka yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian.

**Dato' S. Subramaniam:** Program Pawah Lembu telah dimulakan di Negara ini sejak awal tahun 1960an lagi. Melalui program ini, seorang penternak diberi pawah antara 1-3 ekor lembu. Penternak tersebut pula dikehendaki memulangkan kepada Kerajaan seekor anak lembu, bagi tiap-tiap ternakan yang diterima.

Program ini memang sungguh berkesan dalam membangun dan melipat ganda bilangan lembu di negara ini. Di kawasan-kawasan Rancangan Felda misalnya, berpuluh-puluh ribu ekor lembu yang ada sekarang, adalah berpunca dari ternakan pawah. Secara keseluruhan, lebih 115,800 orang penternak telah mendapat manfaat dari skim ini. Sebanyak 117,100 ekor lembu dan 32,200 ekor kerbau telah dipawahkan sehingga tahun 1988. Jualan subsidi induk hanya dikeluarkan untuk lembu tenusu sahaja. Sehingga tahun 1988, seramai 7,000 orang penternak telah menerima 11,751 ekor ternakan di bawah program ini.

## RADIOTHON RTM

**12. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Penerangan menyatakan-

- (a) apakah hasil dan faedah program, Radiothon yang dilancarkan baru-baru ini.
- (b) apakah program tersebut akan diadakan lagi.
- (c) apakah rancangan-rancangan pihak Kementerian di dalam mengeratkan dan menambahkan lagi pengetahuan rakyat dengan negara-negara asing.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey):** (a) RTM buat pertama kalinya mengendalikan rancangan Radiothon mulai 31 Ogos 1989 sehingga 3 September 1989 dengan menyediakan rancangan-rancangan khas yang melibatkan rakyat Malaysia

baik di dalam mahupun di luar negeri. Acara-acara yang melibatkan siaran dari luar negeri oleh rakyat Malaysia disiarkan dari Tokyo, Hilversum (Netherlands), London, Cologne (Jerman Barat), Los Angeles, Bangkok, Manila, Bandar Seri Begawan, Jakarta, Medan dan Seoul. Rancangan-rancangan ini disiarkan secara langsung dengan kerjasama badan-badan penyiaran di negara-negara tersebut.

Siaran tersebut telah membolehkan warganegara Malaysia di negara-negara tersebut menghantar mesej bukan sahaja kepada sanak saudara dan kawan-kawan mereka, tetapi juga kepada semua pendengar radio di Malaysia. Ini secara langsung dan tidak langsung telah merapatkan silaturrahim rakyat di luar negeri dengan rakyat di dalam negeri.

Di samping itu, kakitangan RTM yang di hantar ke negara-negara tersebut untuk mengendalikan rancangan Radiothon telah berjaya merapatkan hubungan dan juga bertukar-tukar fikiran dan pengalaman dengan kakitangan badan-badan penyiaran di negara-negara yang terlibat. Melalui temuramah Juruhebah-juruhebah RTM dengan badan penyiaran antarabangsa tersebut yang disiarkan di negara masing-masing, RTM telah dapat memperkenalkan Malaysia ke dunia sebagai persiapan bagi Tahun Melawat Malaysia 1990 dan dapat mengwujudkan kerjasama Radio di antara Malaysia dan stesen-stesen di luar negeri.

Di peringkat kebangsaan pula, Radiothon telah memberi peluang kepada orang ramai untuk melibatkan diri dalam rancangan-rancangan tersebut. Ianya juga telah merapatkan hubungan di antara rakyat dengan Kerajaan dan rakyat dengan rakyat. Radiothon telah berjaya memupuk semangat perpaduan dan cinta pada negara, bukan sahaja di kalangan para pendengar tempatan tetapi juga di kalangan rakyat yang berada di luar negeri.

(b) Kementerian ini sedang berusaha supaya Radiothon dapat diadakan sebagai satu acara tahunan sempena dengan Hari Kebangsaan Malaysia.

(c) Untuk makluman Yang Berhormat, RTM ada beberapa rancangan yang bertujuan untuk menambahkan pengetahuan rakyat Malaysia mengenai negara-negara asing. Di antara program-program ini adalah:

(i) **Di Radio**

- (a) Sains dan Orangramai.
- (b) Berita Jam 5.
- (c) Salam Muhibbah.

Di samping itu juga, berita-berita menarik dari luar negeri diumumkan dari semasa ke semasa untuk pengetahuan para pendengar.

(ii) **Di Televisyen** pula, di antara rancangan-rancangannya adalah:

- (a) Dunia Jam 10.
- (b) Filem-filem Dokumentari.
- (c) Berita.
- (d) Beyond 2000.
- (e) Wall Street Journal.
- (f) Money Programme.
- (g) Great Escape.
- (h) Sejam Dengan CNN (Cable News Network) dan lain-lain.

**PUSAT MAKLUMAT-  
KEPERLUAN ORANG RAMAI/  
PELAJAR**

**14. Dr Chen Man Hin** minta Perdana Menteri menubuhkan sebuah Pusat Maklumat di mana statistik-statistik penting negara berkait dengan sejarah, budaya, kewangan, perdagangan, perindustrian, pentadbiran Kerajaan, Kesihatan dan lain-lain boleh diperolehi dengan mudah oleh orang ramai, pelajar-pelajar dan saintis-saintis yang membuat Penyelidikan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Kerajaan memang sedar betapa pentingnya keperluan untuk membantu orang ramai terutamanya pelajar-pelajar dan saintis-saintis memperoleh maklumat bagi aktiviti-aktiviti pembelajaran dan penyelidikan mereka. Untuk maksud ini, tindakan-tindakan telahpun diambil oleh beberapa agensi Kerajaan untuk mewujudkan pengkalan-pengkalan data bagi bidang-bidang tertentu seperti kesihatan, sejarah, kebudayaan, pertanian, perikanan serta perdagangan dan perindustrian. Boleh dikatakan kesemua pengkalan-pengkalan data ini boleh digunakan oleh orang awam secara percuma ataupun dikenakan bayaran yang rendah.

Di samping pengkalan-pengkalan data, terdapat juga perkhidmatan maklumat yang lain seperti perkhidmatan Telita yang ditawarkan oleh Syarikat Telekom Malaysia dan penerbitan berbagai jenis perangkaan oleh Jabatan Perangkaan.

Sehubungan dengan cadangan supaya sebuah Pusat Maklumat diwujudkan, dimaklumkan bahawa Kerajaan sedang menjalankan perancangan untuk menubuhkan pusat seumpamanya yang dikenali sebagai Pusat Penerangan Awam (PPA) pada tahun hadapan. PPA merupakan pusat penyaluran yang menyediakan maklumat-maklumat asas berkaitan dengan semua aspek dalaman negara, umpamanya struktur pentadbiran Kerajaan dan negara, maklumat-maklumat ekonomi, sosial dan budaya, perdagangan, perindustrian, pelancongan dan lain-lain untuk disebarkan kepada orang ramai khususnya pelabur, penyelidik dan pelancong. PPA juga adalah merupakan pusat rujukan yang akan menyalurkan pertanyaan-pertanyaan mengenai maklumat tertentu dan lebih terperinci kepada pihak yang bertanggungjawab mengenai aspek tersebut.

*(Soalan No. 18. Sila lihat jawapan No. 14 pada 29-11-89).*

**PERUMAHAN—MATLAMAT  
PEMBINAAN**

**19. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah matlamat pembinaan rumah untuk tahun 1990 telah tercapai dan sila nyatakan mengikut pembahagian setiap negeri.
- (b) apakah tindakan Kementerian Perumahan terhadap projek-projek perumahan yang terbengkalai.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kelima, iaitu dari tahun 1986 hingga 1990, Kerajaan merancang untuk membina sejumlah 701,500 unit rumah di seluruh negara. Pencapaian mengikut negeri berdasarkan maklumat yang ada pada masa ini di Kementerian Perumahan adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah unit yang siap</i>
Johor	34,812
Kedah	9,237
Kelantan	2,779
Melaka	2,842
Negeri Sembilan	8,988
Pahang	16,340
Perak	15,570
Perlis	1,148
Pulau Pinang	12,781
Selangor	25,935
Terengganu	3,008
Wilayah Persekutuan	12,625
Sabah	2,605
Sarawak	1,463
Jumlah	<hr/> 149,593 <hr/>

- (b) Tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk memulihkan projek perumahan terbengkalai ialah:

- (1) Mengadakan perjumpaan dengan pembeli-pembeli untuk memberi penerangan berhubung dengan tindakan yang perlu diambil untuk memulihkan projek.
- (2) Meminta pembeli-pembeli menubuhkan Jawatankuasa pembeli-pembeli.
- (3) Meminta pemaju menyerahkan projek kepada Jawatankuasa Pembeli-pembeli sekiranya perlu.
- (4) Membuat kajian kemungkinan (feasibility study) ke atas projek yang berkenaan dengan mengkaji kedudukan kewangan dan kemajuan pembinaan.
- (5) Mengadakan perbincangan dengan Bank/Institusi-institusi Kewangan dan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat.
- (6) Mengadakan perbincangan dengan piutang-piutang dan;
- (7) Mengawasi dari masa ke semasa di atas kerja-kerja binaan setelah projek dipulihkan.

**PELAJAR MELAYU DI SEKOLAH  
AGAMA RAKYAT**

**20. Tuan Haji Mohd. Sam Sailan** minta Perdana Menteri menyatakan tragedi kebakaran yang berlaku pada satu daripada sekolah agama rakyat di Kedah baru-baru ini. Adakah Kerajaan bersetuju bahawa ramainya pelajar yang berdaftar di sekolah menjadi pengikut

kepada kegagalan sistem pendidikan bagi pelajar-pelajar Melayu mendapatkan pendidikan agama. Apakah rancangan dan tindakan Kerajaan seterusnya.

**Tuan Othman bin Abdul:** Adalah tidak benar kenyataan bahawa adanya pelajar-pelajar Melayu bersekolah di sekolah-sekolah agama rakyat menunjukkan sekolah-sekolah Kerajaan tidak dapat memastikan pelajar menerima pendidikan agama. Perkara ini jelas kerana bilangan pelajar yang belajar di sekolah-sekolah agama rakyat adalah kecil berbanding dengan jumlah keseluruhan pelajar Melayu yang bersekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menyediakan kemudahan-kemudahan yang tersusun dan lengkap bagi pelajar-pelajar Melayu mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam dan kemudahan-kemudahan ini sentiasa dikaji dan dipertingkatkan. Oleh hal yang demikian termasuk pelajar-pelajar ke sekolah-sekolah agama rakyat bukanlah kerana kemudahan mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah Kerajaan tidak sempurna tetapi lebih kepada sebab-sebab tersendiri ibubapa mereka.

## LAPANGAN TERBANG DI PULAU JAMBONGAN—AMBILALIH

**21. Tuan Michael Asang** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian bercadang untuk mengambil alih dan membesarkan Lapangan Terbang di Pulau Jambangan yang digunakan oleh pihak tentera di sana. Jika ya, bilakah pengambilalihan dan juga pembesaran berkenaan akan dibuat;
- (b) sama ada Kementerian Pertahanan bercadang untuk membekalkan Bot Peronda Laju

kepada Pasukan Tentera yang ditempatkan di Pulau Jambangan, memandangkan pada masa ini pihak tentera di sana tidak menjalankan tugas dengan penuh berkesan memandangkan tiadanya bot peronda bagi meronda di kawasan persisiran pantai. Jika ya, bilakah ianya akan dibekalkan.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:**

- (a) Kementerian ini dan khasnya Departmen Tentera Udara tidak bercadang untuk mengambilalih atau membesarkan Lapangan Terbang di Pulau Jambangan tersebut.
- (b) Tentera Laut Di Raja akan memberi bantuan dan menunjukkan kehadiran terutama di kawasan-kawasan yang dianggap penting dan perlu dari segi keselamatan apabila dimohon oleh pihak-pihak yang berkenaan. Sebagai operasi rutin, TLDM membuat rondaan di kawasan perairan Sabah Timur sesuai rencana Operasi yang telah ditetapkan. Sehingga kini belum ada apa-apa rancangan yang diatur oleh TLDM untuk membekalkan bot-bot peronda kepada pihak tentera bagi meronda di kawasan-kawasan persisiran pantai.

## PESAWAT TUDM YANG MELETUP

**22. Tuan Haji Mohamed bin Haji Yaacob** minta Menteri Pertahanan menyatakan, apakah Kementerian ini sudah buat siasatan di atas peristiwa Pesawat TUDM yang meletup di udara yang menyebabkan juruterbang terbunuh. Kalau sudah apakah sebabnya.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Pihak Kementerian telah pun

menubuhkan satu Lembaga Penyiasatan pada 4 September, 1989 bagi menyiasat kemalangan sebuah pesawat TUDM jenis Pilatus PC 7 di kawasan sawah padi di Kampung Rambai, Mukim Bukit Raya, Tokai Pendang. Lembaga Penyiasatan ini, diketuai oleh Lt Kol Lim Tow Leang TUDM, dibantu oleh dua orang pegawai TUDM yang lain dan seorang doktor tentera. Lembaga telah meneliti kesemua aspek yang boleh menyebabkan terjadinya kemalangan tersebut.

Daripada bukti-bukti utama yang terdapat daripada tempat kemalangan, iaitu keadaan serpihan-serpihan bahagian pesawat, injin dan keadaan kawasan sawah padi di mana sebahagian besar pesawat didapati terbenam dan sawah padi perlu digali lebih kurang 4 meter bagi mengeluarkan bahagian pesawat tersebut, membuktikan bahawa pesawat itu berkeadaan menjunam dan berkecai di dalam sawah padi. Penyelidikan yang dilakukan ke atas bangkai serta serpihan bahagian pesawat yang dijumpai, membuktikan TIADA LETUPAN di udara telah berlaku sebelum pesawat tersebut menjunam ke dalam sawah padi. Sehubungan itu tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa pesawat telah terbakar semasa di udara.

Melalui kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh lima orang saksi, letupan hanya didengar sebaik sahaja pesawat memasuki ke dalam sawah padi. Hanya seorang saksi sahaja iaitu En. Talib bin Domeh yang mengatakan pesawat itu telah meletup di udara dan beliau ialah salah seorang yang ditemuramah oleh pihak Media Massa serta disiarkan di TV pada hari yang sama. Dengan hal yang demikian maka terkeluarlah laporan bahawa pesawat telah meletup di udara.

Pemeriksaan ke atas latarbelakang pesawat serta keadaan injinnya, Lembaga mendapati bahawa pada

keseluruhannya berkeadaan baik dan injinnya masih berkuasa sebelum pesawat menjunam ke sawah padi tersebut. Dari keterangan-keterangan, pengakuan dan bukti-bukti utama yang diperolehi, pihak Lembaga berpendapat bahawa kemalangan pesawat Pilatus PC-7 TUDM pada 4 September 1989 itu adalah disebabkan kesilapan Juru-terbang (Aircrew error).

### PENYAKIT AIDS

**23. Tuan Jawah anak Gerang** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai dasar untuk mengawal daripada merebak penyakit "AIDS" yang dibawa oleh pelancong-pelancong ataupun pelacur-pelacur daripada luar negeri. Sama ada Kerajaan bercadang untuk mengadakan ujian darah (blood-test) kepada setiap pelacur, perhubungan sejenis (homosex) dan penagih dadah di negara ini.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah pun dijawab pada 16-10-1989 kepada soalan soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahman Bakar dari Marang.

### SETIAUSAHA PARLIMEN— LANTIKAN

**24. Tuan Taiming Lumaing** minta Perdana Menteri menyatakan kenapakah setakat ini belum ada Ahli-ahli Politik dari Sabah yang dilantik menjadi Setiausaha-setiausaha Parlimen.

**Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud:** Perlantikan Setiausaha-setiausaha Parlimen adalah dibuat di bawah Artikel 43B Perlembagaan Persekutuan dan ini dilaksanakan mengikut budibicara YAB. Perdana Menteri beralaskan kepada pertimbangan-pertimbangan tertentu.

**KESATUAN SEKERJA BARU  
MENGANTIKAN MTUC**

**25. Tuan Chew Kam Hoy** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah Kementerian akan menubuhkan satu lagi kesatuan sekerja untuk menggantikan MTUC;
- (b) jika ya, apakah tujuan sebalik penubuhan tersebut; dan
- (c) memandangkan MTUC baru-baru ini dikatakan terlibat dalam politik, apakah langkah-langkah Kementerian untuk memastikan bahawa hak dan kepentingan para pekerja senantiasa di pelihara.

**Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):**

- (a) Penubuhan sesebuah pertubuhan atau kesatuan sekerja adalah hak individu atau kumpulan. Oleh itu mana-mana Kementerian tidak langsung terlibat di dalam penubuhan sesebuah pertubuhan atau kesatuan sekerja;
- (b) Soalan ini tidak timbul;
- (c) Kerajaan sentiasa mengawasi kegiatan MTUC dan juga lain-lain badan atau pertubuhan bukan politik dari bertindak di luar daripada tujuan-tujuan dan maksud mereka didaftarkan.

**TAHANAN ISA**

**26. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada tahun 1989, jumlah yang dikenakan perintah tahanan selama 2 tahun dengan menyebut nama-nama mereka.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Jumlah orang-orang yang ditahan di bawah Seksyen 73 (1) Akta

Keselamatan Dalam Negeri, 1960 dalam tahun 1989 adalah seramai 75 orang kesemuanya. Seramai 51 orang dari jumlah tersebut telah ditahan selama 2 tahun di bawah Seksyen 8 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.

**PELAJAR MATRIKULASI  
UNDANG-UNDANG UKM KE  
UIA -PERTUKARAN**

**27. Puan Sharifah Dorah binti Dato Syed Mohmmmed** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah beliau sedar bahawa seorang pelajar miskin yang memperolehi aggriget 9 telah diterima masuk belajar di kelas matrikulasi undang-undang UKM setelah belajar 2 bulan dan sebulan lagi akan menghadapi peperiksaan pelajar ini tidak lagi dibenarkan meneruskan pengajiannya di UKM serta pihak pentadbiran memohon maaf dan pelajar ini disuruh meneruskan pengajian matrikulasinya di Universiti Islam Antarabangsa. Bolehkah dipohon dengan jasa baik Menteri meminta supaya pelajar ini dapat meneruskan pengajiannya semula di UKM.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang sedar mengenai pertukaran seorang pelajar Matrikulasi Undang-Undang UKM ke Matrikulasi Undang-Undang UIA. Ini adalah kerana didapati pelajar tersebut lebih sesuai ditempatkan di UIA berdasarkan kepada kelayakan beliau dan syarat kemasukan ke UIA. Pertukaran seperti ini sama ada atas permohonan pelajar sendiri ataupun pertukaran yang diatur oleh pihak universiti dan Kementerian adalah merupakan perkara biasa mengikut kesesuaian atau berdasarkan sebab-sebab tertentu.

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan 14 (1) (1) mengenai perjumpaan kita dua orang (*Ketawa*) pada hari Isnin . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, nanti sekejap, 14 (1) (1). Yang Berhormat, berkenaan 14 (1) (1) ialah Memberi Penerangan Sendiri.

**Tuan Hu Sepang:** Ya. Saya ingin hendak dapat satu jawapan dari Tuan Yang di-Pertua seperti dijanjikan oleh Tuan Yang di-Pertua kepada saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya telah baca apa Yang Berhormat ucapkan kelmarin yang menyatakan saya telah pun berjanji kepada Yang Berhormat bahawa saya akan memberi jawapan pada hari kelmarin di dalam Dewan ini. Saya menyatakan di sini bahawa saya tidak pernah berjanji begitu kepada Yang Berhormat dan Yang Berhormat telah membuat satu kenyataan yang palsu dalam Dewan ini. (*Tepuk*)

Yang sebenarnya apa yang saya suruh Yang Berhormat buat, iaitu berjumpa saya kelmarin juga, bukan saya berjanji hendak membuat satu kenyataan di dalam Dewan ini. Yang Berhormat sekarang adalah melanggar Tatatertib Mesyuarat.

**Tuan Hu Sepang:** Jadi bagaimana dengan jawapan itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat berjumpa saya kelmarin, Yang Berhormat tidak datang berjumpa saya kelmarin. Bagaimanakah saya akan memberi jawapan di dalam Dewan ini?

**Tuan Hu Sepang:** Jadi, bila kita jumpa lagi? (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, pertamanya Yang Berhormat telah melanggar Tatatertib Mesyuarat. Kalau Yang Berhormat tidak duduk, saya akan minta Yang Berhormat keluar daripada dalam Dewan ini.

**Tuan Hu Sepang:** Baiklah, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG PELABURAN KERAJAAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pelaburan Kerajaan, 1983; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

### RANG UNDANG-UNDANG BIL PERBENDAHARAAN (TEMPATAN) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bil Perbendaharaan Tempatan, 1946; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

### RANG UNDANG-UNDANG PINJAMAN (TEMPATAN) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Pinjaman Tempatan, 1959; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

### RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1990

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1990

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1990 dan Anggaran Pembangunan, 1990" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (Hari Kedua-belas)

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Maksud B.35, B.36, B.37, B.38, B.39, B.40, B.41, B.42 dan B.43 (Jadual)—*

*Maksud P.35, P.36, P.37, P.39, P.40, P.41 dan P.42 (Anggaran Pembangunan 1990)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ulangkan apa yang saya katakan kelmarin. Oleh sebab ramai yang hendak berucap, saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap pada 10 minit seorang.

Yang Berhormat dari Padang Terap, sila teruskan. Yang Berhormat ada 5 minit lagi.

*3.40 ptg.*

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap):** Tuan Pengerusi, saya menyambung ucapan saya yang dibuat kelmarin. Karl Marx mengajar bahawa komunisme hanya akan berjaya di atas timbunan keruntuhan kapitalisme.

Mengikut ajaran beliau, kapitalisme yang runtuh ialah kapitalisme yang matang dan yang masak, di mana bibit-bibit pertentangan di dalamnya sudah mencapai quantum yang destructive. Sehingga hari ini, belum ada lagi sistem kapitalisme yang betul-betul masak baik di Amerika Syarikat mahupun di Eropah Barat ataupun di Jepun. Di negara kita ianya masih putik. Tetapi Lenin, Stalin dan Mao Tze Tong tidak sabar menunggu dan mereka mewujudkan jalan potong, ataupun dengan izin, short-cut, melalui revolusi tani dan penguasaan secara paksa oleh kaum buruh atau apa yang dipanggil, the dictatorship of the proletariat, dengan izin. Ternyata mereka gagal dengan berlakunya kejatuhan kerajaan-kerajaan komunis pada masa ini.

Tetapi, Tuan Pengerusi, bagi seorang Marxist yang tulen, kegagalan ini merupakan titik kejayaan sepertimana termaktub di dalam falsafah dialectical materialisma mereka. Perangkaian sistem komunis yang ada selama ini yang dibuat oleh Deng Xio Peng dan Gorbachev di dalam bentuk apa yang mereka panggil "reforms" adalah satu langkah untuk mengambil peluang segala pencapaian kemajuan kebendaan teknologi oleh sistem kapitalis Barat. Perestroika atau susunan semula sistem ekonomi yang dibawa oleh Gorbachev adalah semata-mata dibuat untuk meminjam segala aspek organisasi teknologi kapitalis untuk ditutkan kepada sistem ekonomi sosialis yang ternyata gagal. Apabila usaha tut ini berjaya di dalam bentuk peningkatan produktiviti ekonomi dan sosial maka kematangan sistem ekonomi kapitalis yang disyaratkan oleh Karl Marx sebagai rahim yang sesuai untuk pemberanakan dan kemunculan sistem komunis akan berlaku. Dari situ kemaraan faham komunis akan berjalan lebih lancar di seluruh dunia tanpa mengangkat senjata iaitu berpatah balik kepada apa yang diajarkan oleh Karl Marx mengenai the logic of history.

Tuan Pengerusi, saya minta maaf, bukanlah tujuan saya hendak memberi kuliah mengenai Marxism di Dewan yang mulia ini. Saya hanya hendak mengingatkan ataupun mengutarakan satu voice of concern ataupun satu voice of caution, dengan izin, bahawa di dalam keadaan euphoria kita mengalu-alukan perletakan senjata oleh PKM, kita jangan lupa hakikat misi perjuangan komunis yang sebenarnya. Misi perjuangan komunis sebenarnya ialah menakluki dunia. Strateginya menggariskan jika sesuatu cara gagal, cara lain yang lebih sesuai digunakan. Contohnya, apabila perjuangan bersenjata gagal, penyusupan secara aman dibuat ke dalam institusi-institusi sosial dan agama.

Saya harap kita masih lagi ingat apa yang berlaku di Indonesia 20 tahun yang lampau di mana kader-kader komunis menyusup masuk ke dalam institusi-institusi sosial dan agama sehingga mualim-mualim tempatan menerima ajaran komunis yang menyembunyikan ciri-ciri aethism mereka. Mualim-mualim ini menghentam Kerajaan dengan menggunakan ayat-ayat suci Al-Quran dan Hadis Nabi sebagai landasan mereka. Mereka memecah-belahkan masyarakat di atas nama agama, menggunakan konsep-konsep mustabirin, mustazafin dan lain-lain lagi. Oleh itu, saya pohon kepada Kementerian ini supaya berwaspada dan corakkanlah usaha-usaha merisik mengikut perkembangan ugutan yang akan berlaku secara baru ini. Kita akan beruntung, Tuan Pengerusi, kerana kita akan dapat menyelamatkan beribu juta ringgit yang dahulunya digunakan untuk melawan komunis bersenjata dan wang ini boleh digunakan untuk pembangunan rakyat. Tetapi di dalam jangka panjang dan rangka yang lebih luas, fahaman komunis tetap diperjuangkan oleh orang-orang komunis hanya dengan cara lain, sesuai dengan zaman. Kita jangan lupa, Tuan Pengerusi, dengan alasan

ataupun, dengan izin, apology Herbert Marcuse, seorang ahli falsafah komunis Amerika Syarikat di dalam bukunya "One Dimensional Man" yang berkata bahawa tahap teknologi yang dicapai oleh negara kapitalis sahajalah satu-satunya faktor yang melambatkan pencapaian matlamat perjuangan komunis. Teknologi ini sebagaimana juga agama kata Marcuse melalaikan manusia yang tertindas daripada menginsafi penganiayaan yang kononnya berlaku ke atas mereka. Oleh itu saya menyarankan supaya . . .

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching bangun.

**Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching):** Boleh minta penjelasan?

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Kalau dapat injury time, boleh.

**Tuan Pengerusi:** Tidak boleh. Tidak ada injury time.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tidak ada?

**Tuan Sim Kwang Yang:** Berilah jalan, dengan injury atau tak injury time.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Boleh, tetapi nanti saya habiskan sedikit. Oleh itu, saya menyarankan supaya pengharaman terhadap PKM diteruskan seperti yang dirancangan ataupun yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari. Saya boleh beri jalan sekarang.

**Tuan Pengerusi:** Jika duduk, saya tidak boleh beri dia bangun. Tidak boleh, kalau Yang Berhormat sudah habis ucapan.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tidak habis lagi.

**Tuan Pengerusi:** Kalau tidak habis, silakan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Pengerusi, saya rasa analisa Yang Berhormat amat menarik, kecuali satu point sahaja. Yang perlu dibezakan sekarang ialah mereka yang diperintah oleh rejim komunis khasnya di Eropah Timur, mereka sendiri menentang komunis sekarang sebab komunisme sudah dijadikan satu tuhan yang gagal, "failed God". Dan Herbert Marcuse juga sendiri pun menentang communist regime di Eropah dan di negara China juga. Yang paling penting satu evolusi mungkin akan wujud pada masa hadapan supaya socialism with a human faith akan wujud, bukan komunis. Sebab saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menggunakan hujah Yang Berhormat tadi untuk teruskan dengan undang-undang yang keras seperti ISA untuk menghakiskan pihak pembangkang sahaja.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, pentakrifan Yang Berhormat dari Bandar Kuching saya fikir adalah silap, kerana apa yang ditentang oleh population di Eropah Timur dan juga Herbert Marcuse bukanlah komunisme. Yang ditentangkan oleh mereka ialah birokrasi yang menjadi satu kelas tersendiri dalam komunisme yang ada di sana. Penentangan mereka pada itu sahaja, dan dari segi soal penolakan sistem sosialisme yang membawa kepada ideologi komunisme, tidak ada penolakan yang sebenar berlaku. Jadi, saya ada berapa minit lagi, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Gulungkan.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, sehubungan dengan Butiran-butiran yang sama di masa ini, apabila ancaman bersenjata dari

komunis sudah tiada lagi, saya menyarankan lagi sekali supaya kawasan-kawasan yang kita kategorikan sebagai kawasan hitam dibangunkan ekonominya. Di kawasan-kawasan inilah wujudnya kes-kes kemiskinan yang teruk di negara kita. Di sebilangan kawasan-kawasan ini telah ada asas-asas pembangunan ekonomi seperti ampangan-ampangan dan infrastruktur yang berkaitan dengannya seperti jalan, bekalan air dan api, tanah-tanah yang sesuai untuk dibangunkan pertanian. Di kebanyakan kawasan-kawasan ini tanah-tanah pertanian telah ditinggalkan begitu sahaja apabila penduduk-penduduk di situ dipaksa pindah ke tempat lain. Saya cadangkan supaya tanah-tanah ini diberi balik kepada penduduk-penduduk berkenaan ataupun waris-waris mereka untuk dibangunkan. Saya harap Kementerian akan berurus dengan lain-lain Kementerian supaya pembangunan di kawasan-kawasan ini dipercepatkan. Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar.

*3.48 ptg.*

**Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Anggaran Belanjawan 1990, muka surat 177, Maksud B.35, Butiran 020000 di bawah Aktiviti Keselamatan dengan perbelanjaan sebanyak \$57,819,200 bagi tahun depan.

Tuan Pengerusi, dengan termeterinya Perjanjian Perletakan Senjata Parti Komunis Malaya (PKM) . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, termeterikah atau termeterai?

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Termeteri.

**Tuan Pengerusi:** Saya dengar TV kata termeterai.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Kedua-dua boleh.

**Tuan Pengerusi:** Silakan.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Dia macam parti dengan partai.

**Tuan Pengerusi:** Silakan.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** . . . pada 2hb Disember, 1989 di Haadyai, Thailand, bererti bahawa insurgency komunis di Semenanjung Malaysia tamat secara rasmi. Ini bermakna bahawa tidak lama lagi gerombolan-gerombolan komunis yang masih bersembunyi di hutan belantara dan di perbatasan Malaysia-Thai akan keluar beramai-ramai untuk pulang ke keluarga mereka masing-masing sama ada di negara ini ataupun di negara jiran.

Soalnya sekarang ialah apakah langkah-langkah susulan yang akan diambil oleh Kerajaan kita ekoran daripada tamatnya insurgency PKM. Adakah pihak Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri bercadang menerima balik kesemuanya ke dalam masyarakat dan apabila diterima adakah bekas-bekas anggota PKM yang telah membawa angkara terhadap negara ini selama 41 tahun diberi apa-apa keistimewaan selain daripada pengampunan?

Saya khawatir rakyat akan tidak puas hati jika bekas-bekas musuh negara diberikan keistimewaan seperti pemberian tanah ataupun lain-lain saguhati semata-mata kerana kita gembira bahawa darurat sudah tamat. Apakah perasaan orang ramai dan anggota-anggota pasukan keselamatan kita yang telah berjuang menggadai nyawa menentang angkara PKM sejak tahun 1948 jika bekas musuh mendapat nikmat dari pengkhianatan mereka? Tidakkah anggota-anggota pasukan keselamatan ataupun balu-balu dan keluarga mereka yang terkorban diberi keutamaan jika sesuatu keistimewaan hendak diberi oleh Kerajaan?

Saya ingin menyarankan supaya pihak Kerajaan berhati-hati dalam melaksanakan program penempatan semula bekas-bekas anggota PKM. Sudah banyak sungutan orang ramai yang kurang senang hati dengan program-program penempatan semula bekas komunis, khususnya di kawasan RASKOM di Sarawak di mana anggota-anggota Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU) yang menyerah diri menikmati berbagai keistimewaan termasuk pemberian berekar-ekar tanah untuk pertanian. Di sebaliknya, anggota-anggota pasukan keselamatan yang lumpuh akibat bertempur dengan penganas komunis hanya diberi hadiah wang yang tidak boleh menjamin sara hidup mereka. Mungkin Kerajaan boleh membantu bekas-bekas anggota PKM kembali kepada keluarga mereka tanpa halangan. Mungkin pula Kerajaan boleh mengadakan kursus-kursus peralihan bagi menyesuaikan diri mereka dengan masyarakat termasuk latihan-latihan kemahiran dalam bidang pekerjaan seperti yang dianjurkan untuk anggota-anggota tentera sebelum bersara. Tetapi kemudahan-kemudahan yang hendak diberi itu mestilah berpatutan dan tidak seharusnya menimbulkan perasaan tidak puas hati dari kalangan rakyat yang terpaksa menanggung penderitaan akibat bencana yang dibawa oleh PKM ke negara ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya anggota-anggota PKM diberi laluan oleh pasukan keselamatan kita untuk membersihkan kawasan hutan daripada jerangkap-jerangkap samar yang dipasang oleh mereka selama ini. Mereka mestilah bertanggungjawab penuh untuk membuang segala bahaya terhadap pasukan keselamatan atau rakyat biasa yang memasuki kawasan-kawasan tersebut selepas ini. Pihak PKM juga mestilah membekalkan peta-peta kepada pasukan keselamatan yang menunjukkan kawasan-kawasan yang pernah mereka

pasang jerangkap tetapi terpaksa berundur oleh kerana takut bertembung dengan anggota-anggota tentera yang beroperasi di kawasan yang sama.

Perkara ini hendaklah diberikan keutamaan, sebab saya percaya hutang-hutang yang sekarang ini diwartakan sebagai kawasan larangan akan dimasuki semula oleh orang ramai, terutamanya pekerja-pekerja syarikat kayu balak dan orang-orang kampung yang bergantung kepada sumber-sumber hutan untuk mencari nafkah. Jika kawasan yang dipasangkan jerangkap tidak dibersihkan, maka mungkin akan berlaku kemalangan kepada pihak yang tidak berdosa.

Tuan Pengerusi, merujuk kepada muka surat 179, Maksud P.36 butiran 040000, Program/Aktiviti—Risik Keselamatan dengan anggaran perbelanjaan sebanyak \$89,200,000.

Saya cadangkan supaya pihak Kementerian Dalam Negeri mengkaji semula keutamaan menghadapi ancaman keselamatan dalam negeri. Saya percaya sebahagian daripada anggota tersebut adalah dimaksudkan untuk membiayai risikan terhadap aktiviti bersenjata PKM. Dengan tamatnya ancaman PKM, saya rasa anggaran yang sebegitu besar boleh disalurkan terhadap keperluan lain.

Mungkin Kementerian Dalam Negeri tidak memerlukan pos-pos cawangan khas yang begitu banyak di seluruh negara dan di sempadan Thai termasuk di Songkhla untuk mengesan aktiviti PKM. Mungkin pegawai-pegawai Polis yang berkenaan diubahsuai tugas-tugas mereka bagi mengawasi kegiatan lain-lain ancaman seperti political extremism, dengan izin, dan juga ancaman sindiket-sindiket dadah yang keluar masuk melalui perbatasan Malaysia-Thai.

Begitu juga masalah penyeludupan yang agak berleluasa di setengah-setengah tempat. Pegawai-pegawai polis

berkenaan seelok-eloknya juga dihantar berkursus di luar negeri untuk menambah ilmu dan pengalaman dalam bidang kepolisan oleh kerana sebahagian daripada mereka tidak perlu lagi menjalankan tugas risikan menentang PKM. Dengan peluang menjalani kursus-kursus lain, maka saya percaya mutu pegawai-pegawai polis yang bertanggungjawab menjaga keamanan akan dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Tuan Pengerusi, beralih kepada muka surat 180, Maksud Bekalan 36, Butiran (Projek) 00700 di bawah Tajuk—Pasukan Polis Hutan.

Saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian Dalam Negeri mengambil langkah-langkah segera untuk mengkaji semula tugas dan peranan pasukan tersebut. Kita tidak menafikan bahawa anggota-anggota Pasukan Polis Hutan (PPH) telah sangat berjasa kepada negara dalam perang mematahkan kekuatan pengganas komunis semenjak empat dekad yang lalu, malahan ramai yang telah mengorbankan nyawa supaya rakyat jelata dapat tidur dengan nyenyak di waktu malam. Tetapi dengan tamatnya ancaman PKM nanti, PPH juga tidak lagi diperlukan bertugas meronda di hutan dan diperbatasan. Ini bermakna bahawa mereka harus diberikan tugas yang sejajar dengan keperluan-keperluan baru untuk menjaga keamanan.

Sama ada batalion-batalion PPH harus dibubarkan atau diserapkan ke dalam kontijen-kontijen atau bahagian-bahagian seperti tugas am, pembanteras jenayah atau lain-lain adalah di antara kajian yang mesti dibuat sekarang. Mungkin juga pihak Kementerian Dalam Negeri mengkaji kemungkinan batalion-batalion PPH diserapkan ke dalam angkatan tentera kita untuk tugas mempertahankan negara.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta gulungkan ucapan.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Tuan Pengerusi, merujuk kepada mukasurat 189, Maksud Bekalan B.41—Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Saya ingin mencadangkan di sini supaya kawasan-kawasan yang ditinggalkan oleh pihak PKM di dalam hutan di mana yang diduduki oleh masyarakat Orang Asli juga dibangunkan memandangkan bahawa ancaman terhadap keselamatan sudahpun tamat dan pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli mesti merancang supaya pendudukan semula oleh Orang-orang Asli di kawasan-kawasan pendalaman dibuat dengan secara teratur supaya ia membantu masyarakat tersebut membangun di samping membangunkan ekonomi negara.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja dan saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Pasir Mas.

3.59 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya merujuk kepada muka surat 177, Butiran 020000 Keselamatan.

Saya ingin menyentuh juga soal Parti Komunis Malaya dan tidak bercadang untuk berfalsafah di sini oleh kerana masa tidak mengizinkan. Tetapi sukalah, Tuan Pengerusi, saya bagi pihak Parti Semangat 46 menyatakan setinggi penghargaan dahulu terhadap polis negara kita ini, terutamanya Ketua Polis Negara dan juga pada semua peringkat yang menjaga keselamatan negara kita sehingga kita dapat menikmati keamanan dan kestabilan yang juga turut disumbangkan oleh seluruh rakyat negara kita. Tetapi apa yang dicapai di antara Kerajaan Malaysia dengan Parti Komunis, Malaya sebenarnya, Tuan Pengerusi, rakyat berbelah bagi. Ada

yang mengatakan ianya suatu kemenangan. Ada pula yang mengatakan kita mengalu-alukan kembalinya mereka ini ke pangkuan masyarakat, sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap.

Sememangnya apabila PKM meletakkan senjata, sudah barang tentu ini merupakan suatu kemenangan dan satu keamanan bagi negara. Tetapi banyak perkara menjadi tanda tanya yang mana kita berbelah bagi. Bagi diri saya, Tuan Pengerusi, dan pihak rakyat dan penduduk di kawasan saya di Pasir Mas, apabila kita meneliti perkembangan apa yang telah dicapai, lebih-lebih lagi publisiti yang begitu besar diberikan terhadap penjenayah negara iaitu Chin Peng, Rashid Mydin dan Abdullah C.D. yang berjuang melebihi daripada 40 tahun.

Satu perkara yang saya ingin menarik perhatian, Tuan Pengerusi, the Joint Communique sebagaimana yang disebut dalam *The Sunday Star*—3hb Disember. Saya ingin mendapat penjelasan, apa yang disebut di sini, antara lain, saya hendak baca sebahagian, dengan izin, Tuan Pengerusi,

“... consistent with their common desire for reconciliation and peace have reached two mutual agreements, one between the Government of Malaysia and the Communist Party of Malaya, and the other with the Internal Security Operations Command Region Four of the Kingdom of Thailand and the Communist Party of Malaya, to terminate all armed activities and bring peace to the entire Thai-Malaysia border region and Malaysia.”

Saya ingin tahu, pertama, kenapa kita mengadakan perdamaian kononnya dengan PKM ini atas nama Kerajaan Malaysia. Manakala negara Thailand

pula atas nama "The Internal Security Operations Command" dan yang menyaksi tandatangan bagi pihak Thailand ialah Ketua Turus Angkatan Tentera dan kita pula menghantar tiga orang wakil iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri yang bercakap dalam bahasa Inggeris, Chin Peng bercakap dalam Bahasa Melayu dan Ketua Turus Tentera Thailand yang bercakap dalam Bahasa Thai; dan dua, Ketua Polis Negara dan juga Ketua Turus Angkatan Tentera. Kenapa tidak disuruh atau diarah Duta kita di Thailand menandatangani perjanjian tersebut? Apakah hendak menggambarkan dengan hadirnya Ketua Turus Tentera dan Ketua Polis Negara bahawa perjanjian ini adalah dipersetujui, didokong oleh Polis kita dan Tentera kita? Hendak comit mereka itu awal-awal lagi. Sebab ianya mahal harganya.

Dari segi publisiti Chin Peng seolah-olah digambarkan sebagai "hero" kerana bersetuju berdamai meletak senjata. Tetapi kita tahu mereka itu penjenayah yang seharusnya dilayan sebagai "criminal war prisoners", bukan sebagaimana kita baca persetujuan yang akan dicapai. (*Menunjukkan surat-khabar*) Nah hari ini sahaja, Tuan Pengerusi, dalam surat-khabar "Regimen Wataniah akan dibubarkan" yang selama ini bertanggungjawab menjaga keamanan di lebuhraya-lebuhraya dan sebagainya akibat daripada kononnya mereka telah meletak senjata. Dan kononnya apabila mereka meletak senjata, tetapi dari segi conventional war untuk menjaga keselamatan kononnya, perbelanjaan kita untuk tentera akan terus meningkat dan tidak akan dikurangkan. Mungkin Tornado akan kita beli. Alat-alat lain akan kita perbesar dan akan kita beli. Tetapi manakala Wataniah yang ditubuh dahulu, mereka ini hendak dibubarkan.

Saya hendak tanya daripada Kementerian Dalam Negeri apakah yang dicapai dan dipersetujui. Benarkah \$350 sebulan yang akan diberi kepada mereka

ini. Apa akan jadi dengan Wataniah ini. Adakah mereka juga akan dapat sama dengan mereka itu seperti mendapat tanah dan sebagainya. Saya bimbang takut jadi seperti "Operasi Seri Aman" di Perak pada tahun 1974 dahulu, 44 orang telah menyerah diri. Saya difahamkan, Tuan Pengerusi, namanya kalau tidak silap saya Heng Chin Seng, salah seorang dari mereka sudah jadi millionaire.

#### Seorang Ahli: Di Sarawak.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Di Sarawak, maaf. Alih-alih, saya bimbang hendak sebut awal-awal dalam Dewan yang mulia ini takut dua tiga tahun lagi dengar Chin Peng dapat bank, dapat tanah. Orang yang menyokong Kerajaan selama ini termasuk setinggan-setinggan apakah mereka akan diberi layanan seperti layanan yang diberi kepada mereka yang menganggotai PKM ini. PKM katanya tetap diharamkan tetapi kata Chin Peng di Haadyai PKM tidak akan diharamkan. Mana maruah? Ini soal prinsip. 41 tahun tentera-tentera kita berjuang, Tuan Pengerusi. Berjuang bukan sahaja wang ringgit negara tetapi nyawanya sekali.

Mungkin kita kata ini perkara kecil tetapi ini soal prinsip, maruah negara, maruah bangsa. Kalau dia kata dia setuju letak senjata, dia hendak serah diri, baik serah diri. Jangan duduk bercakap soal PKM tidak akan dibubarkan. Perdana Menteri mengatakan PKM akan tetap diharamkan. Chin Peng dengan bangga bercakap di Haadyai PKM tidak akan diharamkan, tidak akan dibubarkan. Maka mereka boleh subscribe kepada ideologi komunis. Saya tidak hendak bercakap mengenai soal ideologi komunis, kerana kita tahu dia tidak percaya kepada Tuhan. Tanya M.P. dari Kok Lanas mungkin dia boleh bercakap soal falsafah ini. Tanya Samad Ismail mungkin dia boleh tahu falsafah ini. Tanya Siddique Mohamed Ghouse dahulu mungkin dia tahu bab falsafah ini. Tetapi semua orang tahu.

Saya bersetuju dengan kata Yang Berhormat dari Kota Setar, malah Yang Berhormat dari Padang Terap juga mengatakan komunis, kita mesti ingat, mesti komunis dan tetap untuk hendak menakluk dunia. Baik mereka meletak senjata, mereka tidak boleh bergerak, mereka tidak boleh—asal mana mereka tidak menentang dari segi undang-undang negara mereka boleh balik, kononnya dalam kenyataan. Tetapi mungkin mereka akan menyusup dalam pertubuhan-pertubuhan sukarela. Mereka akan menyeludup masuk dan bergiat dengan menyebarkan faham-faham ini. Ini semua mungkin, Tuan Pengerusi.

Sebab itu saya ingin bangkitkan perkara ini kerana ianya perkara serius, perkara penting, Tuan Pengerusi. Sebab itu juga saya agak terkejut dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini minta maaf. Saya cukup sedih, Tuan Pengerusi. Sedih, dukacita. Sama ada betul atau tidak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buat kenyataan atau surat-khabar tulis. Memang kadang-kadang surat-khabar ini banyak tulis juga, kadang-kadang berita tidak betul. Tetapi kalau betullah, seorang Perdana Menteri—saya minta maaf kepada rakan-rakan komponen dalam Barisan Nasional—bila PKM meletak jawatan senjata, minta pula PAS itu berhenti dari segi perjuangan hendak samakan dengan PKM. Hendak menggambarkan kepada dunia kalau PAS itu tidak berhenti dari segi perjuangannya seolah-olah PAS lebih buruk daripada PKM.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya rasa, Tuan Pengerusi, yang elok saya cadangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membetulkan kenyataannya atau tarik balik ataupun minta maaf. PAS adalah parti yang dihala oleh undang-undang, berjuang di atas agama. Komunis ini parti yang tidak percaya kepada agama.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, satu minit lagi.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Itu dia, Tuan Pengerusi. Oleh itu saya ingin menyarankan supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membetulkan kenyataan ini ataupun menarik balik ataupun minta maaf kepada parti PAS. Sedih, dukacita dan walaupun hendak saran apa-apa kepada PAS tidak usahlah hendak banding, hendak guna PKM sebagai contoh. Banyak lagi contoh-contoh lain yang boleh. Bukanlah kata saya hendak menegur Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tidak. Tetapi tidak patut. Tidak patut sangat hendak samakan dengan PKM yang baru sehari dua letak senjata tetapi buat susah 41 tahun dulu.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Sedikit lagi, Tuan Pengerusi. Saya minta izin, sedikit lagi, satu tajuk lagi saya tidak habis.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Kita tidak boleh beri sedikit-sedikit pada seseorang Yang Berhormat, nanti jadi banyak.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Ada sedikit. Satu minit, dua minit. Sedikit sahaja. Ini sudah rugi 20 saat.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Satu minit Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Pengerusi, jadi masalah Parti Komunis Malaya ini ada juga disebut mereka ini asal mana mereka tidak melanggar undang-undang, boleh balik ke negara malah boleh subscribe pada fahamannya dan kononnya boleh bergiat dalam political life. Ini communique. Ini kalau betul begitu, saya anggap Kerajaan tidak bertanggungjawab dalam memerangi

dan pengorbanan rakyat dan tentera kita terhadap komunis. Sebab itulah kena berhati-hati.

Sebab itu perkara ini dirujuk dan dihantarnya Ketua Polis Negara dan dihantarnya Ketua Turus Angkatan Tentera. Kita boleh faham, "Kilat ikan di air, kita tahu jantan betina", Tuan Pengerusi.

Jadi itu sahaja, Tuan Pengerusi, dan akhirnya; ini menggulung . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Kita tidak ada masa Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya hendak cakap fasal bab jenayah atau pencegahan jenayah.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sudah. Yang Berhormat, duduk! Yang Berhormat dari Sungai Petani.

4.08 ptg.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Saya tidak bercakap untuk bercakap panjang, pendek sahaja, satu atau dua minit. Di atas tajuk yang sama sepertimana yang telah dibincangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, Kota Setar dan dari Pasir Mas.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya sahaja mungkin apabila mendapat jawapannya puaslah hati kita. Soalan saya yang pertama, kenapa kita memberi keutamaan dan penghargaan sangat komunis sehingga negara kita diwakili oleh Ketua Polis Negara, oleh Ketua Turus Angkatan Tentera, begitu tinggi sekali di dalam memeteraikan perjanjian ini.

Yang kedua, berapakah jumlah pasukan keselamatan kita yang telah terkorban menentang penganas-penganas komunis semenjak meletusnya darurat dahulu sehingga sekarang ini.

Yang ketiga, apakah pandangan Persatuan Bekas-bekas Polis, Persatuan Perajurit, apakah perasaan balu-balu yang menderita dan orang-orang yang telah terkorban? Adakah Kerajaan sedar bahawa sudah banyak ajaran-ajaran komunis telah menyerap dan menyeludup masuk ke dalam negara kita melalui pertubuhan-pertubuhan, melalui pergerakan-pergerakan? Mampukah kita menghadapi masalah-masalah ini di masa yang akan datang? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Lubok Antu.

4.11 ptg.

**Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 185, Maksud B.39, Butiran 020000—Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat; Butiran 030000—Kad Pengenalan dan Butiran 040000—Kewarganegaraan.

Tuan Pengerusi, masalah Sijil Kelahiran khususnya sijil kelahiran lewat amatlah teruk sekali. Saya sendiri berkali-kali bertanya kepada Menteri ataupun Timbalan Menteri berkenaan dengan masalah ini tetapi jawapan yang diberikan kepada saya masih tidak memuaskan. Sebagai seorang Ahli Dewan Rakyat dari Sarawak, saya merasakan amatlah bertanggungjawab untuk membawa perhatian yang khusus ini kepada Menteri dan Timbalan Menteri berkenaan supaya masalah ini dapat diatasi sama sekali. Saya rasa amatlah anih sekali rakyat negara ini sendiri masih tidak mempunyai dokumen-dokumen penting seperti Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan. Rakyat negara ini sendiri tidak mempunyai dokumen-dokumen penting ini. Jika rakyat negara ini sendiri tidak mempunyai dokumen-dokumen penting seperti ini, apatah lagi pertolongan-pertolongan lain daripada Kerajaan seperti kemudahan asas dan sebagainya. Saya amatlah merayu kepada Menteri

berkenaan supaya satu formula dapat diadakan supaya semua rakyat di negara ini boleh mendapatkan Sijil Kelahiran atau Kad Pengenalan ini.

Bilangan penduduk di negeri Sarawak yang masih belum mempunyai dokumen-dokumen penting seperti Kad Pengenalan amatlah tinggi sekali. Angka yang diberikan oleh Timbalan Menteri berkenaan semasa menjawab soalan saya di Dewan ini langsung tidak betul. Saya tahu, saya sudah bertanya dengan pegawai-pegawai di Pejabat Pendaftaran Kuching, dan saya dapati angka ini tidak betul. Saya berpendapat adalah tidak salah kalau saya katakan di Dewan ini, dan Timbalan Menteri sendiri boleh pergi ke Sarawak untuk mengisahkan perkara ini.

Sekarang ini saya dapati lebih 100,000 orang di Sarawak yang tidak mempunyai Kad Pengenalan. Ini boleh disemak kalau tidak percaya. Penduduk-penduduk negeri Sarawak sehingga sekarang masih belum mempunyai Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran. Malah beribu-ribu rakyat negeri Sarawak adalah stateless, mereka bukan orang Indonesia, bukan orang Malaysia, bukan orang dari mana-mana, mereka adalah stateless, mereka tidak ada Kad Pengenalan dari lahir sampai mati. Kalau Menteri hendak bukti, saya boleh berikan nama-nama mereka. Dari kawasan saya yang telah memohon Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan sehingga hari ini ada yang sudah sampai 20 tahun atau 10 tahun, permohonan itu masih belum lagi dijawab ataupun diproses oleh Jabatan Pendaftaran Negara Kuching. Ini amatlah anih sekali. Kementerian patutlah serius dan bertanggungjawab, kalau tidak apa gunanya kita ada Kerajaan? Kerajaan adalah untuk rakyat, perlu mengambil berat terhadap kepentingan rakyat. Saya tidak dapat memikirkan bagaimana Kerajaan tidak dapat memberikan dokumen-dokumen penting seperti Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran kepada rakyatnya sendiri.

Saya rasa banyak kes rompakan dan kes pembunuhan tidak dapat diselesaikan khasnya di Sarawak. Jika si perompak atau si pencuri tidak mempunyai Kad Pengenalan tentulah ini akan menimbulkan masalah kepada Kerajaan. Jadi sebelum ini berlaku atau sudah berlaku, eloklah Kerajaan memikirkan once and for all, dengan izin, memberi kepada semua penduduk di negara ini dokumen-dokumen penting seperti Kad Pengenalan.

Saya mencadangkan supaya Jabatan ini dapat bekerjasama dengan Ahli Dewan Rakyat yang berkenaan, mereka perlu mendengar apa Ahli Dewan Rakyat memperkatakan mengenai kawasan mereka. Kalau Wakil Rakyat katakan bahawa mereka ini adalah betul-betul rakyat negara ini atau mereka ini betul-betul lahir di negara ini, Jabatan berkenaan perlu mendengarnya. Kalau mereka tidak mahu mendengar apa yang Ahli Dewan Rakyat cakapkan, dengan siapakah lagi yang mereka boleh dengar?

Saya pernah berjumpa dengan pegawai tersebut, mereka tidak mahu dengar. Saya katakan kepada mereka bahawa orang-orang ini betul-betul dari Sarawak, tetapi mereka mengatakan orang ini dari Indonesia. Kalau mereka tidak mahu mendengar cakap saya, apakah mustahaknya diadakan Ahli Dewan Rakyat di kawasan tersebut? Masalah sekarang ialah Jabatan Pendaftaran Negara tidak mempercayai sesiapa sama ada Ahli Dewan Rakyat di kawasan tersebut, Pemancar, Penghulu ataupun Tuan Rumah. Kita tahu bahawa seseorang itu adalah benar-benar lahir dalam negara ini, tetapi pegawai di Jabatan Pendaftaran tidak dapat berbuat apa-apa. Mereka tidak dapat memberi sebarang dokumen kepada si pemohon. Kalaulah sikap pegawai di Jabatan Pendaftaran Negara tidak mempercayai kepada Penghulu, Pemancar atau Temenggong di kawasan berkenaan, saya hendak bertanya, siapa lagikah yang mereka harus percaya?

Tuan Pengerusi, kalaulah Menteri berkenaan tidak mahu mendengar dan percaya kepada apa yang diperkatakan oleh Ahli Dewan Rakyat dari Sarawak yang mewakili rakyat Sarawak, lebih baik kita tidak perlu adakan wakil di Dewan ini bagi kawasan-kawasan di Sarawak. Ini masalah yang teruk sekali. Kerajaan perlulah mendengar apa yang saya katakan di sini dan perlulah mendengar masalah-masalah yang disuarakan oleh seorang Ahli Dewan Rakyat yang mewakili rakyat kerana mereka lebih mengetahui kawasan mereka masing-masing. Kalau Menteri berkenaan tidak mahu mempedulikan masalah rakyat yang diperkatakan oleh seorang Wakil Rakyat, apa gunanya kita di sini? Lebih baik Menteri berkenaan membuat rondaan ke setiap pelusuk kawasan dan di merata tempat di negara ini supaya dia dapat melihat dengan kacamatanya sendiri.

Tuan Pengerusi, saya amatlah memandang serius masalah beribu-ribu rakyat Sarawak yang masih belum lagi mempunyai Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran. Saya bersimpati dengan beratus-ratus penduduk di kawasan saya yang meminta pertolongan kepada saya supaya dokumen-dokumen tersebut dapat diberikan kepada mereka, bahkan pada masa sekarang kalau Menteri berkenaan hendakkan bukti, di dalam bag saya ada 300 nama-nama penduduk dari kawasan saya yang memohon dan belum diproses lagi.

Saya ingin bertanya kepada Menteri berkenaan, apakah sebenarnya masalah memproseskan permohonan-permohonan tersebut? Kalaulah masalah ini kerana keperluan undang-undang, maka pindalah undang-undang tersebut supaya ia tidak lagi menyusahkan rakyat. Apa gunanya kita buat undang-undang yang tidak dapat menolong rakyat? Saya kerap kali membawa si pemohon bertemu dengan pegawai-pegawai Pendaftaran Negara di Kuching tetapi mereka kerap kali meminta kepada si pemohon sama ada, Kad Klinik adakah

atau Sijil Lepas Sekolah adakah. Kalau tidak ada permohonan tersebut tidak dapat diproses. Jadi, si pemohon pulang balik ke kawasan pendalaman yang beratus-ratus batu dari Kuching . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, satu minit lagi.

**Tuan Jawah Anak Gerang:** Okay. Fikirkanlah, sudah lama. Sudahlah mereka miskin. Berapakah belanja kewangan yang sudah digunakan dan sudah dibelanjakan? Jadi, beratus-ratus ringgit sudah dibelanjakan. Kalaulah si pemohon itu orang muda, mungkin lahir berdekatan dengan klinik dan ada bersekolah, dia boleh beri kad klinik dan sijil lepasan sekolah, tetapi kalau si pemohon itu orang tua dan dilahirkan di pendalaman yang tidak ada klinik bagaimana mereka boleh memberi kad klinik dan sijil lepasan sekolah? Nenek saya tidak pernah bersekolah dan tidak pernah melihat klinik dan oleh hal yang demikian, dia tidak mempunyai sebarang dokumen dari lahir sampai mati dan Kerajaan adalah bernasib baik kerana nenek saya adalah seorang baik. Tidak ada membunuh orang, tidak merompak, kalau tidak, sudah pasti ini akan menimbulkan masalah kepada Kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya minta Menteri berkenaan mengaturkan langkah kalau boleh undang-undang baru supaya semua penduduk di negara ini, semuanya mempunyai dokumen-dokumen yang saya maksudkan tadi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sudah Yang Berhormat?

**Tuan Jawah Anak Gerang:** Ya, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

4.24 ptg.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaakob (Rantau Panjang):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mukasurat 177, Maksud Bekalan 35, Butiran 020000.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, mukasurat berapa?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaakob:** Mukasurat 177, Butiran 020000-Keselamatan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaakob:** Tuan Pengerusi, saya juga ingin bercakap dalam maksud ini. Bagi saya, berterima syukur kepada Allah s.w.t. di atas hidayah dan pentunjukNya bahawa pada 2hb baru-baru ini bagi pihak Parti Komunis Malaya dengan Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand dapat mengadakan satu Perjanjian Letak Senjata yang berlaku di Haadyai, Thailand. Ini pada zahirnya adalah peranan-peranan yang dimainkan oleh mereka yang bertanggungjawab dalam segi keselamatan di negara kita ini. Tetapi pada hakikatnya ini adalah terpulang kepada kehendak-kehendak Allah s.w.t. kerana kita sebagai insan yang daif, sebagai manusia yang daif hanya kita pandai bercakap sahaja tetapi untuk mengaturkan, menyusunkan sesuatu ini terpulang kepada Allah s.w.t.

Tuan Pengerusi, apa yang saya suka membandingkan di sini bahawa 41 tahun Parti Komunis dalam hutan cuba hendak berkuasa di negara kita ini dengan menggunakan berbagai-bagai senjata maka pada tanggal 2hb Disember baru-baru ini, maka bagi pihak yang sanggup melakukan pendamaian meletakkan senjata sebagaimana kita maklum.

Dan juga saya suka menyentuh bahawa Parti PAS juga mahu berkuasa di negara kita ini. Walaupun mereka tidak

menggunakan senjata tetapi mereka telah banyak memecah-belahkan masyarakat dengan menggunakan kafir-mengkafir kepada orang UMNO tidak kurang 30 tahun lebih. Daripada inilah, bagi saya, bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyeru kepada Parti PAS supaya kembali ke pangkal jalan sebagaimana kembalinya Parti Komunis yang menggunakan senjata untuk merampas kuasa tetapi PAS menggunakan kafir-mengkafir untuk merampas kuasa.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh dalam Butiran ini iaitu saya oleh kerana diminta oleh pihak yang berkenaan bagi pasukan RELA di kawasan saya, Rantau Panjang. Maka dengan melalui Dewan yang mulia ini, saya memajukan permohonan daripada mereka supaya bagi pihak Kementerian ini mengadakan, terutama sekali kepada pasukan RELA di kawasan sempadan. Yang pertama, mengadakan kearah tenaga RELA berkawal bersama-sama dengan pasukan keselamatan untuk mengawasi jenayah. Kedua, memberi kuasa menangkap (A.P.) kepada anggota RELA. Ketiga, mengadakan pakaian seragam kepada anggota RELA untuk kawasan sempadan dan juga untuk dipakai di masa mengawal.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh mukasurat 187, Maksud 37-Pembangunan, Butiran 0010—Pejabat-pejabat dan Rumah Kediaman.

Tuan Pengerusi, apa yang saya suka sentuh bahawa pejabat Imigresen di Rantau Panjang terlampau amat begitu tidak sesuai lagi. Maka saya mintalah melalui Dewan ini supaya pejabat ini dapat diubahsuai di masa yang agak mungkinlah dan saya difahamkan bahawa rumah kediaman pegawai-pegawai Imigresen di Rantau Panjang pada mulanya berlaku kebakaran, kemudian dibuat bangunan lain. Apa yang saya nampak, bangunan itu satu masa dahulu terbengkalai. Mungkin sekarang pun belum siap lagi. Maka

melalui Dewan yang mulia ini, saya meminta kepada Kementerian ini mempercepatkan untuk menyiapkan bangunan Imigresen di Rantau Panjang. Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat 187, Bekalan 40, Butiran 040000—Latihan Banduan-banduan. Peruntukannya sebanyak \$2,305,900.

Saya memohon kepada Kementerian ini supaya latihan ini hendaklah diperkemaskinikan lagi. Saya meminta, selain dari latihan jasmani ataupun latihan kemahiran asas, saya minta supaya menekankan kemahiran rohaniah supaya banduan ini manakala keluar dari penjara ianya dapat ditanam dan disemai dengan akhlak yang mulia ataupun dengan sikap yang lebih baik. Mudah-mudahan mereka dapat mengubah sikap mereka daripada sebelum mereka masuk penjara dengan sesudah mereka masuk penjara.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat 189, Maksud Bekalan 41, Butiran 020000—Penjara.

Saya memohonlah supaya bagi pihak penjara ini mengemaskinikan lagi kerana di masa-masa yang sudah banyak berlaku kes-kes banduan-banduan yang lari daripada kawalan penjara. Dengan ini, saya memohonkan supaya di masa-masa akan datang dapat benar-benar kita atasi moga-moga masalah ini tidak akan berlaku lagi di masa akan datang.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Rasah.

4.28 ptg.

**Tuan Hu Sepang (Rasah):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada mukasurat 179, Maksud Bekalan 36—Polis Diraja Malaysia, di bawah Butiran 010000, Pengurusan dan Kod 1000, emolumen ini di mana sebanyak \$425 juta telah disediakan.

Saya ingin menyentuh bersabit cuti belajar bergaji di universiti bagi pegawai polis.

Tuan Pengerusi, selaras dengan usaha Polis Diraja Malaysia menuju ke arah profesionalisma, maka setiap tahun ramai pegawai-pegawai polis dihantar melanjutkan pelajaran di universiti tempatan dan luar negeri. Antara bidang pengajian yang diambil termasuk Kriminologi, Sains Kepolisan, Undang-undang, Sains Politik, Pentadbiran, Komunikasi Komputer, Strategi dan Keselamatan, Muzik, Pengajian Islam, Kejuruteraan dan lain-lain.

Kebanyakan pegawai yang dihantar belajar terdiri dari mereka yang telah bertugas lama iaitu lebih dari 6 tahun dan tentunya mereka mempunyai tanggungjawab yang besar terhadap isteri ataupun suami, anak-anak dan juga keluarga mereka.

Tuan Pengerusi, secara umumnya Pasukan Polis telah diberi cuti tanpa gaji kepada mereka, tetapi ada setengah mereka yang diberi gaji penuh dan ada pula yang diberikan separuh gaji. Nampaknya tidak ada penyelarasan dalam hal ini.

Dalam surat Bilangan JPA yang bertarikh 29hb November 1988 telah memberikan kelulusan cuti belajar separuh gaji kepada 23 orang pegawai polis yang belajar undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa dengan dibayar separuh gaji bertunggakan sejak tahun 1987 lagi. Mereka juga diberi kemudahan-kemudahan lain iaitu Elaun Khidmat Awam, Elaun Keraian, bayaran bantuan Sewa Rumah dan Elaun Bahasa. Dalam surat itu juga meluluskan gaji dan elaun yang sama bolehlah diberikan kepada pegawai polis yang belajar di UIA dan juga lain-lain universiti dalam bidang pengajian yang berkaitan dengan Pasukan Polis.

Walau bagaimanapun, nampaknya arahan melalui surat tersebut tidak dipatuhi. Pegawai-pegawai polis yang

menuntut di universiti-universiti lain walaupun mengambil bidang yang sama dengan mereka yang belajar di UIA telah tidak diberikan gaji dan elaun tersebut. Ini nampaknya seolah-olah ada pilih kasih dalam pemberian gaji dan elaun-elaun kepada pegawai-pegawai polis yang sedang belajar di universiti-universiti. Hanya pegawai-pegawai atasan yang berpangkat Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis atau "Senior Assistant Commissioner of Police" atau IGP sahaja yang mendapat keutamaan.

Dari segi rasionalnya pegawai-pegawai polis patut diberi gaji dan elaun semasa belajar di universiti ialah:

- (i) Bagi meringankan beban dan tanggungan pegawai polis dalam menyara kehidupan mereka sekeluarga.
- (ii) Bagi menggalakkan minat pegawai polis untuk berusaha menambah ilmu ke tahap yang lebih tinggi.
- (iii) Bagi menggalakkan pegawai polis mempunyai Ijazah dalam bidang berkaitan dan dengan itu akan dapat meninggikan daya pemikiran, kematangan dan profesional.
- (iv) Bagi mendapatkan keadilan dalam hal penerimaan gaji dan elaun kerana ada pegawai yang dapat, sementara ada yang tidak diberikan berbanding dengan perkhidmatan guru yang diberi cuti belajar separuh gaji sepenuhnya kepada mereka yang ingin melanjutkan pelajaran di universiti.
- (v) Bagi mendapatkan hak pegawai polis yang terbabit kerana mereka adalah diberi cuti, bukannya meletakkan jawatan, jadi sewajarnya bagi mereka diberikan gaji dan elaun sepenuhnya, apatah lagi mereka mengikuti kursus dan pengajian yang berkaitan dengan pasukan polis.

(vi) Bagi menghargai semangat dedikasi dan kegigihan pegawai polis yang sanggup bersusah-payah berusaha untuk menimba pengetahuan dan ilmu ke tahap yang lebih tinggi lagi.

(vii) Bagi menggalakkan lebih ramai profesional yang menganggotai pasukan polis agar cabaran-cabaran semasa dan akan datang yang dihadapi oleh negara akan dapat diatasi dengan licin dan berkesan.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya suka mencadangkan Kerajaan dan Pasukan Polis sepatutnya membuat perancangan yang teliti dengan mengenalpastikan kursus-kursus yang berkaitan dan menghantar pegawai polis yang didapati benar-benar layak sahaja ke universiti. Mereka hendaklah diprogramkan, diberi cuti bergaji penuh beserta dengan elaun serta dijanjikan dengan jawatan yang sesuai dengan kelulusan mereka. Ada terdapat ketidakbetulan di masa lepas di mana jawatan yang diberikan tidak sesuai dengan bidang yang diambil di universiti. Contohnya, pegawai dihantar belajar undang-undang diberi tugas pegawai padang kawat atau pegawai platon.

Kedua, bagi pegawai polis yang tidak memenuhi syarat-syarat pasukan untuk diprogramkan, tetapi mendapat tempat belajar dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan kepentingan polis bolehlah diberi cuti belajar separuh gaji.

Ketiga, bagi pegawai polis yang tidak memenuhi langsung syarat-syarat pasukan untuk diprogramkan dan mendapatkan tempat belajar di universiti dalam bidang yang agak tidak berkaitan dengan tugas polis, tetapi masih ingin meneruskan pelajaran, maka mereka bolehlah diberi cuti belajar tanpa gaji.

Keempat, sepatutnya Kerajaan dan Pasukan Polis mengamalkan dasar "cekap, bersih dan adil" supaya pegawai

yang dipilih benar-benar merupakan pegawai yang sebenarnya layak. Mereka mestilah mempunyai kelulusan yang dikehendaki yang terbaik dalam kalangan pegawai yang setaraf dari segi akademik, pengalaman kerja dan lain-lain dan tidaklah mendapat tempat hanya kerana mereka dari golongan tertentu atau masuk kem tertentu dalam Pasukan Polis.

Akibat dari masalah ini ialah selepas mereka menamatkan pengajian, mereka tidak diberi tugas atau pangkat yang setaraf dengan kelulusan, jadi akhirnya mereka terpaksa meninggalkan Pasukan Polis. Jadi, Tuan Pengerusi, usaha melanjutkan pelajaran ke peringkat Diploma, Ijazah Sarjana dan Ph.D sepatutnya digalakkan oleh Kerajaan supaya pegawai-pegawai polis bersikap lebih matang, berpelajaran, berpandangan luas serta lebih profesional. Ia tidak barus disekat atau dikenakan bermacam syarat yang boleh mengurangkan minat belajar atau membebaskan kehidupan mereka.

Kemudahan-kemudahan dari segi pembiayaan dan jaminan pekerjaan akan memberikan semangat dan insentif kepada pegawai-pegawai polis untuk melanjutkan pelajaran mereka ke tahap yang lebih tinggi lagi.

Dengan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Besut.

4.37 ptg.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut):** Tuan Pengerusi, saya pohon izin untuk bercakap di bawah peruntukan bagi Kementerian Dalam Negeri ini dan menarik perhatian kepada Kepala Bekalan B. 38—Jabatan Pendaftaran Pertubuhan, mukasurat 184.

Yang pertama, saya suka menarik perhatian bahawa Jabatan ini, iaitu Jabatan Pendaftaran Pertubuhan

bukanlah semata-mata berfungsi untuk mendaftar dan mengawasi perjalanan pertubuhan-pertubuhan termasuk Pertubuhan Sosial dan Pertubuhan Politik, tetapi sesungguhnya ia juga merupakan kayu pengukur kepada amalan demokrasi di dalam negara kita ini. Oleh yang demikian, saya mengharapkan supaya Jabatan ini dan pegawai-pegawai yang ditugaskan memainkan peranan mendaftar dan mengawasi pertubuhan-pertubuhan hendaklah dibenarkan berjalan dan dibenarkan menunaikan tanggungjawab masing-masing dengan bebas dan mengikut cara yang betul—tidak dicampurtangan atau diganggu atau diarah oleh pihak atasan, terutama sekali oleh Menteri dan Timbalan Menteri Dalam Negeri sendiri dengan tujuan-tujuan untuk kepentingan politik masing-masing kerana kita tidak dapat menafikan bahawa Menteri dan Timbalan Menteri adalah mempunyai kepentingan politik kerana mereka adalah orang-orang politik.

Biarlah pegawai-pegawai dari Jabatan ini memainkan peranan dengan bebas dan jangan sekali-kali membuat keputusan sama ada menerima pendaftaran, menolak pendaftaran atau mengharamkan sesebuah pertubuhan, terutama sekali parti politik semata-mata dengan arahan pihak atasan untuk kepentingan golongan politik tertentu seperti yang telah berlaku kepada peristiwa pengharaman UMNO pada bulan Februari tahun 1988 yang lalu dan begitu juga kepada peristiwa permohonan beberapa penubuhan parti-parti baru selepas daripada itu dan sehingga sekarang ini pun masih ada beberapa permohonan yang tertangguh dan ianya diketahui umum—mungkin atas arahan daripada pihak atasan.

Jadi, cadangan saya, Tuan Pengerusi, ialah supaya Jabatan ini melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan adil kerana sesungguhnya sebagaimana yang saya sebutkan tadi ia adalah merupakan kayu pengukur sama ada

negara kita ini benar-benar mengamalkan sistem demokrasi yang adil atau tidak.

Yang kedua, berhubung dengan Jabatan ini juga, saya suka mencadangkan supaya Kementerian Dalam Negeri dapat mengkaji, saya mencadangkan supaya mengkaji kerana mungkin ada buruk, ada baiknya. Kalau boleh Akta Pertubuhan 1966 itu dapat diasingkan di antara pertubuhan-pertubuhan sosial dengan pertubuhan-pertubuhan politik, kerana pada amalan sekarang, ada seksyen-seksyen tertentu yang agak mengelirukan di antara dua jenis pertubuhan ini.

Saya tidak mempunyai masa untuk memberi contoh-contoh, tetapi saya rasa cukuplah, kerana saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri memahami apa yang saya maksudkan itu, supaya pertubuhan-pertubuhan politik dan pertubuhan-pertubuhan sosial yang kedua-duanya didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan diawasi oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan, hendaklah diasingkan supaya ia dapat dibezakan dari segi peraturan-peraturan, peranan-peranan dan perkara-perkara yang boleh dilaku dan tidak boleh dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan tersebut.

Tuan Pengerusi, yang ketiga, saya suka menyentuh Maksud Bekalan B. 35, mukasurat 177, Butiran 02000—Keselamatan, atas perkara yang sama yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat baru sekejap tadi, iaitu "Perjanjian Perletakan Senjata", sebagaimana yang kita semua maklum baru sahaja dilaksanakan di Haadyai baru-baru ini.

Pertama, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apabila perjanjian dibuat oleh pihak Kerajaan Malaysia dengan P.K.M. tidakkah ini bererti bahawa Kerajaan kita mengiktiraf P.K.M., pada hal sebenarnya parti ini tidak didaftarkan, dan tidak diiktiraf oleh Kerajaan kita.

Kita menganggap kumpulan yang menganggotai P.K.M., yang bergerak di dalam hutan, adalah kumpulan pengganas dan mereka bukanlah suatu pasukan yang berperang dengan kita, di mana kita boleh tamatkan peperangan itu melalui suatu perjanjian seperti yang biasa dilakukan di dalam mana-mana peperangan, tetapi kumpulan ini adalah merupakan gerombolan pengganas yang telah banyak membinasakan harta benda, mengorbankan nyawa rakyat, nyawa anggota-anggota pasukan bersenjata, yang telah menyebabkan kesengsaraan hidup berpuluh tahun rakyat di dalam negara kita.

Dengan perjanjian ini dan hasil daripada tandatangan kedua-dua belah pihak, adalah pada amalannya kita dapati merupakan suatu pengiktirafan Kerajaan kita terhadap wujudnya P.K.M. Maka dengan sebab itu berhaklah pihak Setiausaha Agung P.K.M., Chin Peng mengumumkan bahawa Parti Komunis Malaya tidak akan dibubarkan, dan ini bererti daripada pengumuman itu bahawa parti ini akan terus bergerak, sama ada ianya kalau dihalalkan di Malaysia, dianya akan bergerak di Malaysia, kalau tidak dihalalkan di negara ini dia akan bergerak mungkin di luar negeri, tetapi hanya penentangan bersenjata sahaja diberhentikan dan ianya mungkin untuk buat sementara waktu sahaja.

Ertinya, penentangan daripada P.K.M. terhadap wujudnya Kerajaan kita yang mengamalkan sistem demokrasi ini tidaklah tamat dengan perjanjian perletakan senjata itu sahaja. Oleh yang demikian, perkara ini saya berpendapat, Tuan Pengerusi, sepatutnya pihak Kerajaan memandang serius, dan ianya tidaklah boleh dilakukan sebagai suatu perkara kecil yang mana keputusan dibuat secara ad hoc. Walaupun pihak Kerajaan tentu telah meneliti dan menghalusi, tetapi perkara ini tidak dibawa atau dibincangkan pada peringkat umum, terutama sekali di Dewan Rakyat seperti ini, untuk memutuskan sama ada rakyat bersetuju

atau tidak perjanjian ini dilaksanakan. Kerana kalau kita tengok perkara-perkara perjanjian seumpama ini berlaku di dalam berbagai-bagai situasi. Umpamanya, apa yang berlaku di Berlin, perubahan sikap Kerajaan Berlin Timur dan usaha penyatuan Berlin antara Berlin Barat dengan Berlin Timur, yang sehingga menyebabkan hampir Kerajaan bertukar kerana pandangan rakyat atas perkara ini sangat perlu, dan setiap rakyat memberi pandangan yang serius, tetapi oleh sebab, Tuan Pengerusi, perkara ini telahpun berlaku, maka saya suka mencadangkan; kalau belum ada lagi dicadangkan ataupun belum lagi difikirkan, supaya pihak Kerajaan mengemukakan Kertas Putih, dan dibentangkan di dalam Parlimen, di dalam Sidang ini juga tentang perkara ini, supaya pihak rakyat juga dapat memberi perhatian, dapat meneliti dan sekurang-kurangnya dapat memainkan peranan, memberi persetujuan di atas perjanjian ini.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang berkaitan dengan perjanjian ini juga, apa yang dibimbangkan oleh rakyat meratarata tempat pada masa ini, takut salah anggapan bahawa Kerajaan nanti melayani pihak penganas yang meletak senjata ini melebihi daripada anggota Pasukan Bersenjata, jangan pula seorang O.C.S. terpaksa berhenti dari Perkhidmatan Polis sampai 5 kali temuduga untuk mendapat satu permit teksi, tetapi penganas yang menyerah, meletak senjata ini "dan-dan" dengan senang-senang sahaja diberi 10 atau 20 permit teksi, sebab perkara ini telah dibualkan di setiap kedai kopi pada masa ini. Mungkin penganas-penganas ini diberi tanah untuk mereka memulakan hidup baru, barangkali pemberian yang seumpama ini atas peri kemanusiaan adalah baik sebenarnya, tetapi janganlah pula sehingga kita mengabaikan kepentingan anggota-anggota keselamatan kita, yang telah menghadapi kesengsaraan hidup begitu lama untuk mempertahankan negara daripada ancaman penganas-penganas komunis ini.

Sebagaimana yang kita tahu telah banyak yang meninggal dunia, ada yang masih hidup dengan kakinya sebelah, ada yang masih hidup dengan matanya sebelah, ada yang masih hidup di dalam keadaan tidak boleh bergerak, lumpuh umpamanya, dan mereka ini setengah-setengahnya sekarang untuk mendapat bantuan perubatan pun tidak mendapat layanan yang sebaik-baiknya daripada pihak Kerajaan.

Dan apabila penganas-penganas yang meletak senjata ini kelak diberi layanan yang lebih baik, sudah tentulah rakyat di dalam negeri kita ini merasa kecil hati, merasa dan menganggap bahawa sikap Kerajaan itu adalah tidak adil.

Tuan Pengerusi, perkara ini perlu kerana semalam dan hari ini pun sebenarnya kita dapati dalam akhbar pihak Ketua Turus Tentera Darat telah mengumumkan mungkin Pasukan Askar Wataniah akan dibubarkan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, satu minit lagi.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Ya, berapa minit lagi?

**Tuan Pengerusi:** Satu minit.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Satu minit yang panjang sedikitlah. Ini bermakna mungkin pula ada beribu-ribu orang anggota keselamatan yang akan menganggur selepas daripada ini, akibat daripada perjanjian ini.

Saya mencadangkan pihak Kerajaan memberi perhatian atas perkara ini supaya ianya dapat dilaksanakan dengan seadil-adilnya, dengan sebaik-baiknya dan dapat menguntungkan semua pihak.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya menyentuh perkara B. 36, mukasurat 180 iaitu Polis Diraja Malaysia, dengan ringkas saya menyebut Butir-butirnya sahaja.

Yang pertama, saya cadangkan supaya Skim Gaji Polis ini dikaji, dipertimbangkan, kerana kita dapat pada masa ini mengikut penilaian saya adalah tidak sepadan dengan khidmat yang mereka beri kepada negara, dengan beban tugas yang mereka pikul pada masa ini, terutama sekali anggota-anggota pangkat rendah.

Yang kedua, perumahan untuk anggota-anggota Polis. Seelok-eloknya saya cadangkan Kerajaan menyediakan perumahan Polis yang khusus, supaya tidaklah anggota-anggota Polis bertaburan menyewa rumah-rumah di perkampungan biasa dan kadang-kadang terpaksa seorang anggota Polis yang berpangkat Kopral atau Sarjan terpaksa menunggang basikal melalui celah-celah kampung, balik ke rumah masing-masing.

Saya rasa dari segi imej dan kedudukan Polis tidaklah terjamin dan sepatutnya mereka diberi pandangan yang lebih tinggi oleh anggota masyarakat, kerana kedudukan anggota Polis menjaga keselamatan negara, sepatutnya dihormati oleh setiap rakyat dan dalam masyarakat, maka patutlah perumahan mereka ini diberi perhatian.

Ketiga ialah persekolahan . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sudah.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Satu point sahaja lagi. Persekolahan anak-anak Polis, kerana pada masa ini anak-anak Polis kita dapat tidak mendapat peluang persekolahan yang baik, maka patutlah diberi sekolah berasrama penuh, kemudahan yang istimewa untuk mereka.

Akhir sekali ialah kehidupan anggota Polis selepas mereka bersara. Jadi patutlah pihak Kerajaan memberi perhatian kerana anggota Polis yang bersara biasanya menghadapi kehidupan yang amat susah kerana semasa mereka menjalankan tugas, berkhidmat, mereka

tidak sempat mengumpulkan harta kekayaan dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Ampang Jaya.

4.51 ptg.

**Tuan Ong Tee Keat (Ampang Jaya):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud Pembangunan P. 35, mukasurat 177 di bawah Butiran 00300 iaitu . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Mukasurat berapa, Yang Berhormat?

**Tuan Ong Tee Keat:** Mukasurat 177, Butiran 00300 iaitu Rawatan dan Pemulihan Dadah.

Tuan Pengerusi, pada sepintas lalu anggaran peruntukan bagi tempoh 1986 hingga 1990 yang berjumlah \$62,419,000 adalah berlipatganda berbanding dengan jumlah perbelanjaan sebenar dalam tempoh 1981 hingga tahun 1985 iaitu \$17,127,041. Tetapi pada hemat saya, pertambahan ini adalah amat perlu dan tepat pada masanya untuk memerangi masalah najis dadah yang semakin bermaharajalela di negara kita. Tetapi saya juga merasa hairan mendapati bahawa anggaran peruntukan bagi tempoh tahun 1986 hingga tahun 1990 tidak digunakan dengan sepenuhnya.

Menurut perangkaan yang diberi pada mukasurat 177 ini, perbelanjaan sebenar bagi tahun 1986 hingga 1988 berjumlah \$15,961,753 manakala anggaran yang dipinda buat tahun 1989 adalah \$21,260,000. Ini bermakna baki peruntukan buat tahun 1990 sepatutnya berjumlah \$25,197,247 walhal anggaran tahun hadapan yang tertera dalam Belanjawan ini ialah \$19,154,990-perbezaannya adalah sebanyak \$6 juta.

Saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang perbezaan tersebut.

Adakah ianya kerana anggaran awal ini lebih daripada yang memadai ataupun Kementerian yang berkenaan tidak dapat mengenalpasti projek-projek pembangunan yang cukup untuk menghabiskan peruntukan yang dianggarkan itu?

Tuan Pengerusi, saya yakin ada lebih lagi yang Kementerian boleh laksanakan untuk membanteras penyalahgunaan dadah. Dari data Bulan Kegiatan Dadah keluaran PEMADAM, saya dapati bahawa seramai 3,162 orang penagih baru dapat dikesan dalam tempoh bulan Januari hingga bulan Jun tahun ini, berbanding dengan 4,687 orang dalam tempoh yang sama pada tahun yang lalu; sedangkan seramai 4,937 orang penagih berulang dapat dikesan dalam tempoh yang sama tahun ini berbanding dengan 7,200 orang pada masa yang sama tahun lepas. Walaupun bandingan perangkaan yang tersebut memberi satu gambaran bahawa masalah penagihan dadah telah-pun berkurangan tetapi perangkaan-perangkaan ini hanya sekadar bilangan kes-kes yang dapat dikesan oleh pihak yang berkuasa, manakala kes yang tidak dapat dikesan itu mungkin jauh lebih lagi.

Pada keseluruhannya, Tuan Pengerusi, masalah penagihan dadah di Malaysia ini masih di tahap yang membimbangkan sebagaimana yang didakwa oleh pihak PEMADAM dalam keluaran Data Bulanan Kegiatan Dadah bagi bulan November tahun ini.

Dari sumber maklumat yang sama, Tuan Pengerusi, saya juga dapati bahawa jumlah penagih yang menjalani rawatan dan pemulihan di pusat-pusat pemulihan Kerajaan menjangkau 20,641 orang pada bulan Ogos tahun ini. Ini meliputi 4,251 orang atau 20.6% yang menjalani program institusi di pusat-pusat tersebut dan 13,426 orang atau bersamaan 65% di bawah program pengawasan dalam masyarakat dan seramai 2,964 orang atau bersamaan 14.4% adalah bekas-bekas penagih yang menjalani program jagaan lanjutan selepas dibebaskan dari

Pusat-pusat Serenti. Tetapi apakah pemuatan atau capacity Pusat-pusat Serenti yang sedia ada sekarang ini? Ingin saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan berapakah yang sepatutnya memadai?

Memandangkan bahawa 13,426 orang penagih yang saya sebutkan tadi masih di bawah program pengawasan, saya ingin mohon penjelasan juga, berapa pegawai yang dikehendaki dan berapa pula yang ada sekarang untuk usaha pengawasan tersebut, dan sekiranya terdapat kekurangan, apakah strategi-strategi atau cara-cara penyelesaian yang dirancang oleh Kementerian yang berkenaan?

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Rajang.

*4.57 ptg.*

**Dr Nicholas Munong Anak Ibau (Rajang):** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang. Dengan ini saya ingin menyentuh sekali lagi tentang mukasurat 185, Maksud Bekalan B. 39 iaitu Butiran 020000 Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat dan Butiran 030000 Kad Pengenalan.

Butiran ini telah disentuh oleh rakan seperjuangan saya iaitu Ahli dari Lubok Antu sebentar tadi. Ucapan beliau adalah satu teguran, satu rayuan, satu kemarahan yang ada kami rasai di Sarawak terutama rakyat di luar bandar. Saya minta teguran kami dari Sarawak diambil perhatian dengan seberat-beratnya.

Perkara seperti ini telah dibangkitkan oleh semua ahli orang-orang Dayak di Sarawak baikpun dari Betong, baikpun dari Kapit dan dari Ulu Rajang, dan juga perkara seperti ini telah dibangkitkan di dalam Dewan Undangan Negeri di Sarawak tetapi bila dibangkitkan di dalam Dewan Undangan Negeri, diberitahu bahawa perkara ini adalah

tanggungjawab Kementerian di peringkat Persekutuan. Dengan ini, di sini kami ingin menyuarakan perkara ini sekali lagi walaupun telah dibangkitkan oleh Ahli dari Lubok Antu, sekali lagi di sini saya juga ingin menyentuh semula supaya perkara ini diambil berat.

Tuan Pengerusi, keadaan yang ada di Sarawak pada masa ini ialah boleh dibandingkan dengan keadaan yang ada di Semenanjung ini pada tahun 1950an dahulu. Sekiranya dalam tahun 1950an dahulu Kerajaan di Semenanjung ini menjalankan National Registration Drive, dengan izin, pada masa itu, mengapa tidak pada masa ini kita menjalankan National Registration Drive di Sarawak.

Saya telah membangkitkan perkara ini di Dewan yang mulia ini pada mesyuarat yang dahulu dan saya telah diberitahu oleh Menteri yang berkenaan iaitu Kerajaan akan membuat National Registration Drive di Sarawak, tetapi pada masa ini di kawasan saya dan banyak di kawasan yang lain tidak ada National Registration Drive dijalankan. Sekiranya ada, itu adalah secara kecil-kecilan sahaja. Sekiranya begitu rupanya National Registration Drive, saya tidak tahu bilakah akan habis, mungkin banyak yang akan mati sebelum dapat Sijil Kelahiran atau Kad Pengenalan.

Dengan ini saya ingin tahu dari Menteri berkenaan, oleh kerana dahulu Menteri menyatakan Kerajaan akan menjalankan National Registration Drive, adakah pada tahun ini National Registration Drive akan dijalankan. Sekiranya akan dijalankan bolehkah Menteri berkenaan memberitahu Dewan yang mulia ini berapakah peruntukan yang telah diagihkan ataupun dianggarkan untuk perkhidmatan National Registration Drive di Sarawak dan bilakah ini akan habis tempohnya. Sekiranya kita membuat National Registration Drive tidak ada tempoh tamatnya, mungkin tidak tahu bilakah itu akan habis.

Dengan ini juga saya ingin menyentuh iaitu di Sarawak selalu timbul masalah menentukan apakah orang-orang itu benar-benar orang tempatan, orang Sarawak. Ini diputuskan oleh kakitangan Kerajaan di Kuching, siapakah yang lebih arif tentang seseorang itu orang tempatan, orang Sarawak. Adakah orang di Kuching yang tidak tahu apa-apa yang sebenarnya berlaku di kawasannya. Tadi Ahli dari Lubok Antu menyentuh perkara ini.

Saya pernah juga tengok iaitu satu cara sekiranya seseorang pasangan hendak berkahwin, nama mereka dan gambar mereka digantung di Pejabat Pendaftaran atau District Office selama dua atau tiga bulan—tidak tahu yang sebenarnya. Mengapa tidak, sekiranya seseorang itu memohon kad pengenalan dan sijil kelahiran, sekiranya kita ada ragu-ragu tentang kedudukan yang sebenar, mengapa tidak kita menggantung nama orang itu supaya siapa yang hendak membantah boleh membantah dan sekiranya tidak ada pembantahan kepada permohonan itu maka itulah yang sebenar. Dengan ini saya memohon supaya Menteri yang berkenaan mengambil berat tentang perkara ini dan sekali lagi juga saya menyokong supaya undang-undang yang kita ada sekarang yang menyusahkan rakyat di kawasan luar bandar untuk memohon, supaya Kerajaan meminda Akta-akta ataupun syarat-syarat yang dikehendaki. Dengan itu Tuan Pengerusi saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Arau.

*5.04 ptg*

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):** Tuan Pengerusi, Maksud Bekalan 35—Kementerian Dalam Negeri. Yang Pertamanya Butiran 010000—Pentadbiran dan Kewangan.

Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian ini kerana telah berjaya

menjalankan tugas mereka sehingga dapat menjaga keamanan negara ini sampai ke tahap yang boleh membanggakan. Saya ucapkan tahniah dan saya berharap diteruskan dengan cara yang dibuat sekarang termasuk penadbiran Akta Dalam Negeri (ISA) supaya dengan cara ini keselamatan dan juga ketenteraman awam dapat dijamin.

Keduanya, Tuan Pengerusi, Butiran 020000—Keselamatan. Mengenai PKM, saya ingin menyentuh bersama-sama dengan yang telah ditimbulkan oleh rakan-rakan saya tadi, cumanya saya hairan mengapakah teguran begitu diberikan kepada pihak Kerajaan dan juga Kementerian. Ini bukan satu perkara yang senang untuk membolehkan kita berunding dan seterusnya meminta mereka meletakkan senjata. Kenapa perkara ini tidak ditimbulkan. Berapa banyak Kerajaan telah belanjakan tiap-tiap tahun untuk menghadapi tentangan daripada pihak PKM dan sebagainya. Ini bukan perkara yang mudah dan bukan satu perkara yang senang. Tidak bolehkah kita mengambil pendekatan secara Islam. Orang yang bercakap tadi banyak daripada orang Islam.

Kita lihat secara Islam—Nabi Muhammad s.a.w. semasa Baginda masuk ke Kota Mekah, Abu Suffian, sepatutnya kalau saya hidup masa itu saya sudah pancung kepalanya, tetapi Baginda tidak berbuat demikian dan memberi keampunan kepada Abu Suffian dan juga memberi keampunan kepada mereka yang pergi mendapat perlindungan daripada Abu Suffian. Salahkah Kerajaan berbuat demikian. Apakah bila kita berjumpa kita hendak pancung kepala orang yang datang menyerah kalah (surrender) kepada kita. Inilah cara yang paling baik dan tepat yang dibuat oleh pihak Kerajaan dan dengan itu Kerajaan secara tidak langsung boleh dapat mengurangkan perbelanjaan lebih dari \$500 juta tiap-tiap tahun. Ini yang patut kita pertimbangkan.

Kita minta supaya Kerajaan memberi pertimbangan supaya mereka yang berjuang menentang komunis selama ini diberi ganjaran yang lebih kalau tidak pun yang sama diberikan kepada pihak yang menyerah diri. Itu yang patut kita bincangkan. Bukan kita menghentam Kerajaan seolah-olahnya apa yang Kerajaan buat ini gagal. Jadi, seolah-olahnya kita mahu terus berperang. Apakah masyarakat Malaysia ini masyarakat yang suka tengok “wrestling” tidak berhenti ataupun suka tengok orang berperang. Bukan itu cara yang kita hendak bawa kepada Kerajaan.

Jadi, kita ucap tahniah kepada Kerajaan di atas kejayaan ini dan saya rasa satu kejayaan yang paling bersejarah yang tidak akan dapat dibuat oleh mana-mana pemerintah yang menerajui Malaysia di masa-masa akan datang. Ini satu kejayaan yang kita patut puji. Yang patut kita minta ialah supaya peruntukan yang dibelanjakan untuk menentang komunis itu diberi balik kepada bekas perajurit dan juga kepada “Homeguard” yang telah banyak berjuang, yang telah banyak menumpahkan darah menentang mereka ini diberi ganjaran semula. Jangan dilupa kepada mereka ini dan juga saya minta kepada Yang Berhormat, kalau betul Pasukan Tentera Wataniah hendak dimansuhkan, saya minta ini dipertimbangkan semula sebab soal keselamatan saya rasa bukan sebagaimana yang Perdana Menteri telah sebut, bila orang menyerah kalah kita terpaksa perkecilkan, tidak. Kita perlu akan pertahankan, kalau boleh kita tambah. Ini soal keselamatan negara, bukan satu soal yang mudah dan saya ucapkan tahniah sekali lagi kepada Kerajaan mengenai perkara tersebut.

Kedua, fasal yang telah disebut oleh kawan-kawan. Saya minta supaya Kerajaan menambahkan peruntukan kepada badan-badan sukarela yang sama-sama memerangi dadah utamanya PEMADAM, Timbalan Menteri sebagai Pengerusi PEMADAM

Pusat, harus faham bahawa peruntukan \$100,000 yang diberikan itu tidak cukup. PEMADAM terpaksa bertungkus-lumus mengadakan pertunjukan di sana sini untuk menambahkan tabung. Apa ini? Yang pentingnya Kerajaan harus beri sekurang-kurangnya separuh daripada peruntukan perbelanjaan PEMADAM itu datangnya dari pihak Kerajaan. Tidak salah kalau kita beri satu juta. Banyak mana satu juta, kalau kita bandingkan dengan masalah yang kita hadapi, Saya minta supaya ia ditambahkan.

Ketiga, di bawah tajuk yang sama fasal KDN-Akbar-akhbar. Akhbar seperti **Utusan** itu baguslah, pemberita-pemberita ini tulis bagus tetapi sampai ke peringkat sub-editor dialah yang memberi tajuk yang kurang manis. Saya cuma hendak sentuh di sini supaya dilihat balik supaya laporan-laporan yang diberikan tidak mengancam keselamatan. Sebagai contoh, saya percaya Perdana Menteri tidak pernah menyebut tentang perkara ini. Soalan yang ditanya kepada Perdana Menteri pada masa tersebut yang pertamanya fasal PKM, habis. Lepas itu tajuk yang kedua—Tajuk PAS. Ini adalah tajuk yang berasingan, tetapi mengapa tajuk PAS dan PKM itu disekalikan. Ini seolah-olah melaga-melagakan Perdana Menteri. Dengan kejayaan yang dicapai melalui PKM terpaksa pula menghadapi perkara yang baru seolah-olah Perdana Menteri menyamakan PAS dengan PKM. Tidak, dia tidak pernah bercakap perkara yang demikian rupa.

Apakah kita hendak jadikan akhbar ini sebagai tempat berpolimik kepada perkara-perkara yang tidak sebenar berlaku? Saya minta perkara ini diperbetulkan dan Dato', saya minta tolong kalau boleh akhbar-akbar lain yang banyak membantu dalam menghubungkan rakyat dalam memberi pendidikan kepada rakyat diberi pertimbangan semula. Contohnya ialah seperti "Akhbar Al-arqam" - saya tidak payah sebutlah. Kalau tidak suka kepada pemimpinnya tangkaplah pemimpinnya

tetapi akhbar itu apa salahnya. 10,000 orang mencari makan dengan akhbar Al-arqam yang sekarang ini KDNnya ditarik balik dan mereka sekarang ini menghadapi sedikit kesusahan. Jadi, bukan itu caranya kita hendak bertindak kepada sesuatu pertubuhan yang kita anggap salah. Arqam ini, dia bukan soal pemimpin, dia ikut pemimpin sahaja, kalau tidak puashati dengan pemimpin itu cari pemimpin lainlah, tetapi kenapa akhbarnya ditutup. Itu saya minta tolong dipertimbangkan semula.

Yang berikutnya ialah B. 36—Polis DiRaja Malaysia. Saya bersetuju, Semangat 46 hari ini dia ada rasional sedikit dia bercakap, Wakil dari Besut iaitu meminta supaya pertimbangan diberikan, ini saya setuju. Kelmarin saya bercakap berkenaan kakitangan para medic supaya diberi pertimbangan. Satu akhbar pun tidak masuk, yang masuk dia kata saya "bantai" **Utusan**. Saya tidak tahulah, hari ini saya cakap pun tidakkan masuklah. Tidak masuk pun tidak mengapa, saya bukan mencari rezeki di sana. Rezeki di tangan Tuhan, bukan tangan akhbar. Saya minta, tidak masuk pun tidak mengapa, saya minta Dato' beri pertimbangan kepada kakitangan Polis - kakitangan bawahan terutamanya ditimbang, dikaji semula gaji mereka. Mereka ini menjalankan tugas yang bukan-bukan.

Masalah sekarang ini, dahulu kita lihat Polis hanya menghadapi kumpulan penjenayah dan sebagainya, sekarang ini bukan sahaja penjenayah sampai ke dalam Parlimen ini pun Polis terpaksa menghadapi bermacam-macam kerenah dan bermacam-macam masalah yang telah mereka hadapi tetapi tanggagaji untuk kakitangan keselamatan ini kita lihat tidak pernah sebagaimana yang diberikan kepada kakitangan yang bukan keselamatan, contohnya cikgu-cikgu. Cikgu-cikgu ini kalau tuan-tuan bersetuju dengan saya tiap-tiap tahun adalah sahaja yang penyelarasan dibuat, saya ucap tahniahlah kepada Menterinya pandai menyelaraskan tentang perkara ini

dan gaji guru sentiasa naik. Jadi, saya minta Kementerian Dalam Negeri, Perdana Menteri sendiri pula yang menjadi Menteri Dalam Negeri supaya mempertimbangkan, mengkaji semula gaji kakitangan Polis ini supaya selaras dengan tanggungjawab dan tugas yang diberikan kepada mereka. Kadang-kadang mereka ini, ini cerita sahaja, kadang-kadang mereka ini tidak puas hati, mereka menonton televisyen mengenai cerita-cerita Polis dan sebagainya, Polis-polis di luar negeri seolah-olahnya semuanya ada kereta. Jadi, walaupun cerita ini benar ataupun tidak benar tetapi kempen ini sekurang-kurangnya mendatangkan sedikit kesan kepada mereka.

Baru-baru ini Ketua Polis telah menyebutkan bahawa usaha-usaha dibuat dengan lebih hebat untuk menentang jenayah kolar putih. Jadi, kita lihat Polis telah menambahkan DPP kepada sampai 200 orang yang sekarang ini saya percaya sudah menjadi 300 orang tetapi bila mereka merujuk kepada Attorney-General's Chambers, cuma ada 3 sahaja DPP. Jadi, walaupun ini bukan di bawah Kementerian Yang Berhormat, tetapi cubalah fikir, kita telah selesai di peringkat Polis tetapi bila sampai kepada A.G.'s Chambers, perkara ini terpaksa bertangguh-tangguh, hanya tiga DPP sahaja untuk menyelesaikan kes-kes yang dirujuk bukan sahaja daripada Polis, daripada berbagai-bagai pihak.

Tuan Pengerusi, yang berikutnya, berkenaan Polis juga, saya hendak minta supaya kita setuju untuk menjaga disiplin ini bahawa tindakan tata-tertib ini diambil kepada Polis termasuklah pembuangan kerjanya boleh dibuat di peringkat dalaman sahaja. Saya minta supaya perkara ini ditimbang supaya, ini bagus untuk tujuan disiplin tetapi supaya ada peringkat rayuan yang mungkin boleh di peringkat Menteri atau mana-mana pihak supaya mereka yang disabitkan dengan kesalahan dapat merayu. Dalam keadaan sekarang kita

lihat ada satu kes macam di Kelantan, iaitu orangnya orang Perlis, seorang Inspector Polis yang telah dibuang kerja dan dia tidak ada tempat untuk merayu.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Satu mint lagi Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengerusi, saya minta supaya perkara ini diberi pertimbangan semula untuk membolehkan tindakan yang adil diambil kepada mereka yang terlibat.

Saya juga ingin memberi tahniah kepada pasukan Polis yang saya rasa mereka telah menjalankan tugas dan telah mencapai kejayaan sama seperti yang kita harap-harapkan dan saya rasa tahap kejayaan mereka sama seperti yang dicapai di peringkat antarabangsa.

Tuan Pergerusi, akhir sekali berkenaan B. 41—Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sebab Jabatan Orang Asli ini dimasukkan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Dahulu saya sebutkan sampailah masanya Jabatan Orang Asli ini sama ada dimasukkan ke Kementerian Dalam Negeri pun tidak mengapa, tetapi penekanan sekarang harus diberi kepada pembangunan, Orang Asli ini biarlah indentiti Orang Asli itu hilang dan menjadi orang Malaysia supaya keadaan hidup mereka itu dapat berubah daripada yang ada sekarang ini ke tahap yang boleh mereka hidup sebagai rakyat Malaysia.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak ada masa Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tidak boleh, satu minit lagi, B.38—Jabatan Pendaftaran Negara.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sudahlah Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Akhir sekali saya minta supaya kajian dibuat tentang pengeluaran Kad-kad Pengenalan Palsu yang bukan sahaja berlaku di Malaysia Timur tetapi di sini pun ada, kerana kita tidak mahu apakah kad ini sekarang dijual dengan berleluasa di dalam pasaran. Akhir sekali B.37-Jabatan Imigresen.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sudah Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

5.16 ptg.

**Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat 177, Butiran 020000-Keselamatan dan mukasurat 179 Butiran 010000, 030000 dan 040000. Saya ambil semua Butiran-butiran ini sekali gus.

Tuan Pengerusi, perjuangan senjata PKM sudah habis. Baru-baru ini PKM sudah letak senjata. Adakah sebab-sebab sekarang untuk wujud satu Akta haram, Akta Keselamatan Dalam Negeri dalam negara ini oleh kerana tidak ada apa-apa ancaman dari parti komunis sekarang. Oleh itu Tunku Abdul Rahman pun ada merayu kepada Kerajaan untuk hapuskan Akta haram ini dan saya merayu kepada Kerajaan untuk ambil tindakan ke arah itu.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini, 5 pegawai berpangkat pegawai atasan dalam Tentera Laut ditahan. Pada 18hb Ogos, 1989 seorang bernama Leftenan Paramjit Singh, seorang Leftenan dalam TLDM ditahan di bawah Akta ISA. Selepas itu ada juga 4 pegawai lain berpangkat serupa juga dalam TLDM, semua mereka ini apa yang saya difahamkan orang kaum Sikh ada ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Dan pada 3hb November, kelima-lima orang ini atas apa yang saya difahamkan dan juga atas maklumat-maklumat tertentu, kelima-lima orang ini sudah ditahan sekarang di Kem Kamunting, di mana saya ada satu masa.

Tuan Pengerusi, saya mahu tahu adakah sebab-sebab di atas mana kelima-lima orang ini ditahan. Apa yang saya difahamkan, kelima-lima orang ini ada disyaki menjual rahsia-rahsia kepada Singapura. Adakah ini benar, saya mahu dapat tahu sekejab lagi.

Tuan Pengerusi, saya mahu dapat tahu juga adakah dalam masa tahanan kelima-lima orang ini ada diseksa, dipukul, dihentam dan lain-lain oleh Pegawai-pegawai Polis.

Tuan Pengerusi, oleh kerana sepertimana yang saya kata tadi tidak ada apa-apa ancaman dari Parti Komunis Malaya sekarang, kelima-lima orang ini boleh didakwa di bawah Akta OSA. bukan ISA. Di bawah OSA ada peruntukan dan gunakanlah peruntukan di bawah Akta itu (*Tepuk*) untuk ambil tindakan atas kelima-lima mangsa Akta haram ini, Akta ISA, dalam mahkamah. Tetapi Kerajaan tidak berani untuk dakwa kelima-lima orang ini dalam mahkamah oleh kerana tidak ada bukti, dan di mana tidak ada bukti, tentu dia gunakan Akta haram ini sebagaimana digunakan dalam Operasi Lallang. Pada masa itupun tidak ada apa-apa bukti apabila tuduhan-tuduhan palsu, tuduhan-tuduhan yang tidak ada asas, ada dibaling kepada Parti DAP dan juga Ahli-ahli Parti DAP yang ada ditahan di bawah Akta haram ini pada masa itu.

Tuan Pengerusi, atas tajuk lain, apa yang wujud dalam negara ini di bawah peranan Pasukan Polis, 80% kes-kes jenayah tidak dapat diselesaikan sampai sekarang dan dalam kes-kes ini ada kes-kes serius, seperti kes kematian Cik Mustakizah binti Haji Jaafar pada 14hb November, 1988. Perempuan ini ialah seorang Pengarah dalam Golden Star Video (Sdn.) Bhd. Beliau jadi seorang mangsa dalam satu "ghastly murder". Dalam siasatan yang ada dijalankan oleh polis pada masa itu, saya ingat 15hb November 1988, dalam laporan *Straits Times* ada apa yang dikatakan "hired killers" yang ada terlibat dalam perkara

ini. Masa itu ada khabar-khabar angin bahawa ada seorang Timbalan Menteri pun terlibat dalam ghastly murder ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Dalam negara ini jikalau ada khabar-khabar angin (rumours), tentu ada apa-apa dalam khabar-khabar angin itu dalam negara ini, itu apa yang wujud. Saya percaya tentu ada. Jikalau sampai sekarang tidak ada apa-apa hasil dari siasatan dalam perkara ini, tentu ada cubaan oleh Kerajaan untuk memadamkan apa yang harus dibongkar. Itu apa yang saya mahu dapat tahu sedikit masa lagi daripada Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Lagi satu perkara, Tuan Pengerusi. Pada awal tahun 1988, Timbalan Speaker, Encik D. P. Vijandran - baru-baru ini sudah lari (*Ketawa*) - ada buat sebagai . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, beliau tidak lari. Jangan menggunakan perkataan itu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Digantikan oleh Tuan Speaker (*Ketawa*).

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya cakap "lari" oleh kerana dia tidak beri peluang kepada saya apabila saya bangun tadi untuk berucap, dia takut, tetapi tidak apa, itu perkara lain.

Dalam tahun 1988, awal tahun itu, beliau ada buat satu laporan (*report*) di Balai Polis Travers. Isi kandungan report polis itu ialah ada kecurian dalam kediaman beliau. Saya mahu dapat tahu sampai sekarang adakah apa-apa hasil daripada siasatan dalam laporan polis ini? Apa yang saya difahamkan iaitu bukan kecurian juga, ada satu skandal dalam perkara ini yang mana 4 atau 5 orang ada ditahan. Apa yang ada didapati dimiliki oleh 4 atau 5 orang ini ialah

tape-tape video lucu. Dalam tape-tape ini ada seorang pemimpin atasan MIC yang berlakon dalam video lucu ini. Adakah ini benar? Saya mahu dapat tahu.

Apa yang saya tahu dalam fahaman saya, ada dalam video-video lucu ini isteri-isteri orang lain, bukan isteri pemimpin MIC ini - semua tidak ada sekarang di sini. Dalam tape-tape video ini bukan isteri-isteri juga, kerani-kerani typists dalam MAIKA Holdings pun ada jadi pelakon yang berlakon dengan pemimpin MIC ini. Itu satu skandal. Apa yang saya difahamkan perkara ini sudah dipadamkan. Kelima-lima orang ini, 4 atau 5 orang saya tak berapa tepat, tetapi orang-orang yang terlibat ada ditahan, ada dipukul, diseksa oleh pegawai-pegawai polis. Tape-tape ini apa yang saya tahu ada dalam simpanan polis sekarang.

Saya mahu dapat tahu dari Timbalan Menteri Dalam Negeri dan juga Menteri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adakah kedua-dua Menteri ini tahu apa yang berlaku? Jikalau kedua-dua Menteri ini, termasuk Timbalan Menteri tahu apa yang ada dalam tape-tape lucu ini, apa tindakan ada diambil dalam perkara ini? Yang pertama, saya mahu tahu adakah benar apabila orang-orang ini ada ditahan dalam simpanan mereka ada tape-tape ini.

Apa yang saya mahu tahu lagi, Tuan Pengerusi, oleh kerana 4 atau 5 orang ini sudah dilepaskan atas jaminan, tetapi sampai hari ini tidak didakwa dalam mahkamah, oleh kerana apa? Jaminan jadi satu langkah sementara, bukan satu langkah tidak ada masa. Mengapa sampai sekarang tidak ada apa-apa tindakan yang ada diambil oleh Jabatan Peguam Negara dan Polis dan pihak-pihak lain?

Lagi satu perkara, Tuan Pengerusi, ini mengenai Haji Abdul Rahman Hamzah. Dalam satu jawapan yang ada diberi kepada rakan saya dari Bandar Kuching, Tuan Sim Kwang Yang pada 7hb

November, 1989 atas satu soalan yang ada dikemukakan oleh rakan saya, inilah jawapan. Oleh kerana tidak ada masa, saya tidak membaca soalan, tetapi jawapan, iaitu:

“Penyiasatan yang mendalam telah dijalankan terhadap tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh orang-orang yang di tangkap dan ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri Tahun 1960, sebagaimana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Adalah didapati bahawa dakwaan-dakwaan tersebut, kecuali dakwaan oleh Haji Abdul Rahman Hamzah, adalah tidak benar dan tidak berasas”.

Kecuali dakwaan oleh Haji Abdul Rahman Hamzah.

“Mengenai tuduhan Haji Abdul Rahman Hamzah, siasatan polis ke atas tuduhan beliau telah juga selesai dijalankan dan hasil siasatan tersebut akan dirujuk ke Jabatan Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.”

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Pengerusi, sedikit lagi. Ini jawapan pada 7hb November, sekarang sudah lebih kurang satu bulan, adakah apa-apa tindakan diambil atas perkara ini sampai sekarang?

Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli:** (*Bangun*).

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Marang. Ahli-ahli Yang Berhormat, lepas ini saya terpaksa minta Yang Berhormat Menteri menjawab dengan kerana kita sepatutnya sudah habis perkara ini.

5.28 *ptg.*

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar (Marang):** Terima kasih, Tuan Pengerusi . . . .

**Tuan P. Patto:** Tuan Pengerusi, saya bangun awal. Bolehkah Tuan Pengerusi timbang untuk tambah masa?

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Duduk, duduk, duduk! Orang hendak bercakap ini.

**Tuan P. Patto:** Yang Berhormat itu bukan Tuan Pengerusi di sini!

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya harap . . . .

**Tuan P. Patto:** Behave yourself!

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Behave yourself also. Sit downlah!

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap pada halaman 177 mengenai dengan Keselamatan. Baru-baru ini kita dapati Parti Komunis Malaya telahpun meletakkan senjata dan ekoran daripada itu pada 2hb Disember, satu perjanjian di antara pihak Komunis dengan Kerajaan Malaysia telah diadakan di Thailand. Saya terlebih dahulu merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih terutamanya kepada pihak Kerajaan Malaysia yang telah berjaya mengadakan satu perjanjian yang saya kira mencatatkan satu sejarah yang sangat tinggi nilai dan ertinya kepada keamanan dan kesejahteraan negara Malaysia ini.

Sebelum daripada itu, saya ingin merakamkan tahniah kepada Perwakilan Malaysia yang terdiri dari Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Wan Sidek Abdul Rahman, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Hashim Mohamed Ali dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar. Rakaman terima kasih ini dinyatakan bukan sahaja di atas keberanian dan kecemerlangannya, tetapi kita sedar bahawa sebelum daripada tandatangan ini dibuat, usaha-usaha telahpun

dijalankan oleh pihak-pihak yang saya nyatakan itu bagi memastikan komunis ini menyerah diri. Kita juga merasa gembira dan saya rasa tidak salah kalau kita kalongkan tahniah serta terima kasih bersama kepada pihak Komunis Malaya. Pelek, tetapi dia tidak jadi komunis, boleh tahniah kepada Setiausaha Agungnya, Chin Peng, nama sebenarnya Ong Boon Hwa; Pengerusinya, Abdullah CD ataupun Cik Dat bin Anjang Abdullah dan Komander Rejimen ke 10 P.K.M., Rashid Mydin ataupun Abdul Rashid bin Madin.

Perletakan senjata ini memberi makna yang sungguh besar dan merupakan satu kejayaan yang tidak ternilai. Ia memperlihatkan kelumpuhan Parti Komunis Malaya yang telah berjuang begitu lama dan sekaligus ianya membawa makna pengiktirafan Parti Komunis Malaya kepada Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang kita kasihi Dato' Seri Dr Mahathir. Selain daripada pengiktirafan, ia juga menjelaskan kepada kita bahawa perjuangan komunis adalah perjuangan yang sia-sia dan tidak berguna. Kita tahu daripada perjuangan komunis ini, ramai yang terkorban, ramai yang mati, ramai yang cedera. Mengikut statistik Kementerian Pertahanan, seramai 5,554 Anggota Keselamatan terbunuh dan cedera kerana bertempur atau terkena jerangkap samar pengganas komunis semenjak tahun 1948 sehingga 1989. Dari jumlah tersebut 3,327 terdiri dari anggota Polis, manakala 2,227 lagi anggota Tentera.

Apabila saya menyebut perangkaan ini, izinkanlah saya menyatakan satu cadangan iaitu atas pengorbanan dan jasanya yang tinggi, eloklah anggota-anggota Tentera ini dikaji balik dari segi bantuan dan sumbangannya. Kita sering dengar wujudnya royalti, wujudnya pampasan, tetapi dalam masa yang sama, masalah kesejahteraan, kesentosaan, kebahagiaan Polis dan juga Tentera ini sering tidak dipedulikan secara serius walaupun ada. Masalah perumahan,

masalah tempat tinggal, masalah pelajaran, masalah pekerjaan sering menghantui kehidupan mereka dan seolah-olah tugas-tugas yang telah dilakukan itu dilupakan dalam bentuk riak nada dan juga pembangunan-pembangunan sektor-sektor yang lain.

Kita juga ingin menjelaskan bahawa di masa pertempuran dengan komunis, seramai 2,555 orang awam terkorban kerana menjadi sasaran komunis dalam tempoh yang sama. Apalah salah kiranya duit kita ini kalau ada lebih, saya rasa memang lebih, eloklah diberikan pampasan ataupun kajian balik kerana saya sedar juga anggota-anggota awam yang terkorban mempertahankan negara daripada serangan komunis ini sebahagiannya menerima pampasan yang sedikit dan juga kata orang tidak sama dengan apa yang mereka berikan kepada negara. Namun begitu, kita juga menyanjung tinggi kecekapan anggota Polis kerana di dalam masa menentang komunis, kita dapati komunis lebih ramai yang mati daripada orang awam ataupun Tentera. Daripada rekod Kementerian Pertahanan, seramai 11,222 orang komunis telah cedera dan juga ditangkap. Dan daripada angka itu sebanyak 6,895 dibunuh dalam pertempuran manakala 2,968 pula yang cedera. Ini menjelaskan kepada kita bahawa anggota Tentera, anggota Polis kita adalah cekap. Kita minta walaupun komunis telah surrender ataupun menyerah kalah, kecekapan ini perlu dipertingkatkan dan dipertahankan dari masa ke semasa.

Saya merasa amat gembira malam tadi apabila saya mendengar pengumuman daripada Ketua Turus Panglima kita iaitu usaha-usaha untuk meningkatkan mutu ataupun meningkatkan keadaan mereka itu akan dipertingkatkan. Maknanya selama ini mungkin kehadiran komunis itu merupakan satu faktor untuk meningkatkan mutu ataupun daya juang komunis-komunis itu. Tetapi janganlah apabila tiada komunis, mutu pertahanan Tentera kita dah juga Polis akan menjadi

kendur. Saya kira banyak perkara boleh kita lakukan, misalnya mengadakan pertahanan bersama dan sebagainya.

Selain daripada itu juga kita dapati komunis-komunis ini berkisar dan beroperasi di kawasan-kawasan pedalaman. Saya dapati antara kawasan-kawasan yang dikenalpasti sebagai sasaran komunis iaitu Grik, Raub, Kuala Lipis, Gubir, Gua Musang dan juga Sungai Siput. Eloklah kawasan-kawasan yang telah lama ditinggalkan itu dibangunkan semula. Kita dapat ramai orang Melayu dan ada juga sedikit bukan Melayu yang selama ini tidak dibangunkan kawasan mereka baik dari segi infrastruktur, ekonomi, sosio-budaya dan sebagainya. Juga sudah sampai masanya kawasan-kawasan yang ditinggalkan itu dibangunkan secara serius, kerana saya difahamkan kawasan-kawasan itu telah ketinggalan tidak kurang 20 tahun daripada kawasan-kawasan yang lain.

Pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan juga Menteri Perumahan serta Wilayah membanggakan kita, tetapi pengumuman itu biarlah diertikan, dijadikan dalam kenyataan yang dapat kita saksikan nanti. Saya juga merasa bertuah di atas perletakan senjata Parti Komunis Malaya ini kerana ia telah dapat menyelamatkan kos operasi sebanyak \$500 juta. Kos operasi \$500 juta ini satu kos yang tinggi, maka saya mencadangkan apalah salah kiranya kos operasi sebanyak \$500 juta itu juga diberikan sedikit kepada kampung yang dikenali sebagai Kampung Persahabatan di mana Kampung Persahabatan ini saya difahamkan akan diletak dan juga dibina di Selatan Thailand, di mana bekas-bekas anggota komunis ini kira-kira 1200 ini akan tinggal dan duduk di situ. Saya rasa kalau kita buat baik dengan dia sedikit pun, tidak salah. Tetapi sedikitlah, jangan banyak sangat.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Sedikit lagi. Dua minit lagi.

Saya sangat tidak bersetuju dengan cadangan Wakil dari Jelutong, dia tidak erti sedikit iaitu untuk menarik balik Akta ISA. Sebenarnya Akta ISA itu tidak boleh ditarik balik, kerana Akta ISA dicadangkan dan juga dilahirkan bukan untuk sengaja menjaga komunis sahaja, tetapi juga untuk menjaga orang-orang yang mempunyai sifat perkauman, mereka yang membuat jenayah, mereka yang mengancam, mereka yang tidak menjaga ketenteraman negara, mereka suka mengadu domba sesuatu perkara yang kurang sihat. Jadi, soal perkauman belum lagi reda, ternyata jelas dan soal ini sering dibawa oleh Pembangkang terutamanya DAP dengan cara lagak sombong, bongkak, angkuhnya. Saya kira Akta ISA ini bukan sahaja perlu dipertahankan tetapi perlu diper-tajamkan dan kalau boleh suara-suara sumbang, dangkal, tuduhan-tuduhan liar sebagaimana yang dituduh pada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi membolehkan akta ini diperkemas lagi dan tidak orang-orang seperti ini bercakap sesuka hati mereka.

Jadi, Tuan Pengerusi . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya hendak ucapkan terima kasih, itu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Ya, terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.40 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Parlimen yang telah bercakap serta memberi pendapat berkenaan dengan

bekalan dan peruntukan bagi pihak Kementerian Dalam Negeri dalam peringkat Jawatankuasa pada hari ini, terutamanya pada wakil-wakil dari Padang Terap, Kota Setar, Pasir Mas, Sungai Petani, Lubuk Antu, Rantau Panjang, Rasah, Besut, Ampang Jaya, Rajang, Arau, Jelutong dan akhirnya Marang.

Berkemungkinan bahawa pihak saya tidak dapat menjawab dengan sepenuhnya akan perkara-perkara yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Namun begitu, apa yang telah diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun dicatat oleh pegawai-pegawai saya dan pihak Kementerian Dalam Negeri akan meneliti semua catatan-catatan tersebut untuk perhatian dan tindakan.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap yang lebih menekankan tentang agar Kerajaan berwaspada dan berhati-hati dalam mengendalikan konsep ataupun perjuangan komunis yang ditekankan oleh Ahli Yang Berhormat itu, pihak Kerajaan akan berhati-hati walaupun perjanjian damai telahpun termaktub di antara Kerajaan dengan PKM. Soal pembangunan di kawasan-kawasan yang dahulunya "hitam", perkara ini akan diberi perhatian.

Tentang wakil dari Kota Setar yang menekankan sungguhpun perjanjian asas telahpun ditandatangani namun perkara-perkara yang terperinci ke atas kembalinya mereka adalah sedang diteliti oleh pihak Kementerian terutama pihak Polis. Kementerian Dalam Negeri akan mengambilkira kepentingan semua pihak terutama bekas perajurit, bekas polis keluarga-keluarga tentera dan polis yang terkorban, juga masyarakat keseluruhannya.

Tentang penglibatan anggota polis yang dahulunya ditugaskan dalam risikan PKM, pihak Jabatan Polis akan menyesuaikan anggota-anggota tersebut

mengikut keperluan semasa seperti mana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat.

Bersabit dengan kawasan Orang Asli, pihak KDN akan mengambil perhatian yang serius terhadap pembangunan.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah menyoal mengapakah sampai tiga orang pegawai tertinggi kita menghadiri perjanjian itu, walhal pihak Thailand hanya seorang. Kita mestilah faham bahawa dalam menentang PKM di Malaysia adalah dilakukan oleh dua Kementerian iaitu Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan dan juga yang sebenarnya upacara menandatangani yang berlaku di Haadyai itu adalah di antara Kerajaan Malaysia dengan PKM. Pihak Thailand hanya terlibat kerana PKM bersembunyi di hutan-hutan Thailand. Jadi, pihak Malaysia tidaklah dapat menasihatkan pihak Thailand siapakah yang harus menandatangani perjanjian damai itu bagi pihak Thailand.

Beliau juga telah mempersoalkan . . .

**Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, Ahli dari Pasir Mas bangun. Adakah minta penjelasan?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Ya, saya ingin minta penjelasan. Apa yang saya bangkitkan, kita membuat perjanjian di atas nama Kerajaan Malaysia, Thailand di atas nama pihak Internal Security Operations, maknanya di peringkat bukan di atas nama Kerajaan. Kalau begitu, kenapakah kita tidak mengarahkan untuk menandatangani bagi pihak Malaysia ialah Duta Malaysia di Thailand. Kenapakah kita mengarahkan Ketua Polis Negara dan Ketua Turus Angkatan Tentera untuk hadir sebagai pemerhati.

Persoalan saya untuk mendapat penjelasan, apakah dengan kehadiran Ketua Turus Angkatan Tentera dan Ketua Polis Negara itu kita hendak

menggambarkan kepada seluruh negara bahawa perdamaian yang dicapai itu atas persetujuan pihak Polis dan Tentera sebagai tindakan perang saraf, bahawa ini bukan keputusan Kerajaan semata-mata atau pemimpin-pemimpin politik, tetapi oleh pihak Polis dan Tentera sendiri. Manakala pada masa yang sama yang saya sebutkan tadi Pasukan Tentera Wataniah akan dibubarkan. Maka macam manakah mereka ini hendak cari makan? Macam mana dengan pengorbanan mereka? Itu persoalannya. Banyak lagi perkara-perkara yang bersangkutan atau berkaitan rapat dengan persoalan ini, Yang Berhormat, dan saya minta penjelasan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat mestilah faham bahawa yang mewakili Thailand itu juga bukanlah calang-calang orang. General Chavalit adalah merupakan pemimpin yang cukup kanan di Thailand. Jadi, saya ingat itu sudah mencukupi, menunjukkan bahawa beratnya pandangan pihak Thailand terhadap perletakan senjata PKM ini. Jadi, dengan sebab itu, adalah wajar bagi Malaysia untuk menghantar Ketua Setiausaha KDN, Ketua Turus Angkatan Tentera dan juga Ketua Polis Negara. Jadi, saya fikir perkara ini bukanlah satu perkara yang harus kita pertekankan sangat, tetapi saya menekankan di sini bahawa yang mewakili Thailand itu sendiri, bukanlah seorang pemimpin bawahan tetapi seorang pemimpin yang cukup berkuasa di Thailand pada hari ini.

Tentang Wataniah ini, saya tidaklah boleh bercakap tentang Wataniah kerana itu bukan di bawah bidang Kementerian Dalam Negeri. Ini adalah di bawah bidangkuasa Kementerian Pertahanan sendiri.

Tentang pemberian \$350 yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, perkara itu tidak timbul langsung, tidak pernah ada disuarakan bahawa \$350 akan diberikan kepada ahli-ahli

PKM. PKM tetap diharamkan di Malaysia. Tentang perkara-perkara yang terperinci bagaimana Kerajaan Malaysia akan menerima mereka kembali, saranan Ahli Yang Berhormat itu kita akan ambil perhatian kerana kita tahu bahawa ia akan memakan masa 70 hari untuk menyelesaikan masalah-masalah mereka kembali ke negara ini.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Minta penjelasan. Yang Berhormat itu menyatakan bahawa \$350 sebulan tak berbangkit, tetapi dalam kenyataan "Communique" yang kita dapat daripada akhbar-akhbar bahawa ada pampasan ataupun ada sesuatu yang dijanjikan. Apakah Yang Berhormat berani menafikannya di dalam Dewan yang mulia ini bahawa tidak akan berlaku apa-apa pemberian pada masa akan datang terhadap mereka yang meletakkan senjata ini. Sebab kepada saya, mereka harus di 'treat' sebagai 'penjenayah perang' atau 'war criminal prisoners'. Betul, bila wujud perdamaian itu baguslah kerana adanya keamanan. Tetapi cara yang sepatutnya mereka mesti menyerah diri sebagai penjenayah, criminal war prisoners, bukan sebagai seorang 'hero' seperti yang digambarkan oleh akhbar-akhbar. Saya berbeza dengan Yang Berhormat daripada Marang dan minta maaf. Sedikit lagi.

Soal PKM tadi yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, bahawa PKM akan tetap diharamkan. Bagaimana pula kenyataan Chin Peng mengatakan bahawasanya PKM tetap seperti biasa, tidak diharamkan? Dia bercakap di Haadyai. Ini prinsip dan maruah kita sebagai sebuah negara yang berdaulat. Sebab itu saya hairanlah ada beberapa kenyataan yang bercanggah sehingga apabila Chin Peng mengatakan bahawa PKM tetap tidak akan diharamkan, ada pihak pula yang mengalukan supaya dapat kembali kepada pangkuan masyarakat yang mana kita tak tahu lagi mereka ini, macam mana proses rehabilitation dan sebagainya. Baguslah kalau macam itu, Yang

Berhormat. Saya tidak apa-apa, sudah dua kali kena ISA, sedangkan mereka 40 tahun berjuang dalam hutan boleh balik dengan sambutan "red carpet" kah? Itu sahaja. Jadi, saya marah betul ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, bagi Kerajaan Malaysia, PKM tetap diharamkan. Apa orang lain hendak kata, apa Chin Peng hendak kata, itu soal lain. Tetapi bagi Kerajaan Malaysia, PKM tetap diharamkan. Tentang keistimewaan ini, bagi saya sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri tidak ada terdengar langsung, tidak ada siapa pun yang telah memberitahu bahawa ada keistimewaan saguhati \$1 atau \$10 akan diberi atau di mana mereka hendak diletakkan, diberi sambutan 'red carpet' atau tidak, itu tidak timbul langsung. Tidak ada perkara ini yang telahpun dihitamputihkan yang diketahui oleh Kementerian Dalam Negeri. Jadi, saranan Ahli Yang Berhormat itu akan diambil kira dalam hal ini.

Berkenaan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani, saya telah jelaskan mengapa tiga orang pegawai tinggi pergi. Apakah pendapat bekas polis dan bekas tentera. Bekas polis dan bekas tentera telahpun ditemui oleh pihak-pihak yang berkenaan sebelum perjanjian damai ini dijalankan dan kedua-dua persatuan ini telah memberi persetujuan dengan beberapa saranan yang mana saranan itu serupalah seperti mana yang dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tentang pengawasan anasir-anasir komunis di badan-badan tertentu di negara ini, pihak Polis akan mengawasi perkara itu.

Ahli Yang Berhormat dari Lubuk Antu telah bercakap dengan banyak tentang sijil kelahiran dan kad pengenalan. Kelemahan di seluruh Sarawak, sepertimana yang saya katakan adalah 1.86% sahaja, tetapi ini memang disangkal. Kelemahan ini adalah

disebabkan pihak-pihak pemohon tidak mengisi butir-butir yang lengkap. Kerjasama daripada pihak ketua kampung, penghulu dan ketua kaum kepada pihak Pendaftaran adalah perlu sangat bagi pihak Pendaftar untuk menjalankan dasar dan tugas-tugas mereka. Pegawai-pegawai Pendaftaran tidaklah boleh bawa surat beranak dan kad pengenalan yang kosong, sesiapa sahaja yang dijumpai di mana sahaja, "nah ambil, nah ambil". Itu bukan Kerajaan namanya. Jadi, mestilah ada . . . .

**Tuan Jawah Anak Gerang:** Jadi, permohonan ini bolehlah diberikan kepada Ahli Dewan Rakyat yang selalu melawat kawasan. Apa yang saya maksudkan ialah masalah orang-orang tua itu. Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri saya boleh bawa ke kawasan saya kerana di kawasan saya banyak orang yang tidak mempunyai kad pengenalan. Berilah kepada Ahli Dewan Rakyat supaya membawa itu.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, saya faham. Di Kuala Lumpur ini pun ramai orang tidak ada kad pengenalan, tetapi kita tangkaplah. Kita tahu mereka bukan rakyat. Tetapi yang soal di Sarawak itu, masalahnya semua orang kata dia rakyat Sarawak dan rakyat Malaysia. Tetapi sekurangnya mesti ada tanda. Bagi Kerajaan hendak simpan dokumen, kalau tidak macam mana kita hendak keluarkan kad pengenalan dan surat beranak. Jadi ini masalahnya, Mesti ada undang-undang yang tertentu dan sebagai Wakil Rakyat, saya kata di sini; sebagai Wakil Rakyat dari Lubok Antu dan sebagai Wakil Rakyat Rajang, kalau sudah cukup segala apa yang dikehendaki oleh pihak Pendaftar: borang-borang diisi dengan kemas, kita tahu latar belakangnya, bawa kepada Pejabat Pendaftaran. Kalau tidak lulus-saya akan ambil tindakan. Tetapi kalau sebut hanya senarai nama, ini 100 orang nama, tolong beri kad pengenalan. Macam mana Pegawai Kad Pengenalan

hendak beri? Sebagai Wakil Rakyat kita kena bertanggungjawab menentukan. Ini tugas kita.

**Tuan Jawah Anak Gerang:** Tetapi kaum di luar bandar selalunya tidak mempunyai dokumen-dokumen yang diminta. Saya mahu bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan, bagaimanakah Kerajaan memberikan lebih 100 Penan kad pengenalan tanpa sebarang dokumen. Saya mahu tahu bagaimana caranya? Berikan orang yang tidak ada kad pengenalan macam itulah kalau boleh. Ini sudah ada bukti, Kerajaan sudah beri kaum Penan kad pengenalan, dan orang itu pun boleh diberi seperti itulah. (*Tepuk*)

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Jadi, Yang Berhormat, sekurang-kurangnya ada orang mengenalinya. Sekurang-kurangnya ada surat daripada Ketua Kampung atau Ketua Kaum atau Ketua Penghulu. Sekurang-kurangnya ada sesuatu yang boleh disimpan oleh pihak Kerajaan. Kita tidak boleh jumpa si-Ahmad, kamu nama Ahmad, duduk di kampung ini dengan cakap sahaja diberi kad pengenalan. Tidak boleh!

Jadi, masalahnya kita lihat di Sarawak ini begitu rumit. Dengan sebab itu oleh kerana kedua-dua Yang Berhormat dari Rajang dan juga dari Lubok Antu telah pun membawa perkara ini dengan begitu bersemangat dan serius, pihak Kementerian akan mengambil perhatian yang serius atas perkara ini dan mungkin akan berbincang dengan pihak Kerajaan Negeri bagaimanakah untuk menyelesaikan masalah-masalah rakyat Sarawak yang stateless ini.

**Tuan Jawah Anak Gerang:** Yang Berhormat, saya amatlah sedih. Oleh kerana saya tiap-tiap hari pergi ke Pejabat Pendaftaran Kuching. Kalau mahu semak boleh. Tanya Pegawai Pendaftaran di Kuching. Apa yang saya buat, Yang Berhormat sekarang di sana, bikin kad pengenalan, bikin sijil ber-

anak. Tiada kerja lain. Oleh itu, saya serius di sini, yang saya tahu pegawai di Kuching, Ketua Pegawai di Kuching tidak tahu apa yang terjadi di Sarawak. Dia orang Semenanjung. Bukan saya anti-Semenanjung, bukan. Kalau tidak tahu apa terjadi di Sarawak, jangan kerja di Sarawak. Bagus lagi ambil orang Sarawak kerja di Sarawak. Saya sudah jumpa dengan Director, dia tidak tahu apa terjadi di Sarawak. Saya lebih tahu. Jangan hantar orang dari sini kerja di sana. Itulah.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, tidak semestinya kalau kita letak orang Sarawak, orang Kuching kita letakkan misalnya di Kuching, dia tahu apa yang berlaku di Sibul. Dia tidak tahu. Jadi jangan kita gunakan kriteria seperti itu. Tidak semestinya orang Kedah tidak boleh bertugas di Johor. Atau orang Kelantan tidak boleh bertugas di Perak. Adakah orang itu mesti tahu tiap-tiap tanjung, teluk dan sungai, dia tahu semua pokok apa-pokok apa; pokok getahkah, estet apa dalam kampung itu baru dia boleh bertugas. Tidak semestinya seperti itu. Jadi saya fikir . . . .

**Tuan Jawah Anak Gerang:** Maksud saya . . . .

**Tuan Pengerusi (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, beri Timbalan Menteri jelas dulu, lepas itu minta penjelasan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya ingat Yang Berhormat, perkara seperti itu jangan ditimbulkan. Bukan hanya menjelajah untuk mengenali rakyat yang tahu tetapi ada perkara-perkara yang lebih penting yang mesti diuruskan. Ordinan-ordinan, syarat-syarat pentadbiran yang mesti kita ketahui. Jadi saya kira perkara itu jangan ditimbulkan. Apa yang penting ialah bahawa keadaan di Sarawak ialah satu keadaan yang unik dan mesti kita selesaikan dengan satu cara yang boleh

menyelesaikan masalah ini dengan sebaik-baiknya. Jadi, ini akan kita ambil perhatian.

**Tuan Jawah Anak Gerang:** Yang Berhormat, saya rasa amat anih sekali. Ini dokumen-dokumen yang penting, kad pengenalan. Kalau seseorang itu membunuh orang, macam mana? Siapa nama dia, mana rekod dia. Itu sebabnya saya amat bertanggungjawab dan saya tahu. Mana orang Indonesia saya tahu. Percayalah kepada Ahli Dewan Rakyat, kalau tidak percaya kepada Ahli Dewan Rakyat siapa lagi? Saya tahu mana orang Indonesia, mana yang bukan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, saya ingat beginilah, memang anih kalau rakyat tidak ada kad pengenalan. Di Semenanjung perkara ini tidak berlaku kerana tiap-tiap rakyat mempunyai sijil beranak, senang diberi kad pengenalan. Oleh kerana di Sarawak sampai kita tidak tahu nama orang itu pun, apatah lagi tidak ada surat beranak, maka keunikan tidak ada kad pengenalan itu bukan satu perkara yang unik. Kerana dia tidak ada apa. Dengan sebab itu sekarang untuk daripada tidak ada untuk diadakan, kita akan jalankan usaha yang luar biasa di Sarawak atas perkara ini dan serah kepada Kementerian Dalam Negeri untuk menentukannya.

Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang telah membangkitkan masalah banduan lari. Memang tidak dinafikan bahawa bilangan banduan yang melarikan diri sejak akhir-akhir ini amat membimbangkan Kerajaan dan saya tahu bahawa seramai 123 banduan telah melarikan diri sejak tahun 1986 hingga 1989 dan daripada bilangan itu 75 ditangkap semula. Antara sebab-sebab yang dikenal pasti pelarian banduan ini ialah kelalaian pegawai-pegawai Penjara, banduan dibawa kerja luar kawasan Penjara, melalui program khidmat, keadaan keselamatan fizikal beberapa Penjara yang belum ditingkatkan dan kesesakan beberapa Penjara tertentu. Jadi langkah-langkah telahpun

diambil mengenakan tindakan tatatertib yang tegas ke atas pegawai Penjara yang lalai menjalankan tugas, mengetatkan rondaan-rondaan di dalam penjara, menambahkan bilangan pegawai-pegawai Penjara, membina menara-menara kawalan, mengadakan spotlight, memasang wire kecemasan di sekeliling pagar dan tembok penjara, memindahkan banduan ke Penjara-penjara yang kurang sesak dan mempergiatkan program pemulihan ke atas banduan-banduan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 21hb November, 1989 yang lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengadakan perjumpaan dengan semua pegawai-pegawai kanan dan ketua-ketua institusi Penjara seluruh negara mengenai isu-isu pelarian, dadah dalam penjara, banduan istimewa dan juga tentang disiplin dan moral Penjara. Pegawai-pegawai Penjara telah berikrar akan meningkatkan prestasi dan nama baik Jabatan Penjara.

Wakil dari Rasah telah bercakap tentang cuti separuh gaji pegawai Polis yang melanjutkan pelajaran ke universiti, khasnya yang telah pun mendapat tempat di UIA pada tahun ini. Yang sebenarnya, pihak saya sendiri, setelah saya menemui pegawai-pegawai ini akan rintihan mereka telah pun saya memanjangkan perkara ini kepada Menteri yang berkenaan dan pihak JPA sedang mengkaji dengan teliti atas perkara ini. Pihak Menteri berkenaan telah pun memberi jaminan bahawa perkara ini akan diberi perhatian yang serius.

Tentang penyesuaian anggota Polis mengikut jurusan kebolehan mereka, pihak PDRM akan mengambil perhatian. Begitu juga tentang peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran di dalam dan luar negeri.

Wakil dari Besut telah bercakap sedikit-sebanyak tentang Pendaftaran Pertubuhan. Di bawah peruntukan Akta

Pertubuhan 1966, telah jelas bahawa kuasa serta mengawasi ke atas pertubuhan-pertubuhan yang tertakluk kepada akta tersebut adalah terletak di bawah Pendaftar Pertubuhan. Hanya masa menimbangkan rayuan atas keputusan Pendaftar terletak kepada Menteri sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 18 Akta. Oleh itu adalah tidak benar ada campur tangan dalam pentadbiran Menteri atau Timbalan Menteri dalam hal Jabatan Pendaftaran Pertubuhan ini.

Yang Berhormat juga telah bercakap sedikit tentang PKM. Saya ingat perkara ini tidak payahlah saya ulang-ulang, tetapi inginlah saya nyatakan bahawa Yang Berhormat telah bercakap tentang skim gaji dan juga perumahan bagi anggota-anggota polis. Memang perkara ini sedang giat diambil perhatian oleh pihak Polis Diraja Malaysia agar perumahan terutamanya, dapat diberikan kepada anggota-anggota polis dan kalau saya hendak menyatakan di sini cukup panjanglah oleh sebab tiap-tiap negeri yang telah pun kita hendak beli dan hendak bina untuk anggota-anggota polis kita. Saya sendiri sungguh sedih melihat keadaan anggota-anggota polis yang terpaksa duduk di kawasan-kawasan setinggan dan dibelakang-belakang rumah.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, penjelasan sedikit. Saya hendak berbalik semula dengan apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan, sekejap sahaja, saya tidak sempat hendak bangun tadi.

Bolehkah secara ikhlas Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jaminan bahawa di dalam kita mengamalkan sistem demokrasi, kita membenarkan hak rakyat berpolitik secara halal, kita hendak membendung rakyat daripada bertindak secara haram maka kita menggalakkan mereka bergerak melalui pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar. Oleh yang demikian

hendaklah pihak Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri Dalam Negeri memberi kelonggaran, kemudahan kepada Pegawai Pendaftaran Pertubuhan untuk meluluskan pendaftaran permohonan pertubuhan-pertubuhan yang mencukupi syarat.

Saya tidak hendak bertengkar dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri di sini, walaupun Yang Berhormat Menteri mengatakan Menteri tidak campur tangan, tetapi semua orang tahu di dalam negara kita apabila Menteri kata yang ini lulus, kadang-kadang 24 jam pun ada pertubuhan diluluskan pendaftarannya. Kalau dikatakan yang ini jangan lulus, tidak diluluskan sampai berbulan-bulan, salah koma (') satu pun diminta penjelasannya, kena tunggu 40 hari. Sebagai contoh ialah permohonan Angkatan Perpaduan Ummah. Jikalau kita mengamalkan sistem demokrasi yang bersih, pihak yang berkuasa, khususnya Barisan Nasional sepatutnya tidak takut, manamana parti pun boleh didaftarkan, kalau 100 Angkatan Perpaduan Ummah pun tidak patut ditakuti oleh Barisan Nasional. Kalau ia sebuah parti yang baik, yang bagus, yang disokong oleh rakyat, ia akan menang dalam pilihanraya. Apabila parti lain hendak ditubuhkan, tidak dibenarkan, seolah-olah parti ini mengancam. Pada pandangan umum begitulah. Saya tidak hendak bertengkar kerana Yang Berhormat telah menafikan tadi. Tetapi pandangan umum begitu dan dalam anggapan saya pun begitu dan saya rasa dalam anggapan Yang Berhormat pun begitu, cuma dalam penjelasan sahaja berlainan. Saya minta dalam perkara ini, kita secara jujur bertindak dan mengambil tindakan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, secara jujur saya akan sematkan pendapat Yang Berhormat itu dalam hati sanubari saya dalam tindakan seharian di Kementerian ini. Tentang perumahan yang saya katakan tadi, pihak polis akan mengambil tindakan yang serius tentang perumahan dan juga gaji tadi.

Yang Berhormat dari Ampang Jaya telah bercakap mengenai mengapa peruntukan Kementerian Dalam Negeri mengenai membanteras dadah bagi tahun 1990 kurang \$6 juta. Ini kemungkinan bahawa kebanyakan projek yang kita jalankan sedang berjalan, dalam pembinaan terutama pusat-pusat Serenti yang baru dalam proses pembangunan, projek-projek ini diluluskan untuk tahun 1989. Jadi kita merasakan pada tahun 1990 kita hanya hendak menyiapkan kerja-kerja yang dilakukan pada tahun 1989. Tidak ada pusat-pusat baru dari peruntukan baru bagi tahun 1990 kerana apa yang diluluskan pada tahun 1989 pun belum kita habis jalankan, maka itulah kekurangan \$6 juta yang nampak kepada Yang Berhormat itu. Saya juga memang bersetuju dengan Yang Berhormat . . .

**Tuan Ong Tee Keat:** Tuan Pengerusi, saya cuma hendakkan sedikit penjelasan di sini. Tadi saya pernah menyebut bahawa baki \$6 juta itu sebenarnya bukan untuk tahun ini, ianya adalah untuk tahun 1990. Saya hendak tahu mengapakah baki \$6 juta itu tidak digunakan dengan sepenuhnya oleh Kementerian Dalam Negeri untuk membanteras masalah dadah. Sekian.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, oleh kerana kebanyakan daripada pusat-pusat Serenti baru yang kita dirikan dengan menggunakan pelatih-pelatih daripada pusat Serenti maka kosnya berkurangan, maka nampaklah berlebihan. Yang sebenarnya kalau mengikut harga JKR, berkemungkinan \$6 juta itu tidak mencukupi. Tetapi oleh sebab kita gunakan pelatih-pelatih daripada pusat-pusat lain untuk membina pusat-pusat kita, maka itulah nampaknya wang \$6 juta itu tidak dibelanjakan, walhal projek-perojek yang kita lakukan kita jalankan.

Yang Berhormat dari Rajang telah saya jelaskan tadi sebagaimana penjelasan kepada Yang Berhormat dari Lubok Antu. Bagaimanapun perkara ini

kalau Yang Berhormat serius, saya juga bercakap serius atas perkara ini . . .

**Dr Nicholas Munong Ibau:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, hendak penjelasan?

**Dr Nicholas Munong Ibau:** Ya, penjelasan. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa sekiranya kita mendapat seseorang yang tidak mempunyai Kad Pengenalan di Kuala Lumpur ini polis akan menangkap mereka. Di Sarawak banyak yang tidak ada Kad Pengenalan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengarahkan supaya polis meronda ke hulu sungai supaya menangkap dan mengumpul mereka yang tidak ada Kad Pengenalan dan once and for all, dengan izin, sesiapa yang tidak dapat membuktikan bahawa mereka adalah anak Sarawak atau bumiputera, hendaklah terus dihalau mereka itu ke manamana yang sesuai. Sekiranya kita tidak dapat menghalau mereka ke negeri jiran atau negeri-negeri selain dari Sarawak maka patutlah kita memberi Kad Pengenalan kepada mereka. Sekian.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, kalau dilakukan oleh pasukan polis sedemikian rupa di Sarawak, saya ingat Yang Berhormat adalah orang yang pertama sekali berjumpa dengan saya untuk melepaskan mereka semua kerana kontek di Sarawak adalah berbeza dengan kontek di sini. Keadaan di Sarawak adalah bebeza dengan keadaan di sini dan kita tidak akan lakukan. Bagaimanapun kita akan selesaikan masalah Kad Pengenalan ini dan jangan timbulkan fasal tangkap.

Wakil dari Arau telah memuji tentang pihak Kerajaan dalam menandatangani perletakan senjata oleh PKM dan beliau juga telah menekankan tentang tam-bahan peruntukan kepada PEMADAM dan pihak PEMADAM telahpun merayu.

Tentang tata tertib polis ini, biarlah diberi peluang untuk merayu. Perkara ini boleh dirayu kepada Menteri jika sekiranya perlu. Tentang Jabatan Orang Asli, tekanan atas permohonan akan dibuat.

Yang Berhormat dari Jelutong telah menekankan tentang menghapuskan Akta ISA. Suara ini telah berkali-kali disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat. Namun begitu, pihak Kerajaan akan mengambil perhatian atas seruan-seruan yang dibuat sepertimana yang dikehendaki oleh keadaan masa dan ketika. Tentang perkara kedua menjual rahsia . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**  
(*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, Ahli dari Pasir Mas bangun.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Minta penjelasan sedikit. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan ISA akan diberi perhatian. Saya ingin mendapat penjelasan secara yang tegas sebab ada perbezaan pandangan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan ISA perlu dikekalkan kerana ada lain-lain isu termasuk isu perkauman manakala kita tahu ISA ini dahulu untuk tujuan komunis. Jadi, kalau isu perkauman, kenapakah tidak diguna Akta Hasutan yang sedia ada? Kalau sudah ada Akta itu untuk mengawal keadaan itu, kenapa tidak boleh ISA ini dihapuskan sama sekali? Sebab itulah tujuannya dahulu. Itu satu. Yang kedua, oleh kerana itu, saya hendak tanya, bila hendak dibebaskan tahanan ISA ahli-ahli PAS yang saya diberi faham ada 20 orang lebih dalam tahanan di Kem Kamunting? Jadi, saya kira wajar mereka ini dibebaskan dengan segera oleh kerana kalau dilihat dengan cara-cara Kerajaan

bertindak terhadap PKM dan sebagainya, wajar sekali mereka dibebaskan dengan segera.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**  
Tentang apa yang telah disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, merekalah yang lebih arif tentang keadaan-keadaan dan saya menyokong atas saranan yang telah disuarakan.

Perhatian yang saya sebutkan tadi ialah bahawa mungkin positif atau negatif. Tetapi perhatian akan diberi kerana mengikut keadaan-keadaan yang tertentu, perhatian ini bolehlah kita kata untuk memperkuatkan lagi pun boleh, untuk merombak pun boleh, untuk menghapuskan pun boleh. Jadi, perhatian juga yang terpaksa kita beri.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Pengerusi, penjelasan sedikit lagi. Ini yang susah, Tuan Pengerusi. Berbelit-belit! (*Ketawa*) Saya hendak tolong buka belit ini. Jadi, saya bercakap ini sebab perkara ini serius. Serius dalam erti kata kerana ianya telah membabitkan kepentingan bukan sahaja dari segi maruah negara, kebebasan rakyat dan hak rakyat. Jadi, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab akan diberi perhatian negatif ataupun positif, ini main-main. Kalau Yang Berhormat main-main, boleh beri pada saya jadi Timbalan Menteri itu. (*Ketawa*) Senang, kita boleh buat kerja ISA ini. Ini basic. Cuma tinggal lagi, saya bangkitkan perkara ini sebab saya kira perkara ini serius. Serius dalam ertikata sudah sampai masanya sebab kalau tidak, ISA ini disalahgunakan. Penyalahgunaan seperti yang pernah berlaku sebelum ini. Banyak pihak yang sudah kena ISA ini.

Saya bukan bangkit perkara ini beberapa kali kerana dahulu saya teruk ditahan di bawah ISA juga. Tetapi, soal prinsip. Soal prinsipnya bahawa ISA sudah tidak perlu lagi. Pandangan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman,

begitu juga yang lain-lain sebab masalah kononnya PKM yang dibahaskan sebentar tadi telah meletakkan senjata. Saya harap betullah. Jangan timbul masalah-masalah lain pula. Saya dahulu dari segi ISA, Tuan Pengerusi, sedikit sahaja saya menyebut. Saya tidak persoalan dahulu tinggal lagi dari segi penyalahgunaan sahaja yang saya persoalan dan hari ini tujuan itu sudah habis. Jadi, janganlah saya harap, Timbalan Menteri main-main dalam hal ini. Ini Dewan yang mulia. Kalau main-main lagi, saya bangun lagi lepas ini!

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat, sungguhpun PKM telahpun menandatangani perletakan bersenjata, tetapi PKM itu sendiri kita haramkan. Di negara kita ini komunis itu kita haramkan. Sungguhpun golongan ini telah meletakkan jawatan, kita belum tahu lagi bahawa kita bebas daripada fahaman komunis di negara ini. Dia mungkin meresap di bandar-bandar . . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri . . . .

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti dahulu. Yang mana hendak beri?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Berilah saya peluang, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Biarlah Timbalan Menteri menerangkan dahulu. Dia tidak beri jalan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, itu yang pertama. Yang kedua, kita tahu bahawa negara kita negara majmuk. Kalau semua orang boleh hidup aman damai, tidak ada cucuk mencucuk, tidak ada hangat menghangat, tidak apa. Negara kita berbilang kaum, berbilang agama, berbilang budaya, cabar-mencabar di antara satu sama lain. Apakah senjata yang hendak menahan keadaan ini? Ini masalahnya.

Jadi, kalau sekiranya Yang Berhormat mahu serius dengan saya, saya serius. Mula-mula Yang Berhormat bangun senyum-senyum dengan saya. Saya bangun senyum-senyum. (*Ketawa*) Tetapi bila Yang Berhormat serius, saya terpaksa serius. Ini keadaannya, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Pasir Mas.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya senyum sebab itu tunjuk kita baik. Kita senyum dalam senyum itu kita serius. Kalau muka masam nanti mulalah S.B. sana, S.B. sini, (*Ketawa*) ISA pula! Ini senyum pun tidak boleh, masam pun tidak boleh. Jadi, soalnya, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan PKM tetap diharamkan, baik Chin Peng mengatakan PKM tetap akan terus tidak akan dibubarkan. Apakah Chin Peng akan balik? Jadi, sudah ada contradiction di situ. Jadi, soalnya sekarang ini soal ISA saya mengatakan salahguna. Semua orang tahu negara kita ini negara majmuk. Orang tahu masalah-masalah sensitif. Saya sudah kata tadi dalam soalan kepada Yang Berhormat mengenai dengan Akta Hasutan. Tidak ada ini, yang ISA ini untuk guna tujuan tertentu sahaja dalam soal politik. Mengaku sahajalah-betul. With due respect, Tuan Pengerusi, tidak usah main-main. Ini saya cakap, seriuslah ini. Saya senyum tetapi serius. (*Ketawa*)

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, saya ingat cukuplah, Tuan Pengerusi soal ini. Berilah peluang kepada saya untuk menjawabnya.

Ini tentang penahanan menjual rahsia. . . .

**Tuan P. Patto:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Ipoh bangun.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya hendak bercakap perkara lain ini dan tidak mengenai ISA.

Tentang penjualan rahsia ini, kita tahu bahawa sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli dari Jelutong mengenai beberapa orang dari golongan Punjabi yang telah ditahan di bawah ISA baru-baru ini. Mereka ditahan kerana terlibat dalam kegiatan yang membahayakan keselamatan negara. Daripada seramai 8 orang telah ditangkap untuk siasatan, 5 daripada mereka adalah terdiri dari golongan Punjabi di mana kesemua mereka adalah ditahan di bawah perintah tahanan. Baki 3 orang lagi adalah dari kaum India yang mana seorang dikenakan perintah tahanan, seorang dikenakan perintah sekatan sementara seorang lagi dibebaskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti Yang Berhormat . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Pengerusi, bolehkah saya dapat senarai kelapan-kelapan orang yang telah ditahan itu—8 orang yang ditahan sekarang di kem Kamunting?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya minta maaf. Saya tidak ada senarainya di sini. Bagaimanapun . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Bolehkah saya dapat secara bertulis?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Yang Berhormat bolehlah menulis kepada pihak Kementerian Dalam Negeri tentang hal ini.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bolehkah Timbalan Menteri beri jaminan untuk memberi senarai itu kepada saya? Tidak payah tulis. Sekarang saya beritahu.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Yang Berhormat kena tulislah kepada saya secara hitam putih. Saya tahulah datang daripada Yang Berhormat. Lepas itu saya akan jawablah. (*Ketawa*)

**Tuan R. Karpal Singh:** Secara bertulis?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Yang Berhormat telefon saya pun saya jawab, takkan tulis saya tidak jawab! (*Ketawa*)

**Tuan P. Patto:** Penjelasan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Penjelasan apa? Saya baru hendak habis ini. Belum habis lagi ini. (*Ketawa*).

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Biar dia habiskan dahulu, Yang Berhormat.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Jadi, penglibatan mereka ini adalah menjual maklumat rahsia negara pada negara asing. Kesemua mereka ditahan adalah pegawai-pegawai tentera yang berkhidmat di cawangan-cawangan TUDM, TLDM dan juga Tentera Darat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bolehkah saya dapat tahu alasan-alasan di atas tuduhan itu?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk kepentingan semangat ASEAN, saya tidak dapat menyuarakan negara mana dalam Dewan ini tetapi saya boleh beritahu Yang Berhormat secara bersendirinya.

Selain daripada 8 rakyat kita, yang 2 orang adalah rakyat asing yang telah kita tangkap kerana terlibat secara langsung untuk mendapatkan rahsia-rahsia ini.

Nombor tiga . . . .

**Tuan P. Patto:** Penjelasan, Tuan Pengerusi. Oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa pada umumnya kesalahan mereka adalah menjual maklumat kepada negara yang beliau mengakui ialah anggota ASEAN daripada jawapan tadi. Kalau itu benar, kenapakah OSA tidak digunakan ke atas mereka oleh kerana pihak polis mempunyai

maklumat khususnya Special Branch, rasa saya. Maklumat yang tepat bahawa maklumat-maklumat yang dianggap sebagai rahsia yang boleh mengancam keselamatan negara sekiranya diperolehi oleh orang-orang yang tidak harus memiliki maklumat itu dijual oleh pegawai-pegawai dalam Tentera Laut Diraja Malaysia, kenapa OSA tidak digunakan dan kenapa ISA digunakan?

Adakah itu membuktikan bahawa pihak Polis tidak berupaya untuk menjalankan siasatan rapi untuk mendapat maklumat dan bukti yang tepat untuk membawa mereka ke mahkamah maka mereka gunakan alasan ISA di mana ISA boleh digunakan dengan sewenang-wenangnya sepertimana kita dapat tahu daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Pihak Polis dan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri berpendapat bahawa Akta inilah yang paling sesuai sekali untuk digunakan dalam mengendalikan kes ini. Itu sahaja jawapan saya.

**Tuan P. Patto:** Tidakkah benar bahawa pihak polis yang ditugaskan untuk menyiasat kes ini mencari perlindungan di bawah ISA untuk membuktikan mereka menjalankan tugasnya dengan sempurna. Oleh kerana mereka tidak tahu ataupun tidak mempunyai keupayaan untuk menyiasat dan membawa mereka yang dikatakan salah menjual maklumat kepada negara dalam anggota ASEAN ini dan oleh kerana mereka tidak boleh menyiasat dengan teliti dan sempurna maka mereka mencari perlindungan di bawah ISA untuk membuktikan kepada Timbalan Menteri dan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri bahawa mereka sudah membuat kerja yang baik sekali untuk negara. Adakah ini betul?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, tidak timbul langsung masalah hendak berselindung atau tidak, tetapi pihak polis berpendapat bahawa

Akta inilah yang paling sesuai digunakan atas penderhaka-penderhaka ini, iaitu yang telah menjual rahsia negara kepada negara asing.

**Tuan P. Patto:** Tidakkah Yang Berhormat . . .

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya tidak mahu hendak bersoal jawab.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, dia sudah menjawab.

**Tuan P. Patto:** . . . berpendapat bahawa pihak polis dalam hal ini incompetence sekali?

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia sudah jawab Yang Berhormat, memadailah.

**Tuan P. Patto:** Bolehkah Yang Berhormat beri penjelasan?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya sudah jawab Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia sudah jawab, betul Yang Berhormat.

**Tuan P. Patto:** Mengenai perkara ini, adakah menjadi dasar Kementerian Dalam Negeri untuk masa hadapan tidak menggunakan Kanun Jenayah, tidak menggunakan OSA, tidak menggunakan apa-apa Undang-undang dalam negara ini dan menggunakan ISA sahaja untuk apa sahaja kesalahan di mana pihak polis yang tidak berupaya tidak membuat siasatan sempurna mencari perlindungan di bawah ISA maka Akta-akta lain itu semua tidak berguna. Adakah benar itu menjadi dasar akan datang?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kita mempunyai Undang-undang negara ini, kita mempunyai dasar-dasar yang tertentu, tetapi di dalam kes ini, Akta ISA lah paling sesuai. Itu sahajalah jawapan saya (*Tepuk*). Saya tidak mahu cakap kes-kes lain, kes ini.

**Tuan P. Patto:** Sebab ia adalah melibatkan rahsia dan mengenai rahsia, memang sudah ada Undang-undang, iaitu OSA, kenapa ISA?

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, dia sudah jawab tadi, sudah tiga empat kali . . . .

**Tuan P. Patto:** Adakah pihak polis berasa bahawa ISA yang tepat, kenapa bukan OSA?

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Ipoh duduk dahulu . . . .

**Tuan P. Patto:** Kerana OSA adalah lebih tepat dengan maklumat rahsia, mengenai rahsia, menjual rahsia . . . .

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, duduk dahulu! Dia sudah cakap tadi itu yang lebih sesuai katanya, jadi soal Yang Berhormat tidak puas hati itu tidak timbul.

**Tuan P. Patto:** Kenapa itu lebih sesuai daripada OSA pada hal bahan itu adalah rahsia.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan P. Patto:** . . . the issue is, dengan izin, rahsia-secret, kenapa bukan OSA dan ISA. Bagaimana ISA lebih sesuai daripada OSA, pada hal OSA itu mengenai rahsia dan ISA bukan tentang rahsia. Sebenarnya seperti Ahli dari Pasir Mas mengatakan bahawa Perdana Menteri pertama negara ini pun sudah mengatakan beberapa kali - itu adalah untuk membanteras komunis, bukan untuk OSA dan bukan untuk menjual rahsia dan sebagainya.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, saya tidak akan menjawab berulang-ulang kali.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Yang Berhormat juga telah mengemukakan kes pembunuhan Cik Mustakizah binti Jaafar. Ini adalah bidangkuasa pihak polis dan saya difahamkan kes ini masih di dalam siasatan pihak polis.

Tentang kes pemimpin MIC melakukan adegan lucu, perkara ini saya tidak sedar Yang Berhormat, kerana tidak sampai ke pengetahuan pihak Kementerian Dalam Negeri.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya ingin mendapat tahu, adakah police report dibuat oleh pemimpin ini? Laporan polis Travers ada bukan? Dan di dalam report itu adakah siasatan dijalankan atas report itu? Jikalau ada, apa hasil siasatan itu?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, report ini mungkin sampai kepada Pejabat Polis yang berkenaan sahaja dan tidak sampai ke Kementerian Dalam Negeri. Dengan sebab itu, saya tidak sedar, jadi bila Yang Berhormat tanya, adakah saya sedar, jawabnya saya tidak sedar.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bolehkah saya dapat tahu barangkali dalam masa hadapan, apa siasatan ini dan apakah hasil siasatan itu?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Sebagai seorang Islam, saya boleh jawab "insya Allah".

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu tidak cukup (*Ketawa*).

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, 'insya Allah' bagi orang Islam adalah satu perkara yang cukup besar dengan nama Allah, jadi tidak bolehlah Yang Berhormat kata tidak cukup.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak cukup. Ini perkara Undang-undang. Adakah apa-apa siasatan dalam laporan itu? Jikalau ada, apakah hasilnya? Sudah lebih satu tahun . . . .

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Ialah, bila . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** . . . . Yang Berhormat tidak tahu apa-apa lagi! Kementerian tidak tahu, jikalau itu, siapa tahu?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya akan siasatlah Yang Berhormat, berilah peluang kepada saya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Siasat sekarang!

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Insya Allah. Bila Yang Berhormat minta, saya akan cubalah cari.

**Tuan R. Karpal Singh:** Cuba baik-baik, jangan main-main ini. (*Ketawa*)

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Ini bukan main-main (*Ketawa*) (*Tepuk*). Saya hendak bertanya Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat, saya ada pernah main-mainkah?

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ya, dia serious Yang Berhormat. Kita serious ini.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, saya hendak . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini permainan, saya tahu oleh kerana di dalam itu ada skandal. Siapa tidak tahu?

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia sudah cakap tadi akan siasat Yang Berhormat . . . .

**Seorang Ahli:** Video . . . .

**Tuan Karpal Singh:** Ya, video lucu itu. Ada pemimpin MIC berlakon di dalam video itu (*Ketawa*) (*Tepuk*). Bolehkah nafikan sekarang? (*Tepuk*). Boleh nafi? Tidak sedar—bukan nafi, tidak sedar bukan?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, saya baru ini saya dengar—first time, dengan izin, saya dengar.

**Tuan R. Karpal Singh:** Come on, come on, ini bukan insya Allah, saya ingat ini bohong. (*Ketawa*)

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Betul, saya tidak tahu cerita ini, saya terkejut.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beri jaminan akan siasat perkara ini, kerana perkara ini sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tadi melibatkan Timbalan Yang di-Pertua Dewan. Jadi kenalah perkara ini, kalau tidak betul pun dibersihkan. Jadi siasat betul-betul dan kalau dapat (*Tepuk*) lima gulung filem itu ditayangkan di Dewan ini (*Ketawa*) (*Tepuk*).

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tidak ada peraturan Yang Berhormat—peraturan itu tidak ada (*Ketawa*).

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, saya akan cuba mencari butir-butir lanjut tentang perkara ini. Yang Berhormat dari Pasir Mas, berilah chance kepada saya ini . . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya hendak beritahu, kalau dapat video itu tak usahlah ditayangkan, saya tidak mahu tengok (*Ketawa*).

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Terima kasih Yang Berhormat, saya pun tidak mahu tengok (*Ketawa*). Berhubung dengan dakwaan yang dibuat terhadap . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Ada orang yang melihat filem-filem itu (*Ketawa*) dan Timbalan Menteri tidak sedar sampai sekarang. Apa ini, apa tugas? Apakah yang dikatakan tanggungjawab ini?

**Tuan Pengerusi (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Jelutong, nanti sekejap . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Orang ramai dalam negara ini ada lihat apa yang ada dalam video-video lucah itu.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Jelutong ada tengok? (*Ketawa*)

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Yang Berhormat, minta maaf, kalau saya tidak tengok, minta maaf, saya tidak berminat hendak tengok. Itu sahaja.

Berhubung dengan dakwaan yang dibuat terhadap kekerasan pihak polis ketika menjalankan siasatan ke atas orang-orang tahanan ISA, sukalah saya menjelaskan di dalam Dewan ini bahawa siasatan yang rapi telah pun dijalankan dan lagi sekali saya katakan bahawa mengikut pihak polis, dakwaan itu tidak benar kecuali terhadap Abdul Rahman Hamzah yang mana telah dirujuk kepada Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya. Jadi kita tunggulah apakah tindakan daripada Peguam Negara di atas perkara Abdul Rahman Hamzah ini.

**Tuan R. Karpal Singh:** Penjelasan. Sudah satu bulan, Tuan Pengerusi, selepas laporan, siasatan ini—kertas siasatan sudah dihantar kepada Peguam Negara. Satu bulan, lagi mahu berapa lama untuk mendapat keputusan di atas apa yang sudah ada bukti dalam siasatan itu. Bolehkah saya dapat tahu, bila kita boleh dapat keputusan daripada Peguam Negara? Bila?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, oleh kerana Peguam

Negara bukanlah di bawah Kementerian Dalam Negeri, saya tidak dapat memberi jaminan, kerana ini di bawah Kementerian Kehakiman. Bagaimanapun saya akan sampaikan hasrat Yang Berhormat itu kepada Kementerian yang berkenaan.

Yang Berhormat dari Marang yang terakhir telah memuji tentang kejayaan Kerajaan dan ingin saya nyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun bersetuju satu rupa bentuk peruntukan khas kepada Persatuan Bekas Tentera dan juga kepada Persatuan Bekas Polis, tetapi bentuk dan caranya sahaja yang belum dapat kita tentukan.

Tuan Pengerusi, bagi saya sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat baik dari penyokong Kerajaan mahu pun dari pihak Pembangkang yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan ini. Sekiranya ada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu tidak sempat saya jawab, Kementerian Dalam Negeri sentiasa akan mengambil perhatian dan tindakan yang perlu. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$90,769,900 untuk Maksud B. 35; \$1,153,616,000 untuk Maksud B. 36; \$49,801,300 untuk Maksud B. 37; \$2,966,500 untuk Maksud B. 38; \$46,360,000 untuk Maksud B. 39; \$99,550,000 untuk Maksud B. 40; \$28,963,500 untuk Maksud B. 41; \$29,903,000 untuk Maksud B. 42 dan \$2,562,100 untuk Maksud B. 43 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$90,769,900 untuk Maksud B. 35; \$1,153,616,000 untuk

Maksud B. 36; \$49,801,300 untuk  
Maksud B. 37; \$2,966,500 untuk  
Maksud B. 38; \$46,360,000 untuk  
Maksud B. 39; \$99,550,000 untuk  
Maksud B. 40; \$28,963,500 untuk  
Maksud B. 41; \$29,903,000 untuk  
Maksud B. 42 dan \$2,562,100 untuk  
Maksud B. 43 diperintahkan jadi  
sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$25,430,400 yang disebutkan dalam Maksud P. 35; \$259,208,900 untuk Maksud P. 36; \$10,595,000 untuk Maksud P. 37; \$13,405,000 untuk Maksud P. 39; \$26,107,600 untuk Maksud P. 40; \$14,902,000 untuk Maksud P. 41 dan \$1,200,000 untuk Maksud P. 42 dalam Anggaran Pembangunan, 1990 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak \$25,430,400 untuk Maksud P. 35; \$259,208,900 untuk Maksud P. 36; \$10,595,000 untuk Maksud P. 37; \$13,405,000 untuk Maksud P. 39; \$26,107,600 untuk Maksud P. 40; \$14,902,000 untuk Maksud P. 41 dan \$1,200,000 untuk Maksud P. 42 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1990.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*